

**PENENTU PENENTU
PENGUNAAN
MAKANAN ISI RUMAH
MISKIN
LUAR BANDAR**

**Studi Kasus di Kecamatan Bontoa, Kabupaten Maros
Sulawesi Selatan Indonesia**

Ir. Andi Tenri Fitriyah, M.Si., Ph.D

2019

**Penentu Penentu Penggunaan Makanan isi Rumah
Miskin Luar Bandar (Studi Kasus di Kecamatan Bontoa
Kabupaten Maros Sulawesi Selatan Indonesia)**

Penulis : Ir. Andi Tenri Fitriyah, M.Si., Ph.D
Editor : Mas'ud Muhammadiyah
Desain Cover : Abdul Kodir

Diterbitkan Pertama Kali Oleh :

Azkiya Publishing
Prum Bukit Golp Arcadia Housing F6 No 10
Leuwinanggung Gunung Putri Bogor
Bekerjasama dengan Colli Puji'e FKIP
Sastra UNIBOS

Didistribusikan Oleh:

Pustaka AQ
Nyutran MG II 14020 Yogyakarta
pustaka.aq@gmail.com
HP 0895603733059

ISBN : 978-623-7021-40-7

14x21 cm = 233 halaman

Cetakan Pertama April 2019

Sanksi pelanggaran pasal 44, Undang-undang No. 7 Tahun 1987 tentang Perubahan atas Undang-undang No.6 Tahun 1982 tentang hak cipta.

1. Barangsiapa dengan sengaja dan tanpa hak mengumumkan atau memperbanyak suatu ciptaan atau memberi izin untuk itu dipidana dengan pidana penjara paling lama 7 tahun dan/atau denda paling banyak Rp. 100.000.000,- (seratus juta rupiah).
2. Barang siapa dengan sengaja menyiarkan, memamerkan, mengedarkan atau menjual kepada umum suatu ciptaan atau barang hasil pelanggaran hak cipta sebagaimana dimaksud dalam ayat 1 (satu), dipidana dengan pidana penjara paling lama 5 tahun dan/atau denda paling banyak Rp. 50.000.000 (lima puluh juta rupiah).

KATA PENGANTAR

Segala puji bagi Allah yang menguasai segala ilmu, yang menciptakan seluruh makhluk di dunia ini. Puji syukur pula teruntai kepada-NYA atas taufik dan limpahan karunia-NYA yang telah membimbing saya untuk menyelesaikan buku berjudul “Penentu Penentu Penggunaan Makanan Isi Rumah Miskin Luar Bandar Di Kecamatan Bontoa, Kabupaten Maros Sulawesi Selatan Indonesia”.

Buku ini ditulis dalam bahasa Melayu, dan buku ini mengupas tentang faktor-faktor sosial dan ekonomi yang mempengaruhi penggunaan makanan isi rumah miskin luar Bandar. Makanan merupakan satu keperluan hidup yang perlu dipenuhi dan seorang manusia perlu makan sekurang-kurangnya tiga kali sehari bagi menampung keperluan tenaga seharian. Faktor pemakanan memainkan peranan yang sangat penting dalam mengembang potensi sumber daya manusia agar lebih produktif dan berkualiti dalam kehidupan seharian mereka . Oleh kerana itu slayaknyalah masalah pemakanan menjadi masalah keutamaan dalam kehidupa manusia, baik pada peringkat individu keluarga, masyarakat mahupun di peringkat Negara atau nasional.

Untuk itu semua, penulis mengucapkan banyak terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu

sehingga draft buku ini dapat diselesaikan. Tidak lupa juga, kepada penerbit yang membantu menerbitkan buku ini penulis mengucapkan banyak terima kasih. Mudah-mudahan buku ini bermanfaat bagi kita semua Aamiin... Ya Rabbal Alamin.

Makassar, 31 Maret 2019
Ir. Andi Tenri Fitriyah, M.Si, Ph.D

DAFTAR ISI

KATA PENGANTAR	3
DAFTAR ISI	5
BAB 1 PENDAHULUAN	8
1.1 Pengenalan	8
1.2 Latar Belakang	9
1.3 Pernyataan Masalah	26
1.4 Objektif Kajian	29
1.5 Soalan Kajian	29
1.6 Skop dan Batasan Kajian	29
1.7 Diformasi Operasional	31
1.8 Kepentingan Kajian	37
1.9 Organisasi Tesis	38
1.10 Penutup	39
BAB 2 KAJIAN LEPAS DAN SOROTAN KARYA .	40
2.1 Pengenalan	40
2.2 Pengertian Kemiskinan	40
2.3 Kemiskinan dan Masyarakat Luar Bandar	43
2.4 Peranan Pemerintah Mengatasi Kemiskinan	59
2.5 Makanan dan Penggunaan Makanan	62
2.6 Pengeluaran Makanan	70
2.7 Teori Penggunaan	79
2.8 Pemakanan Seimbang	92
2.9 Keperluan Nutrisi	93
2.10 Penyajian Hidangan Sehat	94

2.11 Hidangan Pelbagai Jenis Makanan	95
2.12 Pengertian Penggunaan	95
2.13 Teori Kecukupan Makanan	99
2.14 Penutup	110

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN 112

3.1 Pengenalan	112
3.2 Kerangka Konsep	112
3.3 Kaedah Pengumpulan Data	117
3.4 Pembolehubah Dalam Menganalisis Impak Sosial dan Ekonomi Serta Penggunaan Makanan Terhadap Isi Rumah Miskin.....	123
3.5 Kajian Rintis	126
3.6 Kaedah Analisis Data	131
3.7 Penutup	137

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN
PERBINCANGAN 139**

4.1 Pendahuluan	139
4.2 Responden Menurut Umar	139
4.3 Tahapan Pendidikan Responden	140
4.4 Mata Pencarian	141
4.5 Maklumat Asas Informan.....	142
4.6 Demografi Wilayah Kabupaten Maros	144
4.7 Dapatan Deskriptif	148

**BAB 5 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN
..... 155**

5.1 Pendahuluan	155
5.2 Program Beras Untuk Orang Miskin (RASKIN)	155

5.3 Kecukupan Makanan dan Keberkesanan Penggunaan Makanan Isi Rumah Miskin Luar Bandar	159
5.4 Penggunaan Makanan Isi Rumah Miskin Luar Bandar	160
5.5 Penggunaan Tenaga Isi Rumah Miskin Luar Bandar.....	164
5.6 Keputusan Korelasi	177
5.7 Pemboleh Ubah Bersandar dan Tidak Bersandar Yang Berpengaruh Terhadap Penggunaan Makanan Isi Rumah Miskin Luar Bandar	197
5.8 Kecukupan Makanan dan Keberkesanan Pola Penggunaan Makanan Isi Rumah Miskin Luar Bandar	198
5.9 Keberkesanan Pola Penggunaan Makanan Isi Rumah Miskin Luar Bandar	206
5.10 Dapatan Analisis Deskriptip Informasn	208
5.11 Penutup	213
SENARAI RUJUKAN	215

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Faktor pemakanan memainkan peranan yang sangat penting dalam mengembang potensi sumber manusia agar lebih produktif dan berkualiti dalam kehidupan seharian mereka. Oleh kerana itu, selayaknyalah masalah pemakanan menjadi masalah keutamaan dalam kehidupan manusia, baik pada peringkat individu, keluarga, masyarakat mahupun di peringkat negara atau nasional (Sumarno,2012).

Krisis makanan yang mula dirasai sekarang oleh masyarakat dunia dan di Indonesia adalah membimbangkan (Sulistyawati & Faturrochman, 2010). Punca utama krisis makanan ialah ketersediaan tanah dan pengeluaran makanan tidak mampu mengimbangi pesatnya pertambahan penduduk. DiIndonesia, Badan Pusat Statistik Indonesia (2010), mengira bahawa kadar pertumbuhan penduduk tahun 2011-2015 sebanyak 1.18 peratus dan untuk tempoh 2025-2030 sebanyak 0.82 peratus. Menurut data Badan Perancangan Pembangunan Nasional (Bapenas, 2011), jumlah penduduk Indonesia telah mencapai 248 juta . Dengan penggunaan purata beras

sebanyak 139 kilogram setiap orang setahun, Indonesia memerlukan beras sebanyak 34.5 juta tan setahun.

Selain itu jika penukaran tanah pertanian kepada bukan pertanian semakin meluas, maka krisis makanan akan semakin kritikal. Krisis makanan pada masa ini sudah menjadi isu utama global. Krisis terjadi kerana makin berkurangnya tanah pertanian, sedangkan pengambilan makanan masyarakat semakin tinggi. Pada umumnya kekurangan gizi atau zat makanan biasanya terjadi disebabkan oleh faktor kemiskinan. Apabila keperluan tenaga daripada makanan dapat dicukupi, maka keperluan protein masyarakat juga akan dipenuhi. Tujuan utama dari setiap dasar makanan adalah untuk mencukupi keperluan tenaga setiap penduduk.

1.2 Latar Belakang

Makanan merupakan satu keperluan hidup yang perlu dipenuhi dalam apapun status ekonomi. Mahu atau tidak, seorang manusia perlu makan sekurang-kurangnya tiga kali sehari bagi menampung keperluan tenaga seharian. Namun, dalam situasi populasi dunia semakin bertambah, keadaan cuaca yang tidak menentu, adakah Indonesia bersedia menghadapi pelbagai bentuk ancaman seperti kecukupan makanan berdasarkan rekod penduduk dunia kini mencecah 250 juta (FAO, 2013). Mengikut definisi yang dipetik daripada Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), kecukupan makanan akan wujud apabila setiap manusia pada setiap masa memiliki akses fizikal dan ekonomi untuk mendapatkan makanan yang cukup, selamat dan

berkhasiat bagi memenuhi keperluan diet dan citarasa mereka supaya dapat hidup aktif dan sihat.

Unsur utama kecukupan makanan iaitu kecukupan, keboleh dapatkan, keselamatan, berkhasiat dan mampu beli. Dalam konteks negara Indonesia , objektif kecukupan makanan akan tercapai melalui peningkatan produktiviti dan kapasiti pengeluaran hasil pertanian.

Menurut Menteri Pertanian, Indonesia pernah mengalami krisis makanan pada tahun 2008, namun hal demikian tidak berlaku secara berterusan dan dalam jangka masa yang lama. Perkara itu terjadi kekurangan makanan tertentu berlaku ketika musim perayaan disebabkan permintaan yang tinggi melebihi daripada biasa atau semasa cuaca yang tidak menentu yang menyebabkan kerosakan pada tanaman.

Situasi kecukupan makanan di Indonesia tidak segenting berbanding dengan negara seperti Afrika.

Dalam situasi perekonomian yang tidak stabil, golongan miskin bandar akan terdedah kepada kesulitan untuk mendapatkan makanan yang cukup dan berzat daripada kuasa membeli yang rendah dan peningkatan harga makanan. Pertanian bandar adalah satu inisiatif yang boleh dilakukan bagi meningkatkan kecapaian, kecukupan dan kualiti makanan dalam kalangan penduduk bandar yang juga boleh menjadi punca sumber pendapatan, menyediakan ruang hijau dan menyumbangkan kepada pembangunan masyarakat yang sejahtera.

Ditinjau dari potensi faktor pengeluaran wilayah, sumber alam Indonesia mempunyai potensi menyediakan bekalan makanan yang berbeza-beza dari satu wilayah

kewilayah lain, baik dari segi sumber karbohidrat maupun protein, vitamin dan mineral, yang berasal daripada kumpulan bijirin, umbi-umbian, makananberasaskan haiwan, kacang, sayur-sayuran, buah-buahan, dan biji berminyak. Potensi sumbermakanan tersebut belum seluruhnya dimanfaatkan secara optimum sehingga pola penggunaan makanankeluarga masih didominasi oleh beras. Di samping itu, kepelbagaian penggunaan makanan dan pemakanan yang sesuai dengan kaedah pemakanan seimbang, masih belum wujud (Anderson, 2010).

Permasalahan kecukupan makanan di Indonesia masih terus terjadi. Beberapa hasil kajian menunjukkan persediaan makanan yang cukup secara nasional terbukti tidak menjamin pewujudan kecukupan makanan pada tingkat wilayah (regional), isi rumah atau individu.

Martianto dan Ariani (2004) menunjukkan bahawa jumlah proporsi isi rumah yang kekurangan makanan di setiap provinsi masih tinggi. Permasalahan makanan mencakup beberapa aspek. Aspek pertama ialah aspek produksi dan ketersediaan makanan. Permasalahan aspek produksi diawali dengan ketidak cukupan produksi bahan makanan untuk memenuhi keperluan penduduk. Hal ini dikeranakan oleh laju pertumbuhan produksi makanan yang relatif lebih lambat dari pertumbuhan permintaannya (penduduk). Aspek kedua ialah aspek distribusi. Permasalahan di dalam pembangunan kecukupan makanan adalah distribusi makanan dari daerah sentra produksi ke konsumen di suatu wilayah. Adanya hambatan dalam distribusi akan menyebabkan terhambatnya konsumen untuk

mendapatkan makanan. Aspek ketiga yang tidak kalah penting ialah aspek penggunaan. Permasalahan dari aspek penggunaan diawali dengan suatu keadaan masyarakat Indonesia yang memiliki tingkat penggunaan makanan cukup tinggi terhadap bahan makanan beras. Jumlah penduduk Indonesia saat ini mencapai 216 juta jiwa dengan angka pertumbuhan 1.7 % per tahun. Aspek ketiga iaitu, Angka tersebut mengindikasikan besarnya bahan makanan yang harus tersedia dan juga menjadikan Indonesia sebagai salah satu negara dengan pengguna beras tertinggi di dunia. Berdasarkan data SUSENAS – BPS tahun 2011 tingkat pengguna masyarakat Indonesia terhadap beras sekitar 134 kg per kapita. Pilihan masyarakat Indonesia pada tanaman padi sebagai sumber karbohidrat utama dikarenakan padi mudah diolah menjadi nasi yang cocok dimakan dengan segala macam lauk. Adanya ketergantungan masyarakat Indonesia pada padi sebagai sumber karbohidrat utama menjadi salah satu faktor penghambat terciptanya kecukupan makanan nasional yang merupakan basis utama pengembangan sumber daya manusia berkualiti dan memperjuangkan kecukupan makanan nasional sebagai suatu bangsa dan negara yang berdaulat. Berkaitan dengan hal ini, mempelbagaikan makanan menjadi salah satu pilar utama dalam mewujudkan kecukupan makanan.

Cabaran utama pembangunan adalah untuk memperbaiki kualiti hidup. Kualiti hidup yang lebih baik memang mensyaratkan adanya pendapatan yang lebih tinggi. Namun yang diperlukan bukan hanya itu. Banyak perkara lain yang tidak kurang pentingnya juga harus

diperjuangkan, seperti pendidikan yang lebih baik, peningkatan taraf kesihatan dan pemakanan, pembasmian kemiskinan, pembaikan keadaan persekitaran hidup, keadilan, peluangekonomi, peningkatan kebebasan individu dan pemeliharaan ragam kehidupan budaya. Oleh itu, pembangunan harus dipandang sebagai satu proses multidimensi yang merangkumi pelbagai perubahan mendasar atas struktur sosial (Badan Ketahanan Pangan, 2013)

Pembangunan pertanian di Indonesia ketika ini diarahkan kepada dua program utama, khususnya program keselamatan makanan dan program pembangunan perniagaan tani. Program keselamatan makanan mempunyai perspektif pembangunan yang sangat mendasar iaitu akses kepada makanan dan gizi seimbang sebagai usaha untuk memenuhi keperluan makanan yang paling asasi bagi manusia. Pembentukan proses pembangunan sumber manusia terletak kepada kejayaan memenuhi kecukupan makanan dan memperbaiki pola penggunaan makanan.

Prayitno (2007) menyatakan kejayaan peningkatan pengeluaran beras harus diperluaskan lagi kepada aspek pembangunan makanan yang lain. Ia tidak seharusnya terhad kepada mampu diri dalam pengeluaran beras, tetapi juga mampu diri dalam penyediaan makanan secara keseluruhannya melalui orientasi semula pembangunan bidang makanan yang meliputi lima aspek :

- (a) Dari pada orientasi mampu diri beras kepadamampu dirimakanan.
- (b) Dari pada orientasi memenuhi kuantiti makanan

kepada orientasi yang semakin menekankan kepada kualiti makanan.

- (c) Dari pada orientasi pengeluaran yang menekankan usaha mencukupkan melalui peningkatan pengeluaran, kepada orientasi untuk menghasilkan makanan yang sesuai dengan permintaan pasaran.
- (d) Dari pada orientasi yang menitikberatkan ‘komoditi tunggal’ kepada orientasi makanan yang terpelbagai dan
- (e) dari pada orientasi perlindungan kepada orientasi pasaran sehinggaberupaya untuk mengatasi situasi berlebihan melalui mekanisme pasaran.

Makanan merupakan keperluan asas yang paling penting bagi manusia untuk mempertahankan hidup dan kehidupan. Makanan sebagai sumber zat pemakanan (karbohidrat, lemak, protein, vitamin, mineral dan air) menjadi keperluan utama manusia untuk mencapai kesihatan dan kesejahteraan sepanjang hidup. Oleh yang demikian, suatu pengurusan makananyang dikenali sebagai ‘kecukupan makanan’ (*food security*) diperlukan untuk mencapai keadaan tersebut. Kecukupan makanan merupakan keadaan tersedianya makanan yang memenuhi keperluan setiap orang pada setiap masa supaya dapat hidup sihat, aktif, dan produktif. Makna yang terkandung dalam kecukupan makanan merangkumi dimensi fizikal (ketersediaan), ekonomi (kuasa beli), pemakanan (pemenuhan keperluan pemakanan individu), nilai budaya dan agama, keselamatan untuk dimakan (kesihatan) dan masa (tersedia secara berterusan). Setiap keluarga atau individu seharusnya mempunyai akses untuk mendapatkan

makanan pada setiap masa untuk memenuhi keperluan hidup yang sihat, serta dapat memenuhi keperluan makanan (Ariani, 2010).

Makanan merupakan keperluan asas yang merupakan hak setiap manusia. Ia merupakan salah satu faktor penentu kualiti sumber manusia. Faktor-faktor penentu kualiti makanan terdiri daripada kepelbagaian jenis makanan, keseimbangan pemakanan dan makanan yang selamat. Pada hakikatnya, ketidak seimbangan pemakanan akibat pengambilan makanan menimbulkan masalah kesihatan.

Berkaitan dengan hal tersebut, pelbagai dasar dan program telah dilaksanakan oleh pemerintah untuk meningkatkan kuantiti dan kualiti pemakanan iaitu:

- (a) Undang-Undang No. 7 (1996) mendefinisikan keselamatan makanan sebagai suatu keadaan terpenuhnya makanan bagi setiap keluarga yang tercermin pada tersedianya makanan yang cukup dari segi kuantiti, kualiti, aman, merata dan berpatutan.
- (b) Undang undang Republik Indonesia Tentang Makanan No.18 tahun 2012 tentang kesediaan Indonesia menghadapi pasaran bebas *Asean Economic Community*....”mengamanatkan bahawa penyelenggaraan makanan dilakukan untuk memenuhi keperluan makanan manusia secara adil, sama rata dan berterusan berdasarkan kedaulatan makanan, kemandirian makanan dan keselamatan makana nasional.”
- (c) Undang-Undang Republik Indonesia Tentang Makanan No.33 tahun 2014 tentang jaminan produk

makanan halal untuk perlindungan pengguna.

Beberapa dasar tersebut ternyata belum memberikan hasil yang optimum dalam rangka kepelbagaian pengambilan makanan. Sehingga sekarang Indonesia masih menghadapi masalah kualiti penggunaan makanan, yang ditunjukkan oleh *Pola Pangan Harapan(PPH)* dan rapuhnya keselamatan makanan. Pengertian *Pola Pangan Harapan* iaitu susunan jumlah makanan menurut sembilan kumpulan makanan yang didasarkan kepada sumbangan tenaga yang memenuhi keperluan gizi secara kuantiti, kualiti serta kepelbagaian makanan dengan mempertimbangkan aspek sosial,ekonomi, budaya, agama dan cita rasa. Usaha mencapai sumber manusia yang berkualiti,sangat berkait rapat denganfaktor makanan dan pemakanan. Cukup atau tidaknyatahap makanan dan pemakanan boleh dilihatpada makananyang disediakan dan yang dimakan dari segi kuantiti makanan dan pemakanan yang tersedia, kualiti dan kepelbagaiannya. Hal ini sesuai dengan dasar pemerintah yang ingin membangunkan sistem keselamatan makanan yang berasaskan kepelbagaian sumber bahan makanan.

Institusi dan budaya tempatan hendaklah menjamin bahawa makanan dan pemakanan ini tersedia dalam kuantiti dan kualiti yang diperlukan dan pada harga yang berpatutan. Dalam hal ini,pihak yang berwajib perlu memastikan juga pendapatan petani dan nelayan dapat ditingkatkan, seiring denganpeningkatan pengeluaran mereka. Hal ini hendaklah diatur supaya termaktub dalam undang-undang. Untuk itu,usaha perlulahdirangka bagi

menangani masalah makanan dan pemakanan dengan mempelbagaikan penyediaan dan pengambilan makanan, meningkatkan kualiti pemakanan dengan mengekalkan kestabilan harga, memastikan keadilan pengagihan, serta mengurangkan ketergantungan kepada bahan makananyang berasaskan beras.

Usaha hendaklah terus diperkukuhkan bagi mempelbagaikan penggunaan makanan penduduk bagi meningkatkan status pemakanan. Oleh kerana itu, pendekatan penyelesaian masalah harus didasarkan kepada faktor-faktor yang boleh mempengaruhi pola penggunaan makanan. Antara halangan kepada usaha dalam mempelbagai makanan adalah seperti berikut:

- (a) Tahap pengetahuan masyarakat Indonesia, terutamanya mereka dalam kelas menengah ke bawah, secara relatif adalah rendah.
- (b) Budaya makan ialah kebiasaan yang sukar untuk diubah.
- (c) Makanan pilihan utama masyarakat adalah makanan berasaskan beras.
- (d) Inovasi dalam bidang mempelbagaimakanan agak lambat berlaku.

Selain faktor pengeluaran, ketersediaan budaya, pola penggunaan makanan juga dipengaruhi oleh faktor ekonomi, sosial, pendidikan, gaya hidup, pengetahuan, ketercapaian dan sebagainya. Menurut Badan Perencanaan Pembangunan Nasional (BAPPENAS) dalam rencana aksi nasional makanan dan gizi 2011-2015, pola penggunaan makanan ialah susunan makanan yang biasa dimakan merangkumi jenis dan jumlah bahan makanan

yang dimakan seseorang atau kumpulan penduduk dalam frekuensi dan jangka waktu tertentu. Seterusnya ketahanan makanan atau kecukupan makanan iaitu, kondisi terpenuhnya makanan bagi isi rumah yang tercermin dari tersedianya makanan yang cukup, baik jumlah mahupun mutunya, aman, merata dan terjangkau (Sayekti, 2011).

Penggunaan barang sering kali dijadikan salah satu petunjuk kesejahteraan keluarga. Semakin besar perbelanjaan untuk penggunaan barang dan perkhidmatan, maka semakin tinggi tahap kesejahteraan keluarga tersebut. Salah satu strategi untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat miskin adalah dengan meningkatkan keupayaan penduduk mendapatkan keperluan asasi seperti makanan, pakaian, kesihatan dan pemakanan (Agus & Dwiyanto, 2013).

Pemerintah Indonesia mempunyai dasar dan program tertentu berhubung dengan makanan. Umpamanya, pemerintah telah memenuhi keperluan bijirin penduduk Sulawesi Selatan pada akhir tempoh rancangan pembangunannya. Seterusnya, pemerintah telah membuat anggaran keperluan negeri dan daerah tentang tahap-tahap pengeluaran bijirin dan hasil yang diperlukan. Usaha ini dilakukan untuk menganggarkan tanah yang boleh dilepaskan untuk tanaman alternatif pengeluaran bukan bijirin. Hasil yang telah dicapai kerap berjaya membekalkan padi keseluruhan negara pada masa lalu walau bagaimanapun, untuk mencapai hasil yang diperlukan bagi memastikan keselamatan makanan dan melepaskan sebahagian besar tanah untuk dipelbagaikan penggunaannya, kadar

pertumbuhan hasil di Sulawesi Selatan mesti meningkat jauh melebihi rekod tahun 1990-an dan 2000-an, ketika Indonesia telah mencapai mampu diri makanan (Dwiyanto, 2010).

Makanan yang dimakan sehari-hari harus mengandungi lima kumpulan zat pemakanan, khususnya karbohidrat, protein, lemak, vitamin dan mineral dalam jumlah yang mencukupi, tidak berlebihan dan tidak pula terkurang. Di samping itu, manusia juga memerlukan air dan serat untuk melancarkan proses metabolisme dalam tubuh. Zat-zat pemakanan tersebut akan dipenuhi apabila makanan yang kita gunakan terpelbagai (Almatsier et al., 2011). Hal ini kerana secara semulajadi komposisi setiap jenis bahan makanan ada yang berlebihan dan pula yang kekurangan zat pemakanan tertentu, sehingga dengan mengambil jenis makanan yang terpelbagai, makanan-makanan yang terpelbagai itu akan saling melengkapi. Makanan yang berkhasiat seimbang ini tidak seharusnya mahal. Malahan, makanan ini boleh diperoleh dengan sangat murah, dengan memanfaatkan bahan-bahan yang berada di sekitar manusia, seperti dikawasan persekitaran rumah.

Penggunaan makanan masyarakat sangat berkait rapat dengan usaha memenuhi keperluan makanan dan pemakanan. Penggunaan makanan ini dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti musim, tempat tinggal (kawasan luar bandar atau bandar), topografi kawasan (daerah dataran rendah atau dataran tinggi), tahap pendapatan, harga, keutamaan, keadaan sosiobudaya, ketersediaan makanan, pengetahuan dan keadaan wilayah

(agroekosistem). Penggunaan makanan boleh berubah apabila salah satu faktor tersebut berubah (Arifin, 2009).

Dari sisi norma pemakanan, terdapat standard minimum jumlah makanan yang diperlukan oleh seseorang individu agar dapat hidup sihat dan aktif bekerja. Dalam saiz tenaga dan protein masing-masing diperlukan 2,200 kkal/orang/hari dan 61.7 gram/orang/hari. Penggunaan seseorang yang kurang daripada standard minimum tersebut umumnya akan menjejaskan keadaan kesihatan dan aktiviti serta produktiviti kerjanya (Kundjoro, 2009).

Dalam jangka panjang, kekurangan penggunaan makanan dari segi jumlah dan kualiti akan menjejaskan kualiti sumber manusia. Oleh kerana itu, pemahaman terhadap perubahan pola penggunaan dan pengeluaran isi rumah berguna untuk memahami keadaan kesejahteraan isi rumah, tahap dan jenis-jenis makanan yang digunakan serta perubahan yang berlaku. Maklumat tersebut seharusnya menjadi input kepada pembuatan keputusan dalam bidang makanan dan pemakanan, bagi meningkatkan kesejahteraan isi rumah melalui perbaikan penggunaan.

Kekurangan penggunaan, terutamanya penggunaan makanan berzat, berkait rapat dengan kemiskinan. Erwidodo et al.,(2007) berpendapat bahawa miskin adalah suatu keadaan seseorang yang mengalami kekurangan atau ketidakmampuan untuk memenuhi keperluan hidupnya yang paling rendah. Selain itu, dia juga tidak mampu mencapai tahap minimum dari tujuan-tujuan yang telah ditetapkan, yang antaranya, berupa penggunaan,

kebebasan, hak mendapatkan sesuatu, menikmati hidup dan lain-lain. Kutaneegara (2012) juga telah menyenaraikan beberapa petunjuk utama kemiskinan seperti berikut: (a) terbatasnya kecukupan makanan, (b) terbatasnya akses dan rendahnya mutu perkhidmatan kesihatan termasuklah lemahnya perlindungan aset usaha dan perbezaan upah, terbatasnya akses perkhidmatan perumahan, air bersih, sanitasi, pemilikan rumah, penguasaan sumber alam, lemahnya rasa aman dan penyertaan, besarnya tanggungjawab keluarga serta buruknya urus tadbir pemerintah yang mereka alami.

Tahap keluarga prasejahtera adalah tahap keluarga yang belum dapat memenuhi salah satu atau lebih daripada 5 keperluan asas seperti yang dimiliki oleh keluarga sejahtera tahap I. Umpamanya, mereka belum lagi dapat memenuhi keperluan seperti mempelajari agama, mempunyai makanan yang cukup, pakaian dan kesihatan. Seterusnya, keluarga sejahtera tahap II adalah keluarga yang telah memenuhi keperluan asas minimum seperti berikut:

- (a) Setiap ahli keluarga dapat melaksanakan ibadah agama dengan sempurna.
- (b) Seluruh anggota keluarga dapat makan 2 kali sehari atau lebih.
- (c) Seluruh ahli keluarga mempunyai pakaian yang berbeza untuk dirumah, untuk bekerja, untuk sekolah dan untuk berjalan-jalan.
- (d) Sebahagian besar tanah lantai rumah bukan lagi berupa tanah.
- (e) Apabila anak sakit atau pasangan usia subur ingin

bersalin, mereka ke klinik atau hospital.

Jadual 1.1 : Jumlah penduduk

Penduduk	Jumlah Penduduk
Indonesia	250,000,000
Sulawesi -Selatan	8,342,047
Kecamatan Bontoa	31,560

Nota : Badan Pusat Statistik, 2013

Jadual 1.2 : jumlah penduduk miskin

Penduduk	Jumlah Penduduk Miskin
Indonesia	28,550,000
Sulawesi-Selatan	806,350
Kecamatan Bontoa	1.415

Nota : Badan Pusat Statistik, 2013

Badan Koordinasi Keluarga Berencana Nasional (BKKBN) nampaknya sejalan dengan Houghton dan Kandker (2009), dimana lembaga ini lebih melihat dari sisi kesejahteraan keluarga yang ditetapkan dalam lima tahapan :

- 1) Keluarga Pra Sejahtera (sangat miskin), iaitu ketidak mampuan memenuhi keperluan dasarnya secara minimal, seperti keperluan akan pengajaran agama, makanan, pakaian, perumahan dan kesihatan.
- 2) Keluarga Sejahtera 1 (miskin), iaitu keluarga yang

mampu memenuhi keperluan dasarnya tetapi belum mampu memenuhi keperluan sosial psikologisnya (keperluan pendidikan, keluarga berencana, interaksi dalam keluarga, interaksi dalam lingkungan tempat tinggal dan transportasi. Indikatornya adalah :

- a. Anggota keluarga melaksanakan ibadah
 - b. Pada umumnya seluruh anggota keluarga makan 2 kali sehari atau lebih
 - c. Seluruh anggota keluarga memiliki pakaian berbeda untuk di rumah, bekerja/sekolah dan bepergian.
 - d. Bagian yang terluas dari lantai rumah bukan dari tanah
 - e. Bila anak sakit dibawa ke sarana/petugas kesihatan atau diberi pengobatan modem.
- 3) Keluarga Sejahtera II iaitu, keluarga yang selain dapat memenuhi keperluan dasar minimumnya, juga dapat memenuhi keperluan sosial psikologisnya, namun belum dapat memenuhi keperluan pengembangannya. Indikator yang digunakan adalah lima indikator pertama pada indikator keluarga sejahtera I (indikator 1-5), serta ditambah indikator sebagai berikut :
- a. Anggota keluarga melaksanakan ibadah secara teratur menurut agama yang dianutnya masing-masing.
 - b. Paling kurang sekali seminggu keluarga menyediakan daging/ikan/telur Sebagai lauk pauk.
 - c. Seluruh anggota keluarga memperoleh paling kurang satu set pakaian Baharu setahun terakhir

- d. Luas lantai rumah paling kurang 8 meter persegi untuk tiap penghuni Rumah
 - e. Seluruh anggota keluarga dalam satu bualan terakhir dalam keadaan sihat sehingga dapat melaksanakan tugasnya masing-masing
 - f. Paling kurang satu anggota keluarga yang berumur 15 tahun keatas telah memiliki pekerjaan tetap
 - g. Seluruh anggota keluarga yang berumur 10-16 tahun dapat membaca tulisan latin
 - h. Seluruh anak yang berumur 6-15 tahun sedang bersekolah saat ini
 - i. Anak hidup paling banyak 2 orang atau bila anak lebih dari 2 orang maka keluarga yang masih merupakan Pasangan Usia Subur sedang menggunakan kontrasepsi saat ini.
- 4) Keluarga Sejahtera III iaitu, keluarga yang dapat memenuhi keperluan dasar minimum, keperluan sosial psikologisnya dan sekaligus juga dapat memenuhi keperluan pengembanagannya, namun belum aktif dalam usaha kemasyarakatan dalam lingkungan bandar atau wilayahnya. Apapapun indikator yang harus dipenuhi iaitu indikator 1-14 pada keluarga sejahtera II serta ditambah indikator sebagai berikut :
- a. Upaya keluarga untuk meningkatkan pengetahuan agama
 - b. Sebagian dari penghasilan keluarga dapat disisihkan untuk tabungan keluarga
 - c. Keluarga biasanya makan bersama paling kurang sekali sehari
 - d. Keluarga biasanya ikut dalam kegiatan masyarakat

dalam lingkungan tempat tinggal

- e. Keluarga mengadakan liburan bersama di luar rumah paling kurang sekali dalam tiga bulan
 - f. Keluarga dapat memperoleh berita dari surat kabar /radio/majalah
 - g. Anggota keluarga dapat menggunakan sarana transportasi yang sesuai dengan kondisi daerah setempat.
- 5) Keluarga Sejahtera III plus iaitu, keluarga yang telah dapat memenuhi keperluan dasar minimum , psikologis, pengembangan, sekaligus secara teratur ikut menyumbang dalam kegiatan sosial dan aktif mengikutinya. Adapun syarat agar dapat dikatakan sebagai keluarga sejahtera III plus adalah memenuhi indikator sebagai berikut :
- a. Keluargaa atau anggota keluarga secara teratur memberikan sumbangan bagi kegiatan sosial masyarakat dalam bentuk materi
 - b. Kepala keluarga atau anggota keluarga aktif sebagai pengurus perkumpulan, yayasan atau institusi masyarakat lainnya.

Di Kecamatan Bontoa Sulawesi Selatan Indonesia yang menjadi lokasi penyelidikan ini, isi rumah miskin umumnya kurang kelengkapan material. Hal ini ditunjukkan dalam data kemiskinan wilayah yang menggambarkan taburan penduduk miskin serta peningkatan kemiskinan. Sektor terbesar yang berlaku kemiskinan adalah dalam bidang pertanian. Gambaran kemiskinan penduduk di Kecamatan Bontoa Kabupaten Maros ini ditunjukkan dalam Jadual 1.1

Jadual 1.3 Kemiskinan penduduk di Kecamatan Bontoa Kabupaten Maros

No.	Tahap Keluarga Sejahtera	Jumlah Ketua isi rumah	(%)
1	Pra Sejahtera (PS)	1,415	21.25
2	Keluarga Sejahtera I	2,472	37.12
3	Keluarga Sejahtera II	2,087	31.34
4	Keluarga Sejahtera III	606	9.10
5	Keluarga Sejahtera III +	79	1.19
Jumlah		6,659	100.00

Nota. Data sekunder dari pejabat Kecamatan Bontoa Kabupaten Maros, 2013

Kategori isi rumah miskin terdiri daripada keluarga tahap Pra Sejahtera (PS) sehingga Keluarga Sejahtera (KS) Iatas alasan ekonomi (Mubyarto, 2002). Jadual 1.3 menunjukkan bahawa tingkat kemiskinan kategori Pra Sejahtera (PS) di Kecamatan Bontoa Kabupaten Maros seramai 1,415 ketua isirumah atau 21.25 peratus.

Tingginya tingkat kemiskinan atau rendahnya pendapatan isi rumah dengan kepelbagaian pekerjaan utama ketua isi rumah dan saiz keluarga, mempunyai pengaruh ke atas sosio ekonomi dan penggunaan makanan isi rumah miskin di luar bandar.

Kecamatan Bontoa dipilih sebagai lokasi kajian kerana wilayah ini memiliki jumlah penduduk pra sejahtera paling banyak iaitu 1,415.

1.3 Pernyataan Masalah

Lumbantobing (2013) Program Pembangunan Nasional (Propenas) 2011-2015 telah menetapkan dengan

jelas matlamat program peningkatan kecukupan makanan di Indonesia iaitu:

- (a) Meningkatkan kepelbagaian makanan dan mengurangkan penggunaan beras per kapita;
- (b) Meningkatkan corak skor kualiti makanan.

Pandangan baharu yang perlu dimasyarakatkan adalah bahawa kepelbagaian penggunaan makanan merupakan program penambahbaikan pemakanan masyarakat. Penggunaan masyarakat yang selama ini 70 peratus mengambil karbohidrat, terutamanya beras, perlu digantikan ke arah protein, lemak dan mineral sehingga dapat menghasilkan sumber manusia yang gagah untuk melanjutkan pembangunan. Pada saat ini penggunaan beras masih tinggi. Ia sekitar 120-130 kilogram/orang/tahun di peringkat nasional (Saragih, 2010) dan 95.15 kilogram/orang/tahun di peringkat Sulawesi Selatan. Angka ini masih terlalu tinggi apabila dibandingkan dengan penggunaan beras di negara lain seperti Jepun yang hanya berada pada sekitar 70-80 kilogram/orang/tahun.

Usaha mengembangkan kepelbagaian penggunaan makanan masih lagi menghadapi beberapa kekangan. Selain daripada memerlukan dokongan pengeluaran aneka makanan dalam negeri dan pemahaman mengenai gizi oleh masyarakat, ia juga berkaitan dengan tingkat pendapatan masyarakat. Pada sisi yang lain pula, pengaruh budaya tidak dapat diabaikan.

Pengembangan kepelbagaian penggunaan makanan paling efektif hanya mungkin dilakukan melalui peningkatan pendapatan benar masyarakat. Di samping

penambah baik pendapatan tersebut, harga komoditi bukan beras harus berada di paras yang berpatutan agar kesemuanya berada dalam jangkauan kuasa beli masyarakat terutamanya golongan miskin. Golongan masyarakat yang miskin terutamanya yang berada dalam kategori pra sejahtera perlu diberi perhatian untuk mendapat makanan asas yang bergizi secara konsisten pada setiap hari.

Terdapat pelbagai kajian tentang dasar dan program membasmi kemiskinan yang telah dijalankan di Indonesia. Namun begitu kajian-kajian ini lebih tertumpu kepada aspek kegagalan program kemiskinan (Dwiyanto, 2010), penolakan golongan miskin terhadap aktiviti produktif (Suhartini, 2009) dan masalah-masalah yang dihadapi dalam membasmi kemiskinan (Sunita Almatsier, (2004).

Kajian tentang penggunaan makanan yang dilakukan oleh Cahyaningsih (2008) di Kabupaten Bogor Jawa Barat Indonesia mendapati sumber karbohidrat didominasi oleh beras dan gandum. Hal ini terjadi di luar bandar dan juga di bandar. Kajian lain di Serang Banten, Jawa Barat oleh Tri Bastini Purwantini (2009), menunjukkan tahap penggunaan tenaga dan protein berbeza-beza antara desa dan pada umumnya masih dibawah angka kecukupan.

Kajian tentang penggunaan makanan oleh golongan miskin luar bandar amat sedikit dilakukan terutamanya di Sulawesi Selatan. Adalah wajar sekali aspek pola pemakanan golongan miskin dikaji dan difahami dengan lebih mendalam agar dasar dan strategi

untuk membantu golongan miskin yang lebih komprehensif dan sistematik dapat digubal.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah :

1. Mengenal pasti pengaruh faktor-faktor sosial dan ekonomi terhadap penggunaan makanan isi rumah miskin luar bandar.
2. Menganalisis penggunaan makanan isi rumah miskin luar bandar.
3. Menganalisis penggunaan makanan isi rumah miskin luar bandar berdasarkan status zat pemakanan.

1.5 Soalan Kajian

Objektif penyelidikan diatas, akan tercapai melalui jawapan kepada soalan kajian yang dirumuskan seperti berikut:

1. Apakah bentuk profil demografi dan penggunaan makanan isi rumah miskin luar bandar?
2. Sejauh manakah keperluan makanan isi rumah miskin luar bandar sudah dipenuhi?
3. Bagaimanakah penggunaan makanan isi rumah miskin luar bandar?
4. Apakah penggunaan makanan isi rumah miskin luar bandar sudah memenuhi piawaian kesihatan dan kepelbagaian makanan?
5. Apakah pengambilan makanan keluarga isi rumah miskin luar bandar sudah sesuai dengan status pemakanan yang diinginkan?

1.6 Skop dan Batasan Kajian


Dari segi lokasi, kajian ini terbatas kepada satu kecamatan di Kabupaten Maros, Sulawesi Selatan, Indonesia sahaja kerana Kecamatan Bontoa, yang pada umumnya mempunyai isi rumah miskin yang berada pada tahap pra sejahtera.

Pra sejahtera diertikan sebagai ketidak mampuan memenuhi keperluan dasar secara minimal, seperti keperluan pengajaran agama, makanan, pakaian, perumahan dan kesihatan.

Skop kajian ini terhad kepada perkara-perkara berikut:

- (a) Kajian ini menumpukan kepada unsur penilaian penggunaan makanan isi rumah miskin luar bandar.
- (b) Kajian ini terhad kepada usaha melihat isi rumah miskin luar bandar yang terlibat dengan kepelbagaian makanan.
- (c) Kajian ini meneliti perhubungan antara penggunaan makanan isi rumah miskin luar bandar dengan status pemakanan.
- (d) Perhatian kajian hanya tertumpu kepada hubungan antara faktor sosial dan ekonomi terhadap penggunaan makanan isi rumah miskin luar bandar.

PETA WILAYAH KAJIAN



Rajah 1.1

1.7 Dfinisi Operasional

Untuk menyelaraskan penggunaan istilah dalam tesis ini, berikut disenaraikan beberapa pengertian konsep sebagai difinisi operasional.

(1) Faktor sosial

Faktor soasial yang dimaksud dalam kajian ini ialah ciri – ciri responden yang terdiri dari pada tingkat pendidikan, pengetahuan gizi, akses lembaga kewangan, akses terhadap maklumat, jumlah anggota isi rumah dan perubahan penggunaan makanan.

(2) Faktor Ekonomi

Faktor ekonomi yang dimaksudkan terdiri daripada pendapatan per kapita isi rumah, anggota isi rumah yang bekerja, harga beras, penerimaan beras raskin, jenis pekerjaan, pemanfaatan tanah pekarangan, akses kesempatan kerja dan anggota isi rumah yang bekerja.

(3) Kecukupan makanan(*food security*)

Kecukupan makanan adalah satu keadaan yangapabilabekalan makanan bagi seluruh negara mencukupi hingga ke peringkat perseorangan, dari segi kuantiti dan kualiti, ia termasuk aspek keragaman khasiat, merata dan terjangkau serta tidak bertentangan dengan agama, keyakinan, dan budaya masyarakat, untuk dapat hidup sihat, aktif, dan produktif secara berlanjutan.

(4) Ketersediaan makanan(*food availability*)

Ketersediaan makanan negara yang mencukupi, dan mengimport makanan apabila kedua-dua sumber utama tidak dapat memenuhi keperluan.

(5) Cadangan makanan nasional

Cadangan makanan nasional adalah persediaan makanan di seluruh wilayah Negara Kesatuan Republik Indonesia untuk penggunaan manusia dan untuk menghadapi masalah kekurangan makanan, gangguan bekalan dan harga, serta keadaan darurat.

(6) Makanan ruji (*staple food*)

Makanan ruji adalah makanan yang memenuhi penggunaan makanan dan gizi, serta keamanan yang diperuntukkan sebagai makanan utama seharian sesuai dengan potensi sumberdaya dan kearifan tempatan.

(7) Pempelbagaian makanan

Pempelbagaian makanan adalah usaha untuk meningkatkan ketersediaan dan penggunaan makanan yang beraneka jenis, bergizi seimbang, dan berasaskan pada potensi sumber-sumber tempatan.

(8) Makanan tempatan

Makanan tempatan adalah makanan yang diguna oleh masyarakat setempat sesuai dengan potensi dan kearifan tempatan.

(9) Petani

Petani dalam kajian ini bermaksud warga negara Indonesia, baik perseorangan mahupun beserta keluarganya yang menjalankan aktiviti pertanian dalam bidang pengeluaran bahan makanan.

(10) Nelayan

Nelayan dalam kajian ini bermaksud warga negara Indonesia, baik perseorangan mahupun beserta keluarganya yang mata pencariannya melalui aktiviti penangkapan ikan.

(11) Masalah makanan

Masalah makanan bermaksud keadaan kekurangan, ketidakupayaan perseorangan atau isi rumah untuk memenuhi keperluan makanan dan keselamatan makanannya.

(12) Isi rumah luar bandar

Dalam kajian ini isi rumah miskin luar bandar bermaksud kumpulan orang yang terdiri dari pada seorang ketua dan ibu isi rumah dengan anggota keluarga yang tinggal di luar bandar.

(13) Penggunaan makanan isi rumah

Penggunaan makanan isi rumah menunjukkan perubahan penggunaan makanan diukur dengan kaedah kekerapan makanan (*food frequency method*), kepelbagaian jenis makanan, dan tahap

kecukupan tenaga (Kkal/orang/tahun dan protein gram/orang/tahun).

(14) *Pola Pangan Harapan(PPH)*

Pola Pangan Harapan iaitu susunan jumlah makanan menurut 9 kumpulan makanan yang didasarkan pada kontribusi energi yang memenuhi keperluan gizi secara kuantiti, kualiti mahupun kepelbagaian makanan dengan mempertimbangkan aspek sosial,ekonomi, budaya, agama dan cita rasa.

(15) Nilai Skor PPH

Nilai skor PPH iaitu nilai mutu ketersediaan dan penggunaan makanan yang menunjukkan kondisi kepelbagaian ketersediaan dan penggunaan makanan, dengan asumsi semakin tinggi nilai skor PPH, menunjukkan situasi ketersediaan makanan dan penggunaan makanan penduduk semakin terpelbagai dan semakin baik kualiti gizinya.

(16) Perbelanjaan isi rumah

Dalam kajian ini perbelanjaan isi rumah merujuk kepada jumlah wang yang dibelanjakan untuk memperoleh makanan oleh isi rumah yang dinyatakan dalam nilai rupiah Indonesia.

(17) Raskin

Raskin adalah singkatan dari beras untuk orang miskin yang diberikan oleh pemerintah setiap bulan.

- (18) Ciri-ciri demografi
Ciri-ciri demografi meliputi aspek peribadi seperti umur, gender dan pekerjaan.
- (19) Angka Kecukupan Gizi (AKG)
Angka ini merupakan penanda aras dalam penilaian dan perancangan penggunaan makananyang menjadi asas dalam penggubalan label pemakanan.
- (20) Keluarga Pra Sejahtera
Keluarga pra sejahtera iaitu keluarga yang belum dapat memenuhi salah satu dari pada lima keperluan asasnya (basic needs) sebagai keluarga sejahtera I, seperti keperluan akan pengajaran agama, makanan, pakaian dan kesihatan.
- (21) Keluarga Sejahtera I
Keluarga sejahtera I iaitu keluarga yang telah dapat memenuhi keperluan asasnya secara minimum iaitu; melakukan ibadah menurut agama oleh masing-masing anggota keluarga, pada umumnya seluruh ahli keluarga makan 2 kali sehari atau lebih. Seluruh ahli keluarga mempunyai pakaian yang berbeza untuk dirumah, bekerja dan mengembara, bahagian yang paling luas dari lantai rumah bukan dari tanah dan apabila anak sakit atau pasangan usia subur ingin Keluarga

Berencana (KB) dibawa kesarana/petugas kesihatan.

(22) Keluarga Sejahtera II

Iaitu keluarga yang disamping telah dapat memenuhi kriteria keluarga sejahtera I, harus pula memenuhi; paling kurang sekali seminggu keluarga menyediakan (daging, ikan dan telur sebagai lauk pauk). Seluruh anggota keluarga memperoleh paling kurang satu set pakaian baharu bagi setiap tahun. Luas lantai rumah paling kurang 8 meter persegi dan penghuni rumah, paling kurang 1 orang ahli keluarga yang berumur 15 tahun keatas mempunyai pekerjaan tetap. Ahli keluarga yang berumur 10-60 tahun boleh membaca tulisan latin dan kanak-kanak berusia 5 – 15 tahun bersekolah pada saat ini.

(23) Keluarga Sejahtera III

Ialah keluarga yang memenuhi syarat pra sejahtera I dan II, mempunyai usaha untuk meningkatkan pengetahuan agama, sebahagian dari penghasilan keluarga boleh disisihkan untuk tabungan keluarga, biasanya makan bersama paling kurang sehari sekali dan kesempatan itu dimanfaatkan untuk berkomunikasi antara anggota keluarga. Ikut serta dalam kegiatan masyarakat di lingkungan tempat tinggalnya, mengadakan rekreasi bersama di luar rumah paling kurang sekali dalam masa 6 bulan. Dapat

memperoleh berita dari (surat khabar, TV dan majalah) dan ahli keluarga mampu menggunakan sarana pengangkutan yang sesuai dengan keadaan daerah setempat.

(24) Keluarga Sejahtera III Plus

Secara teratur atau pada masa tertentu dengan memberikan sumbangan bagi kegiatan sosial masyarakat dalam bentuk kewangan, kepala keluarga atau ahli keluarga aktif sebagai pengurus perkumpulan atau yayasan.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dari segi sumbangannya menghasilkan satu reka bentuk model penggunaan makanan masyarakat isi rumah miskin luar bandar. Kepentingan sumbangan ini boleh dilihat dari segi dua aspek: kepentingannya terhadap isi rumah miskin luar bandar dan kepentingannya terhadap pembentukan dasar oleh pemerintah Indonesia.

Keputusan yang akan diperoleh daripada kajian ini dijangka akan mempertemukan atau menyatukan kedua kepentingan tersebut dalam satu kerangka teori. Daripada gabungan kedua-dua kepentingan ini maka dapatlah dikenal pasti sama ada penggunaan makanan isi rumah miskin luar bandar telah mencapai syarat pemakanan yang berkhasiat.

Dari segi pemerintahan pula, model ini dapat membantu dalam usaha melaksanakan dasar dalam pembangunan isi rumah miskin luar bandar yang lebih

komprehensif untuk memenuhi keperluan makanan yang berkhasiat.

1.9 Organisasi Tesis

Tesis ini ditulis dalam lima bab yang berurutan dan berkaitan antara satu dengan yang lain. Bab 1 merupakan bab pengenalan yang meliputi perkara-perkara seperti tujuan kajian, batasan kajian dan kepentingan kajian. Khususnya, bab ini menjelaskan isu-isu perkembangan penggunaan makanan isi rumah miskin luar bandar. Bab 2 membentangkan sorotan karya daripada kajian-kajian lepas. Bab ini akan mengupas penggunaan makanan isi rumah miskin luar bandar yang telah dijalankan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu. Sorotan ini penting dari segi menunjuk arah atau memberi panduan dan landasan bagi pengembangan kaedah yang tepat. Bab 3 membahaskan tentang tumpuan kepada aspek kerangka konsep dan metodologi yang akan dipakai untuk mencapai objektif kajian. Perbincangan bab ini merupakan peringkat konsep pembentukan model untuk memenuhi keperluan penggunaan makanan isi rumah miskin luar bandar. Bab 4 profil responden, menghuraikan umur, tahap pendidikan, mata pencarian, informan dan demografi wilayah kajian. Bab 5 dapatan kajian dan perbincangan. Akhirnya Bab 6 menyimpulkan tentang dapatan penyelidikan ini dan menutup perbincangan tesis ini. Ia melihat kembali ringkasan penyelidikan dan sumbangan penyelidikan serta mengemukakan cadangan untuk penyelidikan masa depan serta implikasi kebajikan kajian ini.

1.10 Penutup

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor sosial dan ekonomi terhadap penggunaan makanan isi rumah miskin luar bandar. Selain itu, kajian ini meneliti jumlah penggunaan dan kepelbagaian makanan isi rumah miskin luar bandar sesuai dengan piawaian yang telah ditetapkan oleh pemerintah Indonesia. Lokasi kajian adalah di Kabupaten Maros Kecamatan Bontoa Sulawesi Selatan, Indonesia yang mempunyai jumlah ketua isi rumah miskin luar bandar sebanyak 1,415 jumlah ini tergolong besar.

Jumlah isi rumah miskin luar bandar perlu mendapat perhatian khusus daripada pemerintah, diantaranya dengan melakukan aktiviti-aktiviti dengan melibatkan pejabat pemerintah dan kempen-kempen yang ada di wilayah miskin luar bandar.

BAB 2

KAJIAN LEPAS DAN SOROTAN KARYA

2.1 Pengenalan

Tujuan kajian ini ialah untuk mengenal pasti faktor-faktor sosial dan ekonomi terhadap penggunaan makanan isi rumah miskin luar bandar di Kecamatan Bontoa. Bab ini menyorot kajian-kajian lepas yang membincangkan tentang kemiskinan masyarakat luar bandar, penggunaan makanan, kepelbagaian makanan dan kandungan zat berkhasiat makanan.

2.2 Pengertian Kemiskinan

Kemiskinan sangatlah beragam bergantung dari sudut pandang masing-masing ahli atau lembaga. Dalam arti sempit kemiskinan dipahami sebagai keadaan kurang wang atau barang untuk menjamin kelangsungan hidup. Dalam erti yang luas, kemiskinan dianggap sebagai masalah multidimensional dengan banyak rupa serta tampilan (Remi & Tjiptoherijanto, 2002). Setrusnya Sumodingrat (1998), membedakan penyebab kemiskinan menjadi tiga yaitu : 1. Kemiskinan natural merupakan keadaan miskin, kerana dari asalnya memang miskin. 2. Kemiskinan kultural mengacu pada sikap hidup seseorang atau masyarakat yang disebabkan oleh gaya hidup, kebiasaan hidup dan budayanya, mereka sudah merasa

kecukupan dan tidak merasa kekurangan. 3. Kemiskinan struktural adalah kemiskinan yang disebabkan hasil pembangunan yang belum seimbang Bank Dunia dalam bukunya yang berjudul Era baru dalam pengentasan kemiskinan di Indonesia (2007) mengemukakan bahawa kemiskinan memiliki kaitan yang sangat erat dengan pendidikan yang tidak memadai. Sama halnya dengan temuan di negara-negara lain, capaian jenjang pendidikan yang lebih tinggi berkaitan dengan penggunaan isi rumah yang lebih tinggi pula.

Jadual 2.1: Presentasi isi rumah miskin dan tidak miskin menurut sumber penghasilan utama ketua isi rumah

Ketegari	Kategori	2010	2011	2012	2013	2014
Tidak bekerja	Miskin	8.39	4.64	11.50	11.09	12.03
	Tidak Miskin	5.85	6.12	11.29	14.14	11.53
Petani	Miskin	57.78	56.11	55.51	54.70	51.67
	Tidak Miskin	34.60	31.00	32.69	32.02	29.86
Industri	Miskin	8.81	8.45	5.71	6.40	6.07
	Tidak Miskin	10.67	10.87	9.23	9.59	9.82
Lainnya	Miskin	25.03	30.81	27.28	27.81	30.23
	Tidak Miskin	48.89	52.00	46.79	47.24	48.8

Nota : BPS 2010-2014

Jadual 2.2 Kemiskinan Global yang dinilai menggunakan garis kemiskinan. Peratus populasi \$1.90 per hari.

Negara	Tahun			
	1999	2011	2012	2015
Asia Timur dan Pasifik	37,5	8,5	7,2	4,1
Eropa dan Asia Tengah	7,8	2,4	2,1	1,7
Amerika Latin dan Karibian	13,9	5,9	5,6	5,6
Dunia Berkembang	34,3	16,5	14,9	11,9

Robert Chambers (1987) memaparkan pengertian kemiskinan yang lebih lengkap, dalam arti sesuai dengan kenyataan dan jelas secara konseptual. Menurut Chambers, inti dari masalah kemiskinan terletak pada apa yang disebut *deprivation trap* atau perangkap kemiskinan. Secara rinci, *deprivation trap* terdiri dari lima unsur, yaitu: 1. Kemiskinan (*poverty*), 2. Ketergantungan (*dependence*), 3. Keterasingan (*isolation*) baik secara sosial mahupun geografis, 4. Kerentanan menghadapi situasi darurat (*state of emergency*), dan 5. Ketidak berdayaan (*powerless*). Kelima unsur ini seringkali saling berkait satu dengan yang lain sehingga merupakan perangkap kemiskinan yang berbahaya dan mematikan peluang hidup orang atau isi rumah miskin.

Peter Townsend (1979) mendefinisikan kemiskinan sebagai kurangnya sumber daya yang diperlukan untuk ikut berpartisipasi dalam kegiatan, kebiasaan/adat istiadat dan pola makan yang secara umum disetujui oleh masyarakat. Sumber daya yang dimaksud beragam, tidak hanya dalam hal pendapatan (misalnya dalam hal harta warisan mahupun kekayaan).

Houghton dan Kandker (2009) menjelaskan tentang kemiskinan sebagai istilah yang terkait dengan kesejahteraan. Pandangan konvensional menyatakan bahawa sejahtera pada dasarnya apabila semua keperluan hidup terpenuhi.

Saat ini, program pengentasan kemiskinan dunia akan beralih ke “Sustainable Development Goals” (SDGS) yang memiliki 17 rangkaian target global baru iaitu :1) Tanpa kemiskinan, 2) Tanpa kelaparan , 3) Kesihatan

yang baik dan kesejahteraan, 4) Pendidika berkualitas, 5) Kesereraan gender, 6) Air bersih dan sanitasi, 7) Energi bersih dan terjangkau, 8) Pertumbuhan ekonomi ekonomi dan pekerjaan yang layak, 9) Industri, inovasi dan infrastruktur, 10) Mengurangi kesenjangan, 11) Keberlanjutan kota dan komunitas, 12) Penggunaan dan produksi bertanggung jawab, 13) Aksi terhadap iklim, 14) Kehidupan bawah laut, 15) Kehidupan di darat, 16) Institusi peradilan yang kuat dan kedamaian, 17) Kemitraan untuk mencapai tujuan dalam tiga dimensi iaitu sosial, ekonomi dan persekitaran.

2.3 Kemiskinan dan masyarakat luar bandar

peringkat isi rumah dewasa, dan kanak-kanak. Yang paling teruk dilaporkan ialah daripada semua isi rumah, 49% daripada anak-anak menghadapi kekurangan makanan, manakala 61.8% daripada isi rumah terdiri daripada kanak-kanak. Peningkatan tahap kekurangan makanan di Mexico telah dikaitkan dengan kelahiran. Peningkatan komposisi isi rumah telah mengurangkan pendapatan isi rumah, dan kurang pekerjaan. Di samping itu, penyertaan dalam program bantuan makanan persekutuan telah dikaitkan dengan pengurangan tahap keselamatan makanan .

Kajian tersebut menyimpulkan bahawa penduduk asli Mexico semakin bertambah. Begitu juga rekod individu dan keluarga yang sedang mengalami kekurangan makanan. Mereka yang paling teruk mengalami kekurangan makanan adalah mereka yang tinggal di kawasan luar bandar yang serba kekurangan, dan hal ini merupakan realiti yang berterusan. Kadar isi rumah, dewasa dan kanak-kanak yang kekurangan makanan di kawasan sempadan ini sangat membimbangkan dan antara yang tertinggi dilaporkan. Jelas sekali, tindakan yang sistematik dan berterusan oleh kerajaan persekutuan dan komuniti diperlukan untuk mengurangkan jumlah keluarga isi rumah dewasa dan kekurangan makanan kanak-kanak yang mengintegrasikan budaya campur tangan melalui program pelbagai sektor, pengembangan makanan dan program bantuan pemakanan, dan usaha-usaha penyelidikan dipertingkatkan (Hallent, 2010).

Salah satu aspek makanan yang kadang dilalaikan masyarakat luar bandar adalah kebersihan makanan yang

dimakan. Kajian Ambroos (2012) menunjukkan bahawa ada virus yang sangat membahayakan manusia apabila tergabung dengan makanan, iaitu noroviruses (NoVs). Noroviruses adalah penyebab utama gastroenteritis pada manusia dan haiwan di seluruh dunia dan ia dikenali sebagai agen virus yang sangat menular. Mereka menyebarkan melalui najis dan muntah melalui beberapa laluan transmisi dari sentuhan orang ke orang kontak, makanan, dan air.

2.7 Teori Penggunaan

Kajian Corbett (2010) mendapati bahawa keperluan manusia tidak terhad sementara sumber yang ada sangat terhad. Oleh itu, dalam usaha manusia untuk memenuhi setiap keperluannya, mereka akan berusaha memilih alternatif yang paling menguntungkan bagi diri masing-masing. Jackson (2004) mengatakan bahawa timbulnya gelagat pengguna itu kerana keinginan manusia untuk memperoleh kepuasan yang maksimum dengan berusaha mendapatkan barang dan perkhidmatan yang sebanyak-banyaknya dengan pendapatan yang terbatas.

Andaian bahawa penggunaan isi rumah bergantung rujukan kepada pendapatan merupakan salah satu yang ditekankan oleh Keynes. Walaupun Keynes mempercayai banyak faktor, termasuk kadar faedah dan kekayaan yang cenderung mempengaruhi tingkat perbelanjaan penggunaan. Menurut Keynes (1955) dalam Esmaro Hendra (1998) mengemukakan dua perkara, iaitu :

Pertama, dia mengemukakan bahawa penggunaan adalah fungsi positif dari pendapatan. Semakin banyak pendapatan, semakin banyak penggunaan yang cenderung dilakukan. Orang kaya umumnya mengguna lebih banyak berbanding dengan orang miskin. *Kedua*, Keynes mengemukakan bahawa isi rumah yang berpendapatan tinggi menggunakan bahagian yang lebih besar daripada pendapatan mereka berbanding dengan isi rumah yang berpendapatan rendah.

Dalam makroekonomi, penggunaan ialah jumlah seluruh pengeluaran individu atau negara untuk barang-barang penggunaan dalam sesuatu tempoh tertentu. Tegasnya penggunaan meliputi barang-barang yang digunakan habis, dinikmati atau dimakan selama tempoh berkenaan. Dalam amalan sebenar, banyak barang penggunaan yang umumnya mungkin yang tahan melebihi tempoh tersebut seperti baju, beg dan kereta.

Menurut Thaha Abdul Razak, (1995) penggunaan ialah barang atau perkhidmatan yang dibeli oleh isi rumah. Barang penggunaan terdiri daripada barang tak tahan (*nondurable goods*) yang merupakan barang yang habis dipakai dalam masa pendek, seperti makanan dan pakaian. Kedua, ialah barang tahan (*durable goods*) yang merupakan barang yang berusia panjang seperti kereta, televisyen, alat-alat elektronik, telefon bimbit, dan lain-lain. *Ketiga*, ialah perkhidmatan (*services*) yang meliputi khidmat yang dilakukan untuk pengguna oleh individu dan syarikat-syarikat seperti menggunting rambut dan menerima rawatan seorang doktor. Perbelanjaan ini

digunakan untuk membeli barang dan perkhidmatan bagi mendapatkan kepuasan dan memenuhi keperluan.

Penggunaan makanan adalah jumlah makanan (tunggal atau berbeza-beza) yang dimakan oleh seseorang atau sesebuah keluarga dengan tujuan tertentu. Dalam aspek pemakanan, tujuan penggunaan makanan adalah memperoleh sejumlah zat pemakanan yang diperlukan oleh tubuh (Hardinsyah dan Martatianto, 2012). Seterusnya penggunaan makanan bergantung kepada jumlah dan jenis makanan yang dibeli, pemasakan, pengedaran dalam keluarga, dan kebiasaan secara individu. Hal tersebut juga bergantung kepada pendapatan, agama, adat kebiasaan, dan pendidikan.

Manusia memerlukan suatu susunan pengambilan makanan yang mengandungi zat pemakanan sesuai dengan keperluannya agar dapat hidup sihat. Untuk merancang penggunaan makanan yang sesuai dengan kecukupan gizi yang dianjurkan manusia perlu mengetahui tentang prinsip-prinsip perancangan penggunaan makanan. Perancangan penggunaan makanan yang baik tidak seharusnya hanya tertumpu kepada kecukupan gizi tetapi harus juga menumpukan perhatian kepada kuasa beli dan cita rasa pengguna serta hal-hal lain yang perlu dipertimbangkan (Darwin, 2009).

Penilaian penggunaan makanan dapat dilakukan secara kualitatif dan kuantitatif. Penilaian kualitatif dapat dilakukan dengan mengetahui pola pemakanan serta kekerapan makan. Penilaian secara kuantitatif pula dilakukan dengan berbagai cara. Antara yang sering digunakan adalah cara inventori, cara pendaftaran, cara

ingat kembali (*recall*) dan penimbangan. Mengkaji pengambilan makanan ada tiga tahap kegiatan, khususnya perhitungan pengambilan makanan, perhitungan pengambilan zat pemakanan, dan membandingkan pengambilan zat gizi dengan keperluan pemakanan. Kegiatan tersebut memerlukan maklumat sokongan; antara lain status ekonomi, cara menyediakan makanan, pekerjaan dan aktiviti fizikal pesakit, dan keadaan pesakit (Departemen Transmigrasi, 2014).

Teori Keynes mengandalkan analisis statistik dan juga membuat ramalan-ramalan tentang penggunaan berdasarkan introspeksi dan pemerhatian kasual. Pertama dan terpenting, Keynes meramalkan bahawa kecenderungan mengguna marginal (*marginal propensity to consume, MPC*), iaitu perkadaran yang digunakan dalam setiap tambahan pendapatan pengguna adalah antara sifar dan satu. Kecenderungan mengguna marginal merupakan cadangan hikmah Keynes untuk menurunkan pengangguran yang kian meluas. Kekuatan dasar fiskal, untuk mempengaruhi perekonomian seperti ditunjukkan oleh pengganda fiskal muncul daripada tindak balas antara pendapatan dan penggunaan. Kedua, Keynes menyatakan bahawa nisbah penggunaan terhadap pendapatan, yang disebut kecenderungan mengguna purata (*Average Propensity to Consume, APC*), menurun apabila pendapatan meningkat. Keynes percaya bahawa tabungan adalah satu kemewahan, sehingga ia berharap orang kaya menabung dengan kadaran yang lebih tinggi dari pendapatan mereka, berbanding dengan orang yang miskin. Ketiga, Keynes berpendapat bahawa pendapatan

merupakan penentu penggunaan yang penting dan kadar bunga tidak mempunyai peranan penting.

2.7.1 Penggunaan Makanan

Makanan adalah keperluan dasar yang bersifat mutlak. Makanan berfungsi sebagai sumber tenaga, pembangun jaringan tubuh dan pengatur metabolisme. Kerana itu di samping kuantiti yang dimakan, kualiti pengampun merupakan hal yang sangat penting. Kualiti atau mutu makanan ditentukan oleh susunan berbagai unsur dalam bahan makanan seperti karbohidrat, lemak, protein, mineral dan vitamin.

Makanan merupakan keperluan manusia untuk tetap hidup, sehingga sebesar mana pun pendapatan seseorang dia akan tetap berusaha memperoleh makanan yang memadai. Apabila pendapatan seseorang atau isi rumah itu meningkat, maka terdapat kecenderungan untuk terus menambah penggunaan makanannya. Walaupun demikian, sampai batas tertentu, peningkatan pendapatan tidak lagi menyebabkan bertambahnya jumlah makanan yang digunakan kerana keperluan manusia akan makanan pada dasarnya mempunyai titik jenuh. Hal ini selari dengan Teori Bennet yang menjelaskan saling kait antara makanan dan kemiskinan. Krisnamurthi B, (2013) mengatakan bahawa peratusan bahan makanan ruji yang merupakan inti pati dalam penggunaan makanan isi rumah semakin berkurangan dengan meningkatnya pendapatan dan cenderung beralih kepada makanan yang mengandungi tenaga lebih mahal.

Teori ini juga menjelaskan bahawa pola tersebut lebih tepat pada bahan makanan pokok berpati kerana dua alasan Rattan et al., (2003) menyangkut sumber tenaga yang jumlah penggunaannya terbatas kerana kemampuan fisiologi manusia terbatas dan adanya keinginan yang universal pada manusia untuk memperoleh bahan makanan yang berbagai-bagai dan berprotein tinggi. Apabila keperluan makanan seseorang sudah dipenuhi dari segi kuantiti, biasanya dia akan mementingkan kualiti atau beralih kepada usaha memenuhi keperluan bahan bukan makanan. Dengan demikian, timbullah kecenderungan yang menunjukkan semakin tinggi pendapatan seseorang, semakin berkurangan peratusan pendapatannya yang dibelanjakan untuk makanan.

Pada masa yang akan datang, usaha memantapkan mampu diri beras dan pencapaian mampu diri makanan lain perlu difokuskan kepada mewujudkan ketahanan makanan, mempelbagaian penggunaan makanan serta menjamin keselamatan makanan. Di samping untuk mengurangkan kebergantungan kepada makanan ruji beras, mempelbagaian penggunaan makanan juga berusaha untuk meningkatkan gizi masyarakat, yang sehingga kini masih didominasi oleh makanan vegetarian sebagai sumber karbohidrat, tenaga mahupun proteinnya (Amang B, 2009). Hal ini sesuai dengan konsep mempelbagaian penggunaan makanan, iaitu beraneka ragamnya jenis makanan yang digunakan penduduk mencakup makanan sumber tenaga dan zat gizi lain sehingga memenuhi keperluan makanan dan zat gizi yang seimbang, baik dari segi kuantiti mahupun kualitinya (Suhardjo, 2010).

Pengetahuan tentang permintaan terhadap pemelbagaian atau keanekaragaman yang digambarkan oleh perkembangan keanekaragaman penggunaan merupakan hal yang penting berdasarkan beberapa alasan seperti berikut:

- (a) Dari segi kepentingan nasional, pengurangan penggunaan beras akan memberikan kesan positif terhadap kelestarian mampu diri beras atau kecukupan makanan,
- (b) Pemelbagaian penggunaan akan mengubah alokasi sumber ke arah yang lebih cekap,
- (c) Kepelbagaian makanan juga penting dilihat dari segi pemakanan, dan
- (d) Pengetahuan tentang keanekaragaman makanan juga akan berguna dalam perumusan strategi pengembangan sistem makanan.

Ada dua pengertian tentang kepelbagaian penggunaan makanan (Amang ,2009) pertama, dalam rangka pemantapan mampu diri beras dengan maksud agar peningkatan penggunaan beras dapat dikendalikan dengan lebih cepat, setidak-tidaknya penggunaan makanan akan seimbang dengan kemampuan keantasan peningkatan pengeluaran beras. Kedua, dalam rangka memperbaiki mutu gizi makanan penggunaan makanan sehari-hari penduduk biarlah lebih terpelbagai dan lebih seimbang.

Kepelbagaian penggunaan makanan tidak dimaksudkan untuk menggantikan beras tetapi lebih kepada mengubah pola penggunaan makanan masyarakat sehingga masyarakat mengguna lebih banyak jenis makanan dan lebih baik gizinya. Maksudnya, dengan

menambah jenis makanan dalam pola penggunaan makanan penggunaan beras diharap akan menurun.

Pempelbagaian penggunaan makanan tidak boleh diertikan setakat mempelbagaikan bahan makanan ruji, tetapi ia bermaksud cara keseluruhannya, baik dalam segi kumpulan sumber karbohidrat mahupun dalam segi makanan sumber zat gizi lain. Ia tidak hanya mengenai kepelbagaian jenis bahan makanan, bahkan ia hendaklah merangkumi kepelbagaian jenis masakan yang dihidangkan. Dengan menggunakan konsep yang sedemikian, sasaran akhir yang ingin dicapai tidaklah terhad kepada menekankan tentang penggunaan beras semata-mata, bahkan mutu makanan yang digunakan penduduk juga akan semakin meningkat. Keadaan ini diharapkan akan memberi kesan kepada penambahbaikan status gizi masyarakat. Yang penting dalam hal ini ialah bahawa kualiti sumber manusia sangat ditentukan oleh status gizi yang dipengaruhi oleh jumlah dan mutu makanan yang digunakan. Dengan penggunaan makanan yang lebih terpelbagai maka kekurangan sesuatu zat gizi dalam suatu makanan dapat ditutup oleh kelebihan zat gizi dalam makanan lain sehingga kelengkapan zat gizi yang diperlukan tubuh menjadi lebih terjamin. Dari segi lain, dengan adanya kesedaran tentang pentingnya penggunaan makanan yang terpelbagai, maka ketergantungan terhadap satu jenis makanan tertentu dapat dicegah.

Pentingnya mempelbagaian penggunaan makanan jelas seperti dikemukakan dalam Program Pembangunan Nasional (Propenas) 2013-2014 bahawa dua daripada lapan tujuan dan penunjuk program peningkatan

kecukupan makanan adalah (a) meningkatkan kepelbagaian dan kualiti penggunaan makanan masyarakat dan menurunkannya penggunaan beras per kapita dan (b) meningkatnya skor mutu Pola Makanan Harapan dan menurunkannya jumlah keluarga kekurangan makanan dan gizi.

Pandangan baharu yang perlu dimasyarakatkan adalah bahawa mempelbagaian penggunaan makanan merupakan program penambahbaikan pemakanan masyarakat. Penggunaan masyarakat yang selama ini 70% mengutamakan karbohidrat, terutamanya beras, perlu digantikan ke arah protein, lemak dan mineral sehingga dapat menghasilkan sumber manusia yang gagah untuk melanjutkan pembangunan. Pada saat ini penggunaan beras masih tinggi. Ia sekitar 120-130 kg/orang/tahun di peringkat nasional (Saragih, 2010) dan 95.15 kg/orang/tahun di peringkat Sulawesi Selatan. Angka ini masih terlalu tinggi apabila dibandingkan dengan penggunaan beras di negara Jepun yang hanya berada pada sekitar 70-80 kg/orang/tahun.

Usaha mengembangkan mempelbagaian penggunaan makanan masih lagi menghadapi beberapa kekangan. Selain daripada memerlukan sokongan pengeluaran aneka makanan dalam negeri dan pemahaman mengenai gizi oleh masyarakat, ia juga berkaitan dengan tingkat pendapatan masyarakat. Pada sisi yang lain pula, pengaruh budaya tidak dapat diabaikan. Masyarakat memberikan penghargaan yang tinggi terhadap beras kerana ia merupakan makanan tempatan yang menjadi sumber karbohidrat seperti ubi kayu, jagung dan sagu.

Pemberian peruntukan beras kepada pegawai negeri, secara tidak langsung memberikan tanda isyarat bahwa beras sama dengan kehormatan dan kedudukan. Hal lain yang juga menjadi perencat pengembangan pemelbagaian penggunaan makanan adalah masalah penyiapan makanan. Beras lebih mudah disiapkan dibandingkan dengan sumber karbohidrat yang lain. Harganya lebih murah, rasanya lebih enak, dan gizinya lebih baik dibandingkan dengan sumber karbohidrat yang lain. Pengembangan pemelbagaian penggunaan makanan paling efektif hanya mungkin dilakukan melalui peningkatan pendapatan benar masyarakat. Penambahbaikan pendapatan tersebut tidak selalu dalam pengertian nominal, akan tetapi ia dapat juga dilakukan dengan pengendalian harga komoditi bukan beras, agar kesemuanya berada dalam jangkauan kuasa beli masyarakat.

Penggunaan makanan rumah tangga merupakan kebutuhan anggota rumah tangga terhadap makanan yang bertujuan untuk mengkokohkan keselamatan makanan ditingkat rumah tangga. Keselamatan makanan meliputi penggunaan makanan yang terkait dengan kualitas dan kuantitas makanan (Soebadlan, 2007).

2.7.2 Kriteria Penggunaan Makanan

Penggunaan makanan memerlukan informasi tentang jenis dan jumlah makanan yang dimakan seseorang atau kelompok orang (keluarga atau isi rumah) pada waktu tertentu (Hardinsyah & Martianto, 2010b).

Susunan jenis makanan yang

diguna adalah berdasarkan kriteria tertentu yang disebut pola penggunaan makanan. Kriteria yang dikenali secara umum oleh masyarakat pada umumnya ialah unit akhir daripada penyajian data penggunaan makanan, khususnya purata gram per kapita per hari atau purata kilogram per kapita per tahun. Sebelum ini maklumat penggunaan makanan ini menggunakan unit ukuran isi rumah (URT). Maklumat tentang jumlah penggunaan makanan ini biasanya disajikan menurut jenis makanan atau makanan yang dimakan.

Penelitian tentang makanan bertujuan untuk mengetahui penggunaan makanan seseorang atau kelompok orang, baik secara kuantitatif mahupun secara kualitatif. Kajian penggunaan makanan secara kuantitatif bertujuan untuk mengetahui jumlah makanan atau makanan yang dimakan. Penggunaan makanan secara kualitatif biasanya bertujuan untuk mengetahui frekuensi makan, frekuensi penggunaan menurut jenis makanan yang digunakan dan mencari maklumat tentang kebiasaan makan (*food habit*) serta cara memperoleh makanan. Untuk mengukur makanan seseorang atau kelompok orang secara kuantitatif, pada umum terdapat lima kaedah, khususnya (a) kaedah inventori, iaitu dengan mencatatkan pemasukan dan penggunaan makanan; (b) kaedah senarai makanan (*food list method*), (c) kaedah rekod belanja makanan (*food record method*); (d) kaedah penimbangan langsung (*weighting method*); (e) kaedah mengingat (*recall method*); dan (f) kombinasi antara berbagai-bagai kaedah tersebut (Martianto, 2013).

Salah satu kaedah yang sering digunakan dalam pengukuran penggunaan makanan adalah kaedah inventori yang biasanya disebut *kaedah buku log*. Kaedah ini biasanya digunakan dalam tinjauan penggunaan makanan keluarga atau isi rumah, apabila peneliti tidak mungkin untuk mewawancara setiap anggota keluarga atau isi rumah setiap hari selama tempoh tinjauan tersebut. Secara prinsipnya, kaedah ini menyediakan satu inventori dan menimbang secara langsung semua jenis bahan makanan, bermula dari awal hingga ke akhir tempoh tinjauan.

Kaedah senarai makanan (*food list method*) menggunakan cara yang sama dengan kaedah inventori dalam hal pencatatan, tetapi berbeza sedikit dalam hal pengukurannya. Dalam kaedah ini tidak ada pengukuran atau penimbangan langsung. Data tentang jumlah makanan yang diguna dikumpulkan dengan cara wawancara dengan keluarga yang dikaji.

Kaedah ingat kembali (*recall method*) dilakukan dengan mencatat jenis dan jumlah bahan makanan yang diguna pada masa lalu. Wawancara dilakukan sedalam mungkin agar responden dapat mengungkapkan jenis bahan makanan dan perkiraan jumlah bahan makanan yang digunanya beberapa hari yang lalu. Biasanya, *ingat kembali* dilakukan untuk dua atau tiga hari yang lalu. Penentuan jumlah hari ingat kembali ini sangat ditentukan oleh keragaman jenis penggunaan antara waktu atau jenis responden memperoleh makanan. Dengan kaedah ingat kembali, penaksiran jumlah makanan yang diguna dimulakan dengan menanyakan dalam bentuk ukuran isi rumah atau ukuran lain yang biasa digunakan.

Menurut Taylor (2010) yang dimaksudkan dengan makanan ialah makanan yang siap untuk dimakan, baik dalam bentuk padat mahupun cair. Sesuatu susunan penggunaan makanan itu dikatakan cukup bagi seseorang apabila jumlah masing-masing zat pemakanan yang diperolehi daripada makanan yang diguna tersebut memenuhi keperluan dan kecukupan tubuh bagi zat pemakanan tersebut. Untuk mengetahui jumlah jenis zat pemakanan yang diguna daripada sesuatu susunan penggunaan makanan kegiatan penilaian penggunaan makanan diperlukan.

Menurut Hardinsyah & Briawan (2010) secara kuantitatif penilaian penggunaan makanan isi rumah juga boleh dilakukan dengan kaedah kekerapan makanan (*food frequency*), iaitu berapa kali dalam sehari, seminggu, sebulan, atau setahun untuk, satu jenis makanan tertentu.

Nisbah penggunaan makanan sebenar yang mencakup aspek kuantiti dan kualiti dengan penggunaan bukan jati dapat membayangkan tingkat ketahanan makanan isi rumah (Suhardjo, 2010). Penggunaan normatif menunjukkan tingkat penggunaan zat pemakanan yang seharusnya dipenuhi oleh isi rumah untuk hidup sihat. Komposisi penggunaan makanan normatif ini dikenali sebagai *Pola Makanan Harapan (PPH)*. PPH adalah susunan jenis makanan yang didasarkan kepada sumbangan tenaga daripada setiap kelompok makanan, baik secara mutlak mahupun secara relatif dari segi jumlah tenaga yang diguna oleh isi rumah. Jumlah tenaga ini dikira mampu memenuhi keperluan penggunaan makanan baik dari segi kuantiti, kualiti, mahupun dari segi

kepelbagaiannya, ditimbang daripada aspek sosial, ekonomi, budaya, agama, dan cita rasa. Penggunaan makanan yang memenuhi *PPH* bererti sudah memenuhi aspek keseimbangan gizi (*nutritional balance*), keperisaan (*palatability*), khasiat (*digestibility*), kebolehterimaan (*acceptability*), kuantiti (*quantity*) dan kecukupan pemakanan (*nutritional adequacy*).

Dalam norma *Pola Makanan Harapan*, makanan dikelompokkan kepada sembilan kelompok, khususnya bijirin (meliputi beras, jagung, terigu dan hasil olahannya), umbi-umbian (meliputi ubi kayu, ubi jalar, kentang, talas, sagu dan hasil olahannya), makanan haiwan (meliputi ikan, daging, telur, susu dan hasil olahannya), minyak dan lemak (meliputi minyak kelapa, minyak jagung, minyak goreng/kelapa sawit dan marjerin), buah/biji berminyak (meliputi kelapa, kemiri, kenari, mete, coklat), kekacang (kacang soya, kacang tanah, kacang hijau, kacang merah, kacang polong, kacang tunggak dan hasil olahannya), gula (meliputi gula pasir, gula merah dan sirup), sayur dan buah (meliputi semua jenis sayuran dan buah-buahan) dan makanan yang lain (termasuk di dalamnya bahan perencah).

2.8 Pemakanan Seimbang

Panduan piramid makanan membantu dalam memilih diet yang seimbang . Makanan diletakkan pada aras yang berbeza didalam piramid makanan berdasarkan kepada nilai nutrien utama (Kementrian Kesehatan Indonesia, 2011). Makanan dengan nilai nutrien tertinggi diletakkan di dasar piramid makanan, manakala makanan

yang mempunyai nilai nutrisi terendah diletakkan pada puncak piramida makanan. Jumlah makanan yang dibenarkan adalah berbeda-beda di antara individu. Oleh itu pemilihan makanan harus mengikuti bagian yang dinyatakan dalam panduan piramida makanan (Kementerian Kesehatan Indonesia, 2011). Jenis makanan harus dipilih dari setiap aras piramida mengikuti turutan, pilihan terbaik dan perlu dimakan paling banyak adalah daripada aras satu atau dasar piramida, dan makanan dari aras puncak piramida makanan perlu diambil dengan kadar paling sedikit (Kementerian Kesehatan Indonesia, 2011). Piramida makanan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.1.

Kebanyakan makanan mengandung lebih dari satu nutrisi, tetapi tidak ada satu makanan yang dapat membekalkan semua nutrisi yang diperlukan dalam jumlah yang betul untuk mengekalkan pemakanan yang baik (Kementerian Kesehatan Indonesia, 2011). Lebih kepelbagaian makanan, maka kurang kecenderungan seseorang untuk mengalami kekurangan atau berlebihan nutrisi.

2.9 Keperluan Nutrisi

Makanan yang seimbang terdiri daripada karbohidrat, protein, lemak, vitamin, garam, mineral, pelawas dan air. Masing-masing memainkan peranan yang amat penting bagi kesihatan badan. Berikut merupakan keperluan nutrisi bagi setiap kelas makanan :

- a. Keperluan karbohidrat

Menurut Rajikin et al., (1977) sumber karbohidrat seperti roti, nasi dan ubi kentang merupakan makanan yang banyak memberi tenaga kepada badan kita.

b. Keperluan protein

Ikkan dan susu merupakan sumber asas bagi protein. Protein adalah penting untuk membaiki tisu-tisu yang rosak atau mati. Selain itu, protein juga merupakan komponen penting kepada membran sel ditubuh manusia dan menghasilkan enzim yang amat berguna (Campbell & Farrell, 2003). Kekurangan protein dalam makanan boleh menyebabkan seseorang itu menghadapi penyakit Kwosyorkor yang jarang-jarang ditemui di Indonesia (Rajikin et al.,1977).

2.10 Penyajian Hidangan Sihat

Pemakanan yang baik memestikan kita memperoleh tenaga dan nutrien yang kita perlukan untuk berfungsi, melakukan aktiviti seharian dan mengurangkan risiko masalah pemakanan, termasuk kekurangan pemakanan (contohnya kurang berat badan, pertumbuhan terbantut, anemia) dan berlebihan zat makanan (contohnya berlebihan berat badan dan obesiti). Kita perlu mengambik kelima-lima kumpulan makanan mengikut jumlah bersesuaian yang ditunjukkan dalam Piramid Makanan Indonesia. Pelbagaikan pilihan dalam setiap kumpulan makanan, kerana makanan berlainan membekalkan kombinasi nutrien yang bebeza. Amalkan

kesederhanaan supaya kita tidak makan terlalu sedikit ataupun terlalu banyak.

2.11 Hidangkan pelbagai jenis makanan

Panduan Diet Indonesia menekankan pengambilan pelbagai jenis makanan berasaskan Piramid Makanan Indonesia. Pelbagai jenis makanan membekalkan nutrien-nutrien berbeza yang diperlukan oleh tubuh. Tiada satu pun jenis makanan dapat memberi kesemua tenaga, nutrien dan komponen makanan yang kita perlukan. Oleh itu, sekiranya merancang, pastikan pemakanan terdiri daripada pelbagai jenis makanan untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan harian.

2.12 Pengertian Penggunaan

Ilmu ekonomi menjelaskan bahawa penggunaan merupakan andaian seseorang untuk bertindak secara berkadaran dalam usaha mencapai tujuannya dan kemudian mengambil keputusan yang konsisten dengan tujuan untuk memenuhi kepuasan yang maksimum (Haris & Andika, 2008). Seterusnya, ada beberapa macam keperluan asas manusia untuk boleh hidup secara wajar, iaitu:

- (a) Keperluan makanan atau perlu untuk makanan.
- (b) Keperluan makanan dan pakaian.
- (c) Keperluan perumahan atau tempat berteduh.
- (d) Keperluan pendidikan untuk menjadi manusia bermoral dan berbudaya.

Keperluan tersebut merupakan keperluan asas yang harus dipenuhi untuk dapat hidup wajar. Apabila

keperluan itu dipenuhi dengan kurang memuaskan maka hal itu merupakan suatu petanda bahawa orang berkenaan masih hidup di bawah garis kemiskinan. Keperluan lain seperti keperluan untuk perabot rumah, meja, kerusi, almari, alat-alat dapur, radio, televisyen dan aneka keperluan lain, disebut sebagai keperluan menengah atau keperluan pelengkap yang boleh ditambah sesuai dengan peningkatan pendapatan.


Seterusnya penggunaan ialah perbelanjaan terhadap barang-barang dan perkhidmatan yang dilakukan oleh isi rumah dengan tujuan memenuhi keperluan orang yang mengeluarkan perbelanjaan tersebut. Perbelanjaan masyarakat ke atas makanan, pakaian, dan barang-barang keperluan mereka yang lain digolongkan perbelanjaan atau penggunaan. Barang-barang yang dihasilkan untuk digunakan oleh masyarakat bagi memenuhi keperluannya yang dinamakan barangan penggunaan.

Perbelanjaan penggunaan masyarakat atau isi rumah merupakan salah satu daripada pemboleh ubah makroekonomi. Perbelanjaan penggunaan seseorang adalah sebahagian daripada pendapatan yang dibelanjakan untuk penggunaan. Apabila perbelanjaan penggunaan semua orang dalam sesebuah negara dijumlahkan, maka hasilnya ialah perbelanjaan penggunaan masyarakat negara berkenaan. Menurut Rahardja (2010) perbelanjaan penggunaan terdiri daripada penggunaan kerajaan dan penggunaan masyarakat atau isi rumah.

Perbelanjaan penggunaan isi rumah adalah semua pembelian barangan dan perkhidmatan oleh isi rumah yang tujuannya ialah untuk diguna selama tempoh tertentu

tolak hasil penjualan barang skrap. Untuk menganggarkan perbelanjaan penggunaan isi rumah, data pendukung yang diperlukan, antara lain:

- (a) Purata perbelanjaan per kapita sebulan kumpulan makanan dan bukan makanan.
- (b) Indeks Harga Pengguna (IHP) untuk masing-masing kelompok komoditi dan perkhidmatan dari bahagian statistik harga pengguna.
- (c) Jumlah penduduk berdasarkan unjuran hasil tinjauan penduduk dari banci penduduk.



Sumber : Sanjur (1982)

Rajah 2.2 Model Penggunaan Makanan.

Penggunaan makanan seseorang atau sekumpulan orang dipengaruhi oleh berbagai faktor. Menurut Rattan & David (2009) terdapat empat faktor utama yang mempengaruhi penggunaan makanan orang sehari-hari, khususnya (a) pengeluaran makanan untuk keperluan isi

rumah; (b) perbelanjaan wang untuk makanan isi rumah; (3) pengetahuan gizi dan (4) tersedianya makanan.

Pengeluaran makanan untuk keperluan isi rumah juga dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti pemilihan tanaman, neraca wang dan tanaman makanan, sumber penceluran, terdapatnya tanah untuk tanaman makanan, pembahagian kerja dalam keluarga untuk pekerjaan pertanian, jumlah panen dan mutunya, penjualan hasil tanaman, kerugian ketika panen dan kerugian ketika pasca panen. Begitu juga, faktor perbelanjaan wang untuk makanan isi rumah dipengaruhi oleh berbagai faktor seperti subsidi makanan oleh pemerintah, makanan yang diagihkan antara anggota masyarakat luar bandar, jumlah dan jenis makanan yang dibeli, harga makanan di pasaran, persediaan makanan yang dapat diterima di pasaran, jumlah pendapatan yang dibelanjakan untuk makanan serta pendapatan isi rumah daripada pelbagai sumber.

Di samping dipengaruhi oleh empat faktor besar tersebut, penggunaan makanan sehari-hari juga dipengaruhi oleh berbagai-bagai faktor lain seperti cara menyimpan makanan, tersedianya bahan bakar, beban pekerjaan, waktu yang disediakan untuk menyiapkan dan penyediaan makanan, cara penyiapan makanan baik jumlah dan jenisnya serta kebiasaan makan tradisional seperti pola pembahagian makanan kepada anggota-anggota keluarga.

Denave (2012) mengatakan bahawa penggunaan makanan isi rumah dipengaruhi oleh pengetahuan gizi, tersedianya makanan dan pengeluaran makanan untuk keperluan isi rumah. Di sisi lain, pengetahuan gizi

mempengaruhi pengeluaran makanan untuk keperluan isi rumah dan perbelanjaan wang untuk makanan isi rumah. Selanjutnya, perbelanjaan wang untuk penggunaan dan pengeluaran makanan isi rumah mempengaruhi tersedianya makanan. Dari huraian tersebut dapatlah disimpulkan bahawa keselamatan makanan isi rumah sangat terkait langsung dengan kemampuan memenuhi keperluan kalori dan protein dan hal ini terkait langsung dengan tingkat pendapatan dan kuasa belinya. Usaha pembasmian kemiskinan melalui pelbagai program, baik daripada pihak pemerintah mahupun pihak swasta telah dilakukan dengan maksud untuk mengurangkan jurang sosioekonomi antara kumpulan dalam masyarakat dengan pendekatan kewilayahan mahupun pendekatan keluarga atau isi rumah.

2.13 Teori Kecukupan Makanan

Makanan merupakan istilah yang teramat penting bagi pertanian, kerana secara hakiki makanan merupakan salah satu keperluan paling dasar dalam pemenuhan aspirasi kemanusiaan. Masalah penggunaan makanan dan usaha memenuhinya akan tetap merupakan agenda penting dalam pembangunan ekonomi di Indonesia. Status penggunaan makanan penduduk sering dipakai sebagai salah satu penunjuk tingkat kesejahteraan masyarakat. Krisis penyediaan makanan akan menjadi masalah yang sangat sensitif dalam dinamika kehidupan sosiopolitik. Oleh kerana itu, perbincangan mengenai topik kecukupan makanan menjadi sangat penting.

Undang-Undang Pangan Nomor 7, Tahun 1996 mengamanatkan bahawa makanan adalah salah satu keperluan asasi yang usaha memenuhinya merupakan sebahagian daripada Hak Asasi Manusia (HAM). Perundangan ini sejalan dengan salah satu pasal dalam *Human Rights Declaration* 1948 dan *World Food Conference on Human Rights*, 1993 (Ralphini Sherman, 2011).

Meneruskan bahawa makanan sebagai bagian daripada perundangan HAM mempunyai erti bahawa negara bertanggungjawab memenuhi keperluan makanan penduduknya. Selain kerana alasan HAM, usaha memenuhi keperluan makanan juga menentukan status gizi dan kualiti sumber manusia, bahkan termasuk ketahanan sosioekonomi dan politik sesuatu bangsa. Oleh kerana itu, pembangunan makanan merupakan salah satu bahagian penting daripada pembangunan nasional.

Kecukupan makanan bagi sesebuah negara merupakan hal yang sangat penting, terutama bagi negara yang mempunyai jumlah penduduk yang sangat banyak seperti Indonesia. Jumlah penduduk Indonesia mencapai 210 juta orang pada tahun 2002 dan diunjurkan akan menjadi sekitar 213.9 juta orang pada tahun 2003, sekitar 247 juta orang pada tahun 2013 dan akan menjadi 270 juta orang pada tahun 2025, (Saragih , 2010).

Seterusnya mengemukakan bahawa pengalaman sejarah pembangunan Indonesia, menunjukkan bahawa masalah kecukupan makanan sangat erat kaitannya dengan kestabilan ekonomi (khususnya inflasi), kos pengeluaran ekonomi agregat (biaya hidup) dan kestabilan politik

nasional. Oleh karena itu, kecukupan makanan menjadi syarat mutlak bagi penyelenggaraan pembangunan nasional.

FAO (2008), mendefinisikan kecukupan makanan sebagai situasi apabila semua isi rumah mempunyai akses baik dari segi fizikal mahupun dari segi ekonomi untuk memperoleh makanan bagi seluruh anggota keluarganya, dan dengan isi rumah tidak berisiko untuk mengalami kehilangan kedua akses tersebut. Ini bererti konsep kecukupan makanan mencakupi ketersediaan yang memadai, kestabilan dan akses terhadap makanan-makanan utama. Ketersediaan makanan bererti bahawa secara pukol rata, makanan tersedia dalam jumlah yang mampu memenuhi keperluan penggunaan. Kestabilan merujuk kepada kemungkinan bahawa pada situasi yang sesulit mana pun (misalnya, pada musim kebuluran), penggunaan makanan tidak akan jatuh di bawah keperluan gizi yang dianjurkan. Sementara itu akses merujuk kepada fakta bahawa masih banyak masyarakat yang mengalami kelaparan kerana ketiadaan sumber untuk mengeluarkan makanan atau ketidakmampuan untuk membeli makanan sesuai dengan keperluan masing-masing (Sen, 1980). Oleh itu, penentu utama kecukupan makanan ialah kuasa beli atau pendapatan yang memadai untuk memenuhi kos hidup.

Maka mendefinisikan kecukupan makanan sebagai keadaan yang terpenuhnya keperluan makanan bagi isi rumah, yang tercermin dalam ketersediaan makanan yang cukup dari segi kuantiti, mutu, selamat, merata dan terjangkau (Guthrie & Schoor , 1981). Sementara itu,

definisi kecukupan makanan yang secara rasmi disepakati oleh negara anggota PBB, termasuk Indonesia, pada *World Food Conference on Human Rights, 1993* dan *World Food Summit, 1996* adalah keadaan terpenuhinya keperluan gizi setiap individu dari segi kuantiti dan mutu agar dapat hidup aktif dan sihat secara berkesinambungan, sesuai dengan budaya setempat. Sistem kecukupan makanan dikatakan mantap apabila mampu memberikan jaminan bahawa semua penduduk akan sentiasa pasti memperoleh makanan yang cukup sesuai dengan norma gizi untuk kehidupan yang sihat, bertumbuh dan produktif. Ancaman risiko atau peluang bahawa sebahagian penduduk menderita kerana kurang makanan merupakan penunjuk keraguan akhir dari sistem kecukupan makanan. Oleh karena itu, kecukupan makanan ditentukan oleh tiga penunjuk utama, khususnya ketersediaan makanan (*food availability*), jangkauan makanan (*food access*) dan kebolehpercayaan makanan (*food reliability*) dari ketersediaan mahupun kecapaian makanan tersebut.

Anderson et al. (2009), menyebutkan bahawa kecukupan makanan adalah ketercapaian semua orang pada setiap waktu untuk dapat mencukupi makanan bagi aktiviti mereka untuk dapat hidup sihat, termasuk dalamnya kesiapan ketersediaan pemakanan yang cukup dan makanan yang selamat dan keyakinan terhadap jaminan untuk memperoleh makanan melalui kegiatan sosial, misalnya mendapatkan pemberian makanan darurat, dan berbagai-bagai strategi usaha memenuhi makanan lainnya. Sementara itu, kecukupan makanan boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja apabila perolehan makanan yang

cukup dan aman terbatas, dan jaminan memperoleh makanan melalui kegiatan sosial juga terbatas.

Organisasi Pertanian dan Makanan PBB (*FAO*) mendefinisikan kecukupan makanan sebagai keadaan apabila semua masyarakat boleh memperoleh makanan yang selamat dan bergizi untuk dapat hidup secara sihat dan aktif. Hal ini bererti bahawa untuk menikmati kecukupan makanan, maka pada satu segi, satu ketetapan tentang makanan yang selamat dan bergizi baik dari sudut kuantitatif mahu pun kualitatif hendaklah diadakan. Pada segi yang lain pula hendaklah ada satu ketetapan yang akan memastikan supaya golongan miskin dan kaya, laki-laki dan perempuan, tua dan muda hendaklah mempunyai akses untuk memperoleh makanan tersebut.

World Bank (2008), bersetuju bahawa pengertian kecukupan makanan yang telah diterima secara meluas adalah keadaan apabila setiap orang, pada setiap masa, mempunyai ketersediaan secara fizikal dan ekonomi terhadap makanan yang cukup untuk memenuhi keperluannya agar dapat hidup sihat dan produktif.

Paradigma ketahanan makanan kelestarian (*Sustainability Food Security Paradigm* atau *SFSP*) menegaskan bahawa ketersediaan makanan yang cukup adalah penting tetapi tidak memadai untuk menjamin ketahanan makanan. Sesungguhnya, tidak akan ada ketahanan makanan apabila tidak ada ketersediaan makanan yang cukup untuk diakses. Namun demikian, meskipun tersedia makanan yang cukup. Ada juga orang boleh menderita kelaparan kerana mereka tidak mempunyai cukup akses terhadap makanan (*hunger paradox*). Paradigma itu juga tidak dapat

mengesan kerentanan (*vulnerability*) ketahanan makanan terhadap pelbagai risiko, lebih-lebih lagi, paradigma tersebut mengabaikan soal kelestarian, keadaan penting untuk mencapai ketahanan makanan yang lestari. Kerana itulah pendekatan ketersediaan makanan (*Food Availability Approach, FAA*), termasuk mampu diri makanan, gagal mencapai ketahanan makanan lestari di beberapa negara.

Sen (2007) telah merubah *FAA* dengan mengajukan ketercapaian sebagai komponen penting lain daripada ketahanan makanan. Kemampuan untuk menguasai makanan yang cukup telah dikatakan merupakan penentu terpenting ketahanan makanan. Ketercapaian atau akses kepada makanan dapat melalui pertukaran pasaran atau bukan pasaran (bantuan atau pindahan). *Food Entitlement Approach (FEA)* kepada ketahanan makanan menekankan pentingnya pendapatan isi rumah dan pindahan pendapatan atau bantuan makanan untuk ketahanan makanan. *FEA* telah menunjukkan kelebihanannya dibanding *FAA* dalam usaha menjelaskan kelaparan di beberapa negara iaitu krisis makanan Indonesia tahun 1998 disebabkan oleh kegagalan penguasaan, bukan kerana kekurangan makanan. Bagaimanapun, sebahagian orang pula mengkritik mengatakan *FEA* terlalu banyak menyoroti aspek ekonomi Islam, 1997. Pendekatan tersebut gagal untuk menunjukkan pentingnya isu kerentanan (*vulnerability*) dan kelestarian (*sustainability*) dalam masalah kecukupan makanan.

Dianarifah (2010) menyebutkan bahwa secara kasar terdapat empat aspek tentang kecukupan makanan, khususnya (a) ketersediaan, (b) ketercapaian, (c) keselamatan dan (d) ketepatan waktu. Keempat-empat aspek ini saling kait antara satu dengan yang lain sehingga membentuk satu sistem kecukupan makanan yang kukuh. Apabila salah satu aspek ini tempang, maka sistem kecukupan makanan masyarakat itu akan menjadi rapuh.

Tujuan pembangunan kecukupan makanan Sulawesi Selatan, 2012 dirumuskan dalam beberapa konsep seperti berikut:

- (a) Membangunkan sistem kecukupan makanan wilayah yang kukuh melalui penciptaan iklim yang kondusif bagi berfungsinya subsistem ketersediaan, pengagihan dan penggunaan yang bersinergi.
- (b) Mengembangkan kerjasama institusi untuk meningkatkan, kecukupan makanan isi rumah, daerah kota, wilayah, dan nasional.
- (c) Meningkatkan kemampuan membangun sistem pengagihan makanan untuk menunjang penyebaran dan tingkat harga makanan yang terjangkau oleh kuasa beli masyarakat.
- (d) Meningkatkan kemampuan membangun ketersediaan dan cadangan makanan dalam kuantiti, mutu, dan kepelbagaian yang cukup di seluruh wilayah.
- (d) Meningkatkan mempelbagaian makanan dan produk-produk makanan berproses sesuai dengan potensi sumber-sumber tempatan sehingga mendorong penurunan penggunaan per kapita beras.

- (e) Meningkatkan pemerksasaan dan kemandirian masyarakat dalam usaha mewujudkan kecukupan makanan yang lestari dan bertumpu pada sumber-sumber institusi dan budaya tempatan.
- (f) Meningkatkan kewaspadaan makanan masyarakat agar dapat mengenali dan menjangka secara dalam masalah kekurangan makanan di wilayah mereka.

Strategi yang diterapkan dalam rangka keberhasilan pembangunan kecukupan makanan adalah seperti berikut:

- (a) Pemerksasaan kecukupan makanan masyarakat,
- (b) Pengembangan sistem dan usaha perniagaan tani,
- (c) Mewujudkan kerjasama antara masyarakat sebagai pelaku dan pemerintah sebagai fasilitator,
- (d) Menumbuhkan kecukupan makanan pada peringkat isi rumah, mengelola pengeluaran makanan dengan baik dalam usaha memenuhi keperluan penggunaan keluarga dan mampu menyalurkan kelebihan pengeluaran makanan untuk memperoleh harga yang wajar. Di pihak lain kesedaran masyarakat tentang pentingnya pempelbagaian makanan dengan mutu makanan yang diguna harus semakin meningkat dalam usaha mewujudkan kecukupan makanan pada peringkat isi rumah.
- (e) Pemantapan koordinasi dan sinkronisasi pihak-pihak keberkaitan dalam perencanaan, kepakaran, pembinaan dan pengendalian.

Menurut (Siagian& Arianingsih 1999), terdapat dua cara untuk meningkatkan kecukupan makanan, khususnya:

- (a) Meningkatkan kuasa beli masyarakat miskin dengan meningkatkan pengeluaran makanan pada keseluruhannya. Peningkatan bekalan makanan dan kuasa beli masyarakat merupakan hal yang tidak mudah sebab kedua-duanya berkait dengan kepakaran yang berada pada sesebuah negara.
- (b) Pengagihan semula bekalan makanan dari daerah lebihan makanan ke daerah defisit makanan dengan menggunakan mekanisme yang dapat meningkatkan kuasa beli masyarakat, khususnya masyarakat miskin yang kekurangan makanan, di samping meningkatkan insentif untuk menambahkan pengeluaran makanan dalam jangka panjang.

Krisis ekonomi telah memacu peningkatan harga-harga makanan ruji, khususnya beras, bahkan sehingga pernah mencapai 78%. Hal ini menyebabkan perbelanjaan isi rumah untuk makanan semakin bertambah dan menyebabkan menurunnya ketahanan makanan di peringkat isi rumah. Selama berlakunya krisis ekonomi, jumlah isi rumah yang defisit tenaga dan protein telah meningkat. Sementara itu, kualiti penggunaan makanan penduduk telah merosot. Hal ini dapat dilihat dalam penurunan penggunaan makanan bersumber haiwan.

Simatupang (2009), mencatatkan bahawa Indonesia sebenarnya tidak pernah mengalami kelangkaan beras yang mengganggu kecukupan makanan. Selama krisis berlangsung, bukti kelangkaan beras atau makanan secara keseluruhan tidak pernah ditemui, namun, terdapat banyak keluarga yang tidak mampu membeli makanan untuk memenuhi keperluan gizi. Massoulant et al.,

(2011) menemukan kekurangan makanan di beberapa lokasi terutamanya di daerah yang berlaku kemarau yang parah atau di daerah yang berlaku konflik etnik yang parah. Mereka tidak dapat dikategorikan sebagai kelompok rawan makanan dengan menggunakan ukuran kecukupan beras dan kuasa beli karena masalah yang dihadapi hanya berpengaruh kecil terhadap ketersediaan dan harga beras. Kepakaran makanan yang dibangunkan dengan asas kemampuan membeli beras (yang sama saja ertinya dengan hikmah harga beras murah) justeru akan menjadikan penduduk miskin di luar bandar yang berjumlah 14 juta, yang antaranya adalah petani padi, semakin merudum (Amang , 2009).

Makanan dianggap sebagai salah satu keperluan dasar manusia dalam hierarki keperluan mereka. Sebagaimana diungkapkan oleh Maslow (1994), jika manusia kelaparan maka keperluan terhadap martabat dan status menjadi tidak penting lagi; hanya makanan yang penting. Seterusnya bahawa ketahanan makanan adalah keperluan asasi, keperluan dasar untuk kepentingan manusia dan organisasi dalam kehidupan sosial. Akses kepada pemakanan bersifat asasi, bukan hanya untuk kehidupan, tetapi juga untuk pencapaian sosial yang stabil dan berkesinambungan.

Lookckheedet al., (2010) meneruskan bahawa dalam perkembangannya, kecukupan makanan hanya dianggap sebagai satu dimensi daripada konsep kecukupan mata pencarian tetapi dengan skala yang lebih luas. Strategi kecukupan makanan yang diterapkan oleh penduduk miskin harus diinterpretasikan dalam konteks

kecukupan mata pencarian yang dinamik dan kompleks. Seterusnya mengatakan bahawa kecukupan mata pencarian adalah stok dan aliran makanan dan wang dalam jumlah yang memadai untuk memenuhi keperluan dasar. Kecukupan makanan merujuk kepada pemilikan, akses kepada sumber-sumber dan bahan-bahan yang menghasilkan pendapatan, termasuk cadangan dan aset untuk mengatasi risiko, meredakan gangguan dan menjangka keadaan darurat yang mungkin muncul. Sementara itu, kesinambungan merujuk kepada usaha mempertahankannya atau meningkatkan produktiviti sumber dalam jangka panjang. Dalam kerangka ini, pencapaian kecukupan makanan adalah subset tujuan dan merupakan salah satu daripada julat faktor-faktor yang menentukan sebabnya golongan miskin mengambil keputusan dan menanggung risiko dan cara mereka mengimbangkan kepentingan-kepentingan yang bertentangan tujuan supaya boleh bertahan dalam jangka panjang.

Byene & Muche (2010) menjelaskan bahawa berdasarkan kajian 196 isi rumah ladang model logistik dianggarkan. Pemboleh ubah yang berkaitan dengan pengalaman dalam aktiviti pertanian, ladang dan bukan ladang pendapatan, tanah dan ternakan pegangan, kerana serta amalan pemuliharaan tanah dan air signifikan memberi kesan kepada makanan isi rumah kecukupan. Perbezaan dalam penggunaan baja kimia mempunyai kesan positif ke atas makanan.

Kajian oleh Aidoo et al., (2013) dijalankan untuk menilai penentu rumah kecukupan makanan di kalangan luar

bandar isi rumah di Sekyere-Afram Plains daerah Ghana. Data telah dikumpulkan daripada 100 secara rawak isi rumah terpilih melalui penggunaan soal selidik berstruktur. Teknik analisis yang digunakan termasuk statistik deskriptif untuk menganalisis ciri-ciri isi rumah responden, dan logistik model regresi untuk mengenal pasti faktor penentu keselamatan makanan di kalangan isi rumah yang dikaji. Pemboleh ubah saiz isi rumah, saiz ladang, pendapatan bukan pertanian, kredit akses dan status perkahwinan didapati signifikan mempengaruhi kecukupan makanan isi rumah .

2.14 Penutup

Berdasarkan huraian yang lalu, dapatlah dilihat bahawa pola penggunaan makanan ditentukan oleh tiga faktor yang paling dominan, khususnya (a) keadaan ekosistem yang merangkumi penyediaan bahan makanan alami (b) keadaan ekonomi yang menentukan kuasa beli, dan (c) pemahaman konsep kesihatan dan pemakanan. Tahap pendapatan keluarga mempunyai hubungan yang erat dengan perubahan penggunaan makanan. Apabila pendapatan meningkat, ia tidak selalunya diikuti oleh perubahan penggunaan makanan.

Pola penggunaan makanan isi rumah adalah perubahan penggunaan makanan sebelum dan sesudah mengikuti program pemerksaan, yang diukur dengan kaedah frekuensi makanan (*food frequency method*) dan tingkat kecukupan tenaga, protein dan zat pemakanan dalam ukuran unit gram/orang/tahun.

Perbelanjaan penggunaan masyarakat isi rumah merupakan salah satu pemboleh ubah makroekonomi. Perbelanjaan penggunaan seseorang ialah bahagian daripada pendapatan yang dibelanjakan. Apabila perbelanjaan penggunaan semua orang dalam sesebuah negara dijumlahkan, maka hasilnya ialah perbelanjaan penggunaan masyarakat negara yang berkenaan.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Metodologi dalam bab ini merujuk kepada tatacara melaksanakan kajian atau tatacara mendapatkan maklumat bagi mencapai matlamat kajian. Dalam bab ini , pengkaji akan menghuraikan beberapa aspek seperti kerangka konsep, kaedah pengumpulan data, kajian kepustakaan, kaedah pensampelan, kaedah pemilihan responden, teknik pengumpulan data, temu bual , soal selidik, pembolehubah dalam menganalisis faktor ekonomi dan sosial serta penggunaan makanan isi rumah miskin luar bandar, kajian rintis, ujian keboleh percayaan dan kaedah analisa data.

3.2 Kerangka Konsep

Kerangka konsep kajian telah dirangka berdasarkan kepada hasil tinjauan literatur seperti yang ditunjukkan pada Rajah 3.1. Tujuan kerangka konsep ini dibangunkan adalah untuk menghubungkan konsep dan teori isi rumah miskin dan penentu-penentu penggunaan makanan berdasarkan faktor sosial dan ekonomi.

Kajian ini dimulakan dengan membincangkan aspek-aspek penting dalam penggunaan makanan luar bandar. Secara umumnya, kawasan luar bandar merupakan satu kawasan yang dikenali sebagai suatu kawasan yang mundur dan kurang mendapat kemajuan berbanding dengan kawasan bandar. Oleh kerana itu kawasan luar bandar sering dihalang dengan ciri-ciri yang terpencil dan kemunduran. Kawasan luar bandar mempunyai pilihan yang terhad untuk melihat faktor sosial dan ekonomi terhadap penggunaan makanan isi rumah miskin luar bandar.

Berdasarkan Persidangan Peringkat Tinggi tahun 1996 yang diselenggarakan oleh FAO, definisi keselamatan makanan adalah :

Food security exists when all people, at all times, have physical and economic access to sufficient, safe and nutritious food to meet their dietary needs and food preferences for an active and healthy life. (Dewan Ketahanan Pangan, 2012).

Makna yang terkandung dalam definisi tersebut adalah setiap orang pada setiap saat memiliki ketercapaian secara fizikal dan ekonomi terhadap makanan yang cukup untuk memenuhi keperluan makanan agar dapat hidup produktif dan sihat.

Seterusnya, Indonesia telah menggunakan pakai rumusan kecukupan makanan tersebut dan menerapkannya ke dalam Undang-Undang RI No. 7 tahun 1996 dan di perbaharui Undang-Undang Pangan No.6 tahun 2012 tentang makanan. Berdasarkan Undang-Undang tersebut, kecukupan makanan didefinisikan sebagai keadaan

terpenuhnya makanan bagi isi rumah yang tercermin dalam ketersediaannya yang cukup, baik dari segi jumlah mahupun mutunya, selamat, merata dan terjangkau.

Kecukupan makanan terdiri daripada tiga subsistem, khususnya:


- (a) Ketersediaan makanan yang mencukupi baik jumlah mahupun mutunya, dan selamat untuk dimakan, untuk memenuhi keperluan seluruh penduduk.
- (b) Pengagihan makanan, dengan bekalan makanan dapat menjangkau ke seluruh wilayah sehingga harganya stabil dan terjangkau oleh isi rumah.
- (c) Penggunaan makanan, yakni setiap isi rumah dapat mengakses makanan yang cukup dan mampu pula mengelolakan penggunaan makanan sesuai dengan kaedah gizi dan kesihatan serta keutamaan (Dewan Ketahanan Pangan, 2012).

Subsistem ketersediaan makanan mencakup aspek pengeluaran, cadangan serta keseimbangan antara import dan eksport makanan. Subsistem ini berfungsi menjamin bekalan makanan untuk memenuhi keperluan penduduk, baik dari aspek kuantiti, kualiti, keragaman mahupun kecukupannya. Ukuran kualitatif untuk ketersediaan makanan adalah Angka Kecukupan Gizi (AKG) yang dicadangkan oleh Widyakarya Nasional Pangan dan Gizi VIII Tahun 2004 iaitu tenaga pada nilai 2200 kkal/orang/hari dan protein 57 gram/orang/hari. Ukuran untuk menilai tingkat keragaman ketersediaan makanan adalah *Pola Pangan Harapan* dengan skor 100 sebagai *PPH* ideal.

Subsistem pengagihan makanan yang berkesan dan cekap adalah prasyarat untuk menjamin agar seluruh isi rumah dapat memperoleh makanan dalam kuantiti dan kualiti yang baik sepanjang waktu. Subsistem ini mencakup aspek ketercapaian secara fizikal, ekonomi mahupun sosial terhadap makanan secara merata sepanjang waktu. Akses makanan didefinisikan sebagai kemampuan isi rumah untuk secara berkala memenuhi jumlah makanan yang mencukupi, melalui pelbagai sumber atau kombinasi cadangan makanan yang dimiliki, hasil pengeluaran makanan, pembelian, barter, pemberian, pinjaman dan bantuan makanan.

Akses makanan secara fizikal ditunjukkan oleh kemampuan mengeluarkan makanan, berdasarkan infrastruktur dasar, mahupun keadaan sumber alam dan persekitaran. Dengan demikian, akses fizikal lebih bersifat kewilayahan dan dipengaruhi oleh ciri dan pengelolaan ekosistem. Aspek ekonomi akses makanan pula menyangkut keterjangkauan masyarakat terhadap makanan dari sudut harga, sumber mata pencarian dan pendapatan. Sumber mata pencarian meliputi kemampuan, aset dan aktiviti yang dapat menjadi sumber pendapatan. Sering kali, sumber mata pencarian sangat dipengaruhi oleh keadaan pengelolaan sumber alam dan persekitaran. Aspek sosial akses makanan, antara lain, berkait dengan tingkat pendidikan, bantuan sosial, kebiasaan makan, konflik sosial dan keamanan. Subsistem penggunaan makanan berfungsi mengarahkan agar pola pemanfaatan makanan memenuhi kaedah dari sudut mutu, keragaman dan keseimbangan zat pemakanan, selamat dimakan dan

halal, serta kecekapan untuk mencegah pemborosan. Subsistem ini menyangkut upaya peningkatan pengetahuan dan kemampuan masyarakat supaya mempunyai pemahaman tentang makanan, zat pemakanan dan kesihatan yang baik sehingga dapat mengatur beraneka menu, berzat, seimbang secara optimum, pemeliharaan sanitasi dan kebersihan serta pencegahan penyakit infeksi dalam kalangan isi rumah. Hal ini bertujuan untuk mengoptimumkan pemanfaatan makanan oleh tubuh badan. Keadaan penggunaan makanan isi rumah dipengaruhi oleh faktor ekonomi, sosial dan budaya setempat.



Rajah 3.1: Kerangka konsep

3.3 Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan dua kategori data iaitu data sekunder dan primer telah diumpul. Untuk alat sekunder, teknik yang digunakan iaitu kajian kepustakaan dan lapangan.

3.3.1 Kajian Kepustakaan

Penyelidikan melalui kajian perpustakaan merupakan teknik yang lazim digunakan oleh para penyelidik bagi mendapatkan data dan bukti melalui kajian dokumen atau sumber tertulis, sama ada yang diterbitkan secara rasmi atau sebaliknya. Kaedah perpustakaan ini mempunyai keistimewaan tersendiri. Misalnya, data yang diperoleh melalui kaedah perpustakaan telah pun tersedia dan telah diproses secara jelas. Melalui kaedah perpustakaan juga penyelidik boleh mendapatkan maklumat berhubung dengan kajian yang boleh memudahkan kajian lapangan.

Sebagaimana lazimnya dalam sesuatu penyelidikan, kajian perpustakaan sememangnya tidak lepas daripada kelemahan. Data yang telah diterbitkan kadangkala mungkin tidak tepat dan menyimpang daripada keadaan sebenar. Oleh itu, seseorang penyelidik itu mestilah meneliti sumber data dan maklumat supaya data itu lebih meyakinkan. Untuk tujuan penyelidikan ini data dan maklumat diperoleh dari pada dokumen-dokumen yang berkaitan dengan topik kajian ini melalui sumber rujukan jurnal, internet, buku, kertas kerja, majalah, surat kabar, dan disertasi.

3.3.2 Kaedah Pensampelan

Pengambilan dan pemilihan sampel dilakukan untuk mendapatkan pemahaman mendalam tentang fenomena yang hendak dikaji. Oleh itu, keperluan pensampelan yang ingin diambil mestilah selaras dengan fokus kajian dan mengikut penilaian objektif penyelidik mengenai pendekatan yang boleh menghasilkan pemahaman paling jelas terhadap fenomena yang diselidiki (Sudjana, 2006).

Pemilihan sampel terdiri daripada dua jenis, khususnya pensampelan rawak dan pensampelan bukan rawak. Pensampelan rawak mengandaikan bahawa setiap unit dalam populasi itu mempunyai kemungkinan yang sama untuk terpilih sebagai sampel kajian (Sanapiah Faisal, 2010). Untuk kajian ini teknik pengambilan sampel yang dianggap sesuai digunakan ialah teknik pensampelan bukan rawak. Ia merupakan teknik pengambilan sampel yang telah lazim digunakan dalam kajian seperti ini disebabkan populasi yang ingin diteliti adalah bersifat homogen (Kartini, & Kartono, 1998).

Mengikut Nasution (2010) teknik pengambilan sampel bukan rawak ini boleh dikendalikan melalui tiga cara :

- (1) Pertama, teknik pengambilan sampel secara purposive, teknik pengambilan sampel yang memberi kuasa kepada penyelidik menentukan orang yang layak menjadi sampel daripada sejumlah populasi berasaskan kepada kriteria dan

pertimbangan objektif yang dimiliki calon responden.

- (2) Kedua ialah teknik pensampelan kebetulan (*accidental sampling*). Khususnya, ia merupakan teknik pengambilan sampel (secara spontan) yang dilakukan untuk mengetahui keadaan tertentu. Misalnya, kesan-kesan mengenai pengaruh kempen pilihan raya terhadap perolehan undi, perlawanan bola sepak dan sebagainya.
- (3) Ketiga ialah teknik pensampelan kuota (*quota sampling*), iaitu teknik yang digunakan untuk mengetahui pendapat orang ramai (*public opinion polls*). Penentuan sistem kuota ini juga kadangkala dilakukan berdasarkan pertimbangan-pertimbangan tertentu seperti faktor geografi, sosioekonomi, psikologi, politik dan sebagainya.

Antara ketiga-tiga teknik pensampelan ini, teknik paling sesuai diguna pakai dalam kajian ini ialah teknik pensampelan bertujuan, kerana melalui teknik pensampelan ini, penyelidik dapat menentukan responden secara langsung berdasarkan penilaian dan pertimbangannya sendiri tentang responden yang paling sesuai dijadikan sampel kajian. Untuk memperoleh data dan maklumat berwibawa, penyelidik memilih responden yang bertindak sebagai yang dianggap memiliki pengetahuan mencukupi untuk menjawab soalan-soalan yang diajukan, selaras dengan keperluan kajian yang sedang dijalankan (Koentjaraningrat, 1984).

3.3.3 Kaedah Pemilihan Responden

Ketepatan memilih responden akan menghasilkan penyelidikan yang bagus dan bermakna. Mengikut Atmadilaga & Didi (1994), responden ialah individu yang ditemu bual dengan tujuan memperoleh data dan maklumat untuk keperluan informasi. Sering kali, informan ini adalah mereka yang memiliki kepakaran dan pengetahuan luas mengenai perkara pokok yang ingin diselidiki.

Untuk mendapatkan data dan maklumat yang lebih jitu, seseorang penyelidik itu mestilah terlebih dahulu mengenal pasti responden untuk kajiannya. Hal ini kerana ia dapat menentukan tercapai atau tidaknya objektif kajiannya. Kesilapan memilih responden boleh menyebabkan sebuah kajian itu tidak mencapai objektif yang diinginkan.

Oleh itu, pemilihan responden ini juga mestilah menepati ciri-ciri dan selaras dengan objektif kajian. Responden adalah individu yang ditemu bual dengan tujuan untuk memperoleh data dan maklumat tentang diri peribadi, pendirian atau pandangan tentang sesuatu perkara tertentu. Pada masa yang sama responden ini adalah orang yang dianggap mempunyai kelayakan dan pengetahuan untuk ditemu bual mengenai perkara yang ingin diselidiki.

Berdasarkan huraian tadi maka penyelidik memilih 200 responden yang dianggap dapat memberi maklumat yang diperlukan oleh kajian di Kecamatan Bontoa Kabupaten Maros Sulawesi Selatan dengan menggunakan kaedah pensampelan bertujuan. Jumlah

ketua isi rumah miskin di Kecamatan Bontoa ialah 1.415 orang. Jumlah responden seramai 200 orang bersamaan 14.13% dari pada jumlah 1415 orang kategori pra-sejahtera. Peratusan sampel ini adalah memadai untuk kajian yang menggunakan persampelan bertujuan seperti yang dinyatakan oleh Soekartawi & Sumarto (1984). Beliau menyatakan untuk penggunaan persampelan bertujuan saiz sampel 10-15 peratus adalah mencukupi.

3.3.4 Teknik Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan dua teknik pengumpulan data iaitu, temu bual dan tinjauan soal selidik. Ia dilakukan untuk memperoleh data primer untuk kajian ini. Data dan maklumat yang diperoleh melalui kedua-dua teknik ini digunakan untuk menjawab persoalan-persoalan kajian yang ditetapkan Aziz (2008). Perincian huraian kedua-dua teknik iaitu temu bual dan tinjauan soal selidik adalah seperti berikut.

3.3.4.1 Temu Bual

Temu bual mempunyai beberapa keistimewaan yang boleh membantu menjayakan pengumpulan data secara berkesan.

Pertama, ia mudah disesuaikan dengan situasi dan keadaan semasa kajian ini dilakukan. Kedua, penyelidik berpeluang mendapatkan data primer yang lebih banyak daripada informan dan responden kerana soalan yang diajukan tidak terhad kepada senarai pertanyaan yang

telah disediakan. Ketiga, penyelidik boleh mengesahkan kesahihan sesuatu jawapan yang diberikan oleh informan dan responden melalui interaksi dan pemerhatian dari dekat dengan informan dan responden. Keempat, informan dan responden yang belum boleh dijumpai mengikut jadual yang telah ditentukan, boleh ditemu bual pada kesempatan yang lain.

Dalam kajian ini, 15 orang telah ditemu bual. Penyelidik menggunakan temu bual separa berstruktur. Ia dianggap sesuai untuk memperoleh data selaras dengan keperluan kajian ini kerana ia tidak terikat dengan senarai pertanyaan yang telah disediakan. Dengan demikian penyelidik bebas mengajukan pelbagai soalan lain yang dianggap relevan kepada responden. Ia berlainan dengan temu bual berstruktur yang mempunyai senarai soalan sebagai panduan tetap yang mesti diikuti. Dalam keadaan demikian penyelidik tidak bebas mengajukan soalan kerana terfokus kepada pedoman yang telah disediakan sebelumnya.

3.3.4.2 Soal Selidik

Selanjutnya penyelidik juga menggunakan tinjauan soal selidik sebagai instrumen kajian. Soal selidik diedarkan kepada responden kajian yang telah ditetapkan. Teknik ini dilakukan untuk memantapkan lagi pengumpulan maklumat supaya kajian yang dijalankan boleh dianalisis secara lebih luas dan mendalam. Responden kajian ialah 200 orang isi rumah miskin luar bandar yang dipilih daripada beberapa

daerah di kecamatan Bontoa Kabupaten Maros, Sulawesi Selatan.

Soal selidik yang diedarkan kepada responden (masyarakat luar bandar) tersebut digunakan untuk mengetahui faktor-faktor penentu penggunaan makanan isi rumah miskin luar bandar.

3.4 Pembolehubah dalam menganalisis Impak Sosial dan Ekonomi serta penggunaan makanan terhadap isi rumah miskin.

Bahagian ini membincangkan pembolehubah yang digunakan dalam mengukur impak sosial dan impak ekonomi serta pemakanan terhadap isi rumah miskin.

3.4.1 Impak Sosial

Dalam bahagian ini, terdapat 12 pembolehubah yang terlibat dalam menilai impak sosial yang diterima oleh isi rumah miskin yang ditunjukkan dalam Jadual 3.1.

Jadual 3.1 : Pembolehubah impak sosial terhadap isi rumah miskin

Bil.	Pembolehubah terhadap isi rumah miskin
1.	Apa anda tahu tentang makanan berkhasiat
2.	Apa ada anggota isi rumah ikut penyuluhan kesihatan
3.	Apa mempunyai kumpulan atau kelompok kesihatan
4.	Apakah ada penyuluh pertanian dan pemakanan
5.	Apa tersedia institusi kesihatan

6.	Apa kebutuhan makan sudah cukup
7.	Berapa kali makan sehari
8.	Makanan apa saahaja yang dimakan setiap hari
9.	Apakah makanan yang di makan sesuai dengan arahan kesihatan
10.	Sesiapa sahaja yang meyediakan makanan
11.	Dimana didapatkan makanan
12.	Dimana mendapatkan informasi tentang pentingnya makanan yang berkhasiat

3.4.2 Impak Ekonomi

Dalam bahagian impak ekonomi, terdapat 12 pembolehubah yang terlibat dalam isi rumah miskin luar bandar. Antara pembolehubah yang terlibat adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.2 di bawah.

Jadual 3.2: Pembolehubah impak ekonomi terhadap pemakanan isi rumah miskin

Bil.	Pembolehubah impak ekonomi terhadap isi rumah miskin
1.	Apa Pekerjaan utama
2.	Apa pekerjaan sampingan
3.	Berapa luasan tanah yang dimiliki
4.	Apakah memiliki rumah sendiri
5.	Berapa besar pendapatan yang diterima setiap tahun
6.	Berapa besar pendapatan diluar pekejaan utama
7.	Berapa besar kos yang diguna untuk

	menghasilkan makanan
8.	Dari mana sumber permodalan
9.	Bentuk rumah
10.	Ada ada anggota isi rumah yang tidak bersekolah
11.	Ada ada sediaan makanan untuk 3 bulan ke hadapan
12.	Dimana mendapatkan makanan setiap hari

3.4.3 Impak Faktor Pemakanan

Dalam bahagian impak Faktor pemakanan terhadap pemakanan isi rumah miskin terdapat 14 pembolehubah yang ditunjukkan pada Jadual 3.3.

Jadual 3.3 : Pembolehubah terhadap isi rumah miskin

Bil.	Pembolehubah penggunaan makanan terhadap isi rumah miskin
1.	Ada makanan ruji sehari-hari
2.	Berapa kali makan sehari
3.	Lauk yang utama dimakan
4.	Bagaimna cara mendapatkan beras
5.	Hasil yang diperolehi dari usaha tani dijual kemana sahaja
6.	Adakah tersedia institusi tansportasi
7.	Adakah ada isntituti pendidikan
8.	Adakah tanah hadapan rumah digunakan untuk tanaman
9.	Ada ada industri makanan ditempatkan

10.	Berapa kali makan buah dan sayur sehari
11.	Bagaimana cara mengolah makanan
12.	Berapa besar kos diguna untuk menangkap ikan
13.	Berapa banyak pemakanan beras, minyak goreng, ikan, telur per hari

3.5 Kajian Rintis

Kajian rintis (*pilot study*) merupakan kajian secara kecil-kecilan yang dijalankan sebelum kajian sebenar dijalankan. Ia digunakan untuk melihat kebolehpercayaan atau kemunasabahan sesuatu kajian yang bakal dijalankan. Oleh yang demikian, kajian rintis juga dikenali sebagai “kajian mini” bagi sesuatu kajian skala penuh (*full scale study*). Ia juga dikenali sebagai “kajian kebolehlaksanaan” atau “kajian kemunasabahan” Kajian rintis merupakan bahagian penting bagi menghasilkan sesebuah kajian yang baik (Chua,2009).

Dalam kajian ini, satu kajian rintis telah dijalankan keatas 20 orang responden yang terdiri daripada isi rumah miskin pada Mei 2011 di sekitar kawasan Kecamatan Bontoa, Maros. Prosedur kajian rintis adalah berdasarkan kepada rangka persampelan yang akan dilakukan dalam kajian sebenar dan ini bertujuan untuk menilai kesesuaian reka bentuk kajian dan menguji kebolehgunaan dan keberkesanan setiap item dalam soal selidik.

Pengkaji telah memulakan kajian rintis dengan memaklumkan arahan dan cara menjawab soal selidik dan seterusnya menggalakkan peserta tersebut untuk

menyoal sebaran soalan jika mereka kurang pasti dan kurang faham tentang item-item yang terdapat borang selidik yang diberikan. Setelah itu maklum balas yang diberikan oleh peserta mengenai sebarang kekurangan dan kekeliruan yang timbul dalam borang soal selidik seperti kesalahan perkataan, arahan yang kurang jelas dan kekaburan maksud ayat juga akan diperbaiki berdasarkan cadangan yang telah diberikan oleh mereka.

Selain itu, demi mengelakkan masalah pencemaran kajian rintis (*contamination of pilot study*), pengkaji menggunakan subjek kajian yang bukan merupakan subjek populasi kajian. Ia dilakukan dengan menggunakan subjek lain yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan ciri-ciri subjek populasi kajian. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan 20 orang di Kecamatan Bontoa Maros yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan subjek kajian iaitu isi rumah miskin.

3.5.1 Ujian Kobolehpercayaan

Data daripada kajian rintis yang telah diisi oleh responden kemudiannya dianalisis dengan menjalankan ujian kebolehjadian (*reliability test*). Mengikuti Hair (2003), tahap penerimaan kebolehpercayaan sesuatu instrumen kajian menunjukkan responden telah menjawab soalan atau pernyataan dalam keadaan konsisten. Beliau telah memberi garis panduan mengenai nilai Cronbach Alpha yang menerangkan kekuatan hubungan seperti di dalam Jadual 3.4

Jadual 3.4 : Pekali Saiz cronbach's Alpha (Peraturan Umum).

Pekali saiz cronbach's Alpha	Kekuatan hubungan
< 0.6	Lemah
$0.6 < 0.7$	Sederhana
$0.7 < 0.8$	Baik
$0.8 < 0.9$	Sangat Baik
0.9	Terbaik

Kajian ini ada tiga pembolehubah iaitu impak sosial terhadap pemakanan, impak ekonomi terhadap pemakanan dan penggunaan pemakanan. Pada jadual 3.2, hasil *cronbach's Alpha* menunjukkan nilai 0.788 bagi pembolehubah “impak sosial ke atas isi rumah miskin”, 0.801 bagi pembolehubah “Impak ekonomi”, ke atas isi rumah miskin” dan 0.738 bagi pembolehubah “Impak pemakanan ke atas isi rumah miskin”. Hasil Cronbach's Alpha ketiga-tiganya pembolehubah ini telah menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang baik dan sesuai digunakan dalam kajian yang sebenar yang ingin dijalankan.

Jadual 3.5 : Keputusan ujian kebolehpercayaan kajian rintis (*pilot test*).

Pembolehubah	Cronbach's Alpha (n-20)	Bilangan item
Impak sosial ke atas isi	0.788	12

rumah miskin		
Impak ekonomi ke atas isi rumah miskin	0.801	12
Impak pemakanan ke atas isi rumah miskin	0.738	14

3.5.2 Triangulasi Kaedah

Triangulasi adalah tehnik pemeriksaan keabsahan data yang memanfaatkan sesuatu yang lain diluar data itu untuk keperluan pengecekan atau perbandingan terhadap data ini. Teknik triangulasi yang banyak digunakan adalah pemeriksaan melalui sumber lainnya (Moleong, 2005:300).

Norman K. Denkin mendefinisikan triangulasi sebagai gabungan atau kombinasi berbagai metode yang dipakai untuk mengkaji fenomena yang saling terkait dari sudut pandang dan perspektif yang berbeda. Menurutnya, triangulasi meliputi empat hal, yaitu :

(1) Triangulasi Data (Data Triangulation)

Peneliti menggunakan berbagai jenis sumber data dan bukti dari situasi yang berbeda. Ada 3 sub jenis yaitu orang, waktu dan ruang. (a) Orang, data-data dikumpulkan dari orang-orang berbeda yang melakukan aktivitas sama, (b) Waktu, data-data dikumpulkan pada waktu yang berbeda (c) Ruang, data-data dikumpulkan ditempat yang berbeda.

(2). Triangulasi Antar-Peneliti (Multiple Researchers)

Penglibatan beberapa peneliti berbeda dalam proses analisis. Bentuk kongkrit biasanya sebuah tim evaluasi yang terdiri dari rekan-rekan yang menguasai

metode spesifik ke dalam Focus Group Discussion (FGD). Triangulasi ini biasanya menggunakan profesional yang menguasai teknik spesifik dengan keyakinan bahwa ahli dari teknik berbeda membawa perspektif berbeda. Jika setiap evaluator menafsirkan sama, maka validitas ditegakkan.

(3) Triangulasi Teori (Theory Triangulation)

Penggunaan berbagai perspektif untuk menafsirkan sebuah set data. Penggunaan beragam teori dapat membantu memberikan pemahaman yang lebih baik saat memahami data. Jika beragam teori menghasilkan kesimpulan analisis sama, maka validitas ditegakkan.

(4) Triangulasi Metodologi (Methodological Triangulation)

Pemeriksaan konsistensi temuan yang dihasilkan oleh metode pengumpulan data yang berbeda seperti penggabungan metode kualitatif dengan data kuantitatif atau melengkapi data wawancara dengan data observasi.

Dari hasil uji triangulasi yang dilakukan dengan membandingkan hasil wawancara dengan yang diperoleh dengan menggunakan kuesioner sejalan dengan data yang diperoleh dari informan.

Dalam kajian ini triangulasi kaedah yang digunakan adalah triangulasi metodologi (methodological triangulation) yaitu pemeriksaan konsistensi temuan yang dihasilkan oleh metode pengumpulan data yang berbeda seperti penggabungan metode kualitatif dengan data kuantitatif atau melengkapi data wawancara dengan data observasi.

3.6 Kaedah Analisis Data

Lazimnya data dan maklumat yang diperoleh daripada informan dan responden ada yang selari dan ada juga yang kurang selari dengan informan atau responden lain. Masalah tersebut berlaku mungkin kerana pengetahuan dan pengalaman yang berbeza-beza dalam kalangan informan yang berlainan. Hal ini menyebabkan responden memberikan tanggapan yang berbeza kepada soalan-soalan yang ditanyakan kerana pandangan mereka berbeza. Bahkan maklumat yang diperoleh daripada informan tertentu boleh jadi bercanggah dengan informan atau responden yang lain.

Untuk membentangkan data yang meyakinkan, penyelidik mestilah memilih kaedah analisis yang tepat bagi merumuskan data dan maklumat, terutamanya data yang diperoleh melalui temu bual dengan responden. Untuk itu, penyelidik telah menilai secara teliti kekuatan bukti-bukti dan contoh-contoh yang diberikan oleh responden ketika menerangkan pandangannya apabila menjawab soalan yang diajukan.

Data dan maklumat yang diperoleh melalui kaedah pemerhatian pula diolah berdasarkan kekerapan berlakunya fenomena yang dilihat, didengar dan dirasakan oleh penyelidik di sepanjang kajian dilakukan di lokasi penyelidikan (seperti ciri-ciri masyarakat luar bandar, gambaran umum lokasi kajian, dan seterusnya). Data telah dianalisis secara analisis kualitatif atau deskriptif berasaskan kekerapan. Kekerapan dibentangkan dalam bentuk jumlah peratusan daripada jawapan yang diberikan oleh responden. Hal ini kerana

soal selidik yang disediakan lebih ditujukan untuk menilai tahap kefahaman responden terhadap penggunaan makanan berkhasiat.

Data dan maklumat yang diperoleh daripada soal selidik dianalisis dengan menggunakan analisis regresi, untuk mengetahui sama ada suatu pemboleh ubah itu boleh dipergunakan untuk meramal pemboleh-pemboleh ubah lain (Mason & Douglas ,1996).

Jika satu pemboleh ubah bersandar bergantung kepada lebih daripada satu pemboleh ubah bebas, hubungan antara kedua pemboleh ubah tersebut ditentukan melalui analisis regresi berganda dengan menggunakan *Statistical Package for Sosial Scinces*

(SPSS). Secara matematik dirumuskan sebagai berikut :

$$Y = a + b_1X_1 + b_2X_2 + \dots + b_nX_n$$

Y = Pemboleh ubah bersandar

$X_1 - X_n$ = Pemboleh ubah bebas

A = Pintasan

$b_1 - b_n$ = Kefisien Regresi

Pemboleh ubah bersandar yang ditetapkan dalam kajian ini adalah pola penggunaan makanan yang diukur berdasarkan skor PPH. Pemboleh ubah tidak bersandar, iaitu terdiri daripada;

Pendapatan per kapita isi rumah (X_1) Pendidikan ketua isi rumah (X_2) Pendidikan Ibu isi rumah (X_3) Pendapatan Perkapita isi rumah (X_4) Jumlah anggota isi rumah (X_5) Jenis Pekerjaan Utama, (X_6) Jumlah Anggota isi rumah yang bekerja (X_7) Jumlah anggota isi rumah

yang bekerja, (X_8) Pemanfaatan tanah pekarangan rumah, (X_9) Perubahan pola penggunaan makanan, (X_{10}) Harga beras, (X_{11}) Penerimaan beras Raskin (X_{12}) Akses terhadap institusi kewangan (X_{13}) Akses terhadap maklumat (X_{14}) Akses kepada peluang pekerjaan.

Selanjutnya, untuk menghitung peratusan tenaga setiap kelompok makanan kepada AKE (Angka Keperluan Energi):

$$Pp = (Ep/AKE) \times 100\%$$

dimana :

Pp = peratus tenaga setiap kelompok makanan daripada AKE

Ep = jumlah tenaga dalam kelompok makanan *p*

AKE = Angka kecukupan tenaga = 2,200 kkal/orang/hari

p = kelompok makanan, 1, 2, ... , 9

Secara umum jumlah zat gizi bahan makanan dapat dihitung menggunakan rumusan berikut :

$$KGij = (Bj/100) \times Gij \times (BDDj/100)$$

dimana :

KGij = kandungan zat gizi *i* dari bahan makanan *j* dengan berat *B* dalam gram

Bj = berat bahan makanan *j* dalam gram

Gij = kandungan zat gizi *i* dalam 100 gram BDD bahan makanan *j*

BDDj = peratus bahan makanan *j* yang dapat dimakan (% BDD)

Hitungan perlu dilakukan sama ada mempelbagaian penggunaan makanan isi rumah miskin luar bandar sudah memenuhi skor mutu penggunaan makanan normatif PPH yang dianjurkan Deptan-BBKP, iaitu 69.7 (Hardinsyah et al., 2011). oleh FAO, definisi keselamatan makanan adalah :

Food security exists when all people, at all times, have physical and economic access to sufficient, safe and nutritious food to meet their dietary needs and food preferences for an active and healthy life. (Dewan Ketahanan Pangan, 2012).

Makna yang terkandung dalam definisi tersebut adalah setiap orang pada setiap saat memiliki ketercapaian secara fizikal dan ekonomi terhadap makanan yang cukup untuk memenuhi keperluan makanan agar dapat hidup produktif dan sihat.

Seterusnya, Indonesia telah mengguna pakai rumusan kecukupan makanan tersebut dan menerapkannya ke dalam Undang-Undang RI No. 7 tahun 1996 dan di perbaharui Undang-Undang Pangan No.6 tahun 2012 tentang makanan. Berdasarkan Undang-Undang tersebut, kecukupan makanan didefinisikan sebagai keadaan terpenuhnya makanan bagi isi rumah yang tercermin dalam ketersediaannya yang cukup, baik dari segi jumlah mahupun mutunya, selamat, merata dan terjangkau.

Kecukupan makanan terdiri daripada tiga subsistem, khususnya:

- (a) Ketersediaan makanan yang mencukupi baik jumlah maupun mutunya, dan selamat untuk dimakan, untuk memenuhi keperluan seluruh penduduk.
- (b) Pengagihan makanan, dengan bekalan makanan dapat menjangkau ke seluruh wilayah sehingga harganya stabil dan terjangkau oleh isi rumah.
- (c) Penggunaan makanan, yakni setiap isi rumah dapat mengakses makanan yang cukup dan mampu pula mengelolakan penggunaan makanan sesuai dengan kaedah gizi dan kesihatan serta keutamaan (Dewan Ketahanan Pangan, 2012).

Subsistem ketersediaan makanan mencakup aspek pengeluaran, cadangan serta keseimbangan antara import dan eksport makanan. Subsistem ini berfungsi menjamin bekalan makanan untuk memenuhi keperluan penduduk, baik dari aspek kuantiti, kualiti, keragaman mahupun kecukupannya. Ukuran kualitatif untuk ketersediaan makanan adalah Angka Kecukupan Gizi (AKG) yang dicadangkan oleh Widyakarya Nasional Pangan dan Gizi VIII Tahun 2004 iaitu tenaga pada nilai 2200 kkal/orang/hari dan protein 57 gram/orang/hari. Ukuran untuk menilai tingkat keragaman ketersediaan makanan adalah *Pola Pangan Harapan* dengan skor 100 sebagai *PPH* ideal.

Subsistem pengagihan makanan yang berkesan dan cekap adalah prasyarat untuk menjamin agar seluruh isi rumah dapat memperoleh makanan dalam kuantiti dan kualiti yang baik sepanjang waktu. Subsistem ini mencakup aspek ketercapaian secara fizikal, ekonomi

mahupun sosial terhadap makanan secara merata sepanjang waktu. Akses makanan didefinisikan sebagai kemampuan isi rumah untuk secara berkala memenuhi jumlah makanan yang mencukupi, melalui pelbagai sumber atau kombinasi cadangan makanan yang dimiliki, hasil pengeluaran makanan, pembelian, barter, pemberian, pinjaman dan bantuan makanan.

Akses makanan secara fizikal ditunjukkan oleh kemampuan mengeluarkan makanan, berdasarkan infrastruktur dasar, mahupun keadaan sumber alam dan persekitaran. Dengan demikian, akses fizikal lebih bersifat kewilayahan dan dipengaruhi oleh ciri dan pengelolaan ekosistem. Aspek ekonomi akses makanan pula menyangkut keterjangkauan masyarakat terhadap makanan dari sudut harga, sumber mata pencarian dan pendapatan. Sumber mata pencarian meliputi kemampuan, aset dan aktiviti yang dapat menjadi sumber pendapatan. Sering kali, sumber mata pencarian sangat dipengaruhi oleh keadaan pengelolaan sumber alam dan persekitaran. Aspek sosial akses makanan, antara lain, berkait dengan tingkat pendidikan, bantuan sosial, kebiasaan makan, konflik sosial dan keamanan.

Subsistem penggunaan makanan berfungsi mengarahkan agar pola pemanfaatan makanan memenuhi kaedah dari sudut mutu, keragaman dan keseimbangan zat pemakanan, selamat dimakan dan halal, serta kecekapan untuk mencegah pemborosan. Subsistem ini menyangkut upaya peningkatan pengetahuan dan kemampuan masyarakat supaya mempunyai pemahaman tentang makanan, zat pemakanan dan kesihatan yang baik

sehingga dapat mengatur beraneka menu, berzat, seimbang secara optimum, pemeliharaan sanitasi dan kebersihan serta pencegahan penyakit infeksi dalam kalangan isi rumah. Hal ini bertujuan untuk mengoptimumkan pemanfaatan makanan oleh tubuh badan. Keadaan penggunaan makanan isi rumah dipengaruhi oleh faktor ekonomi, sosial dan budaya setempat.

3.7 Penutup

Penyelidikan yang dijalankan akan menghadapi kesukaran untuk mendapatkan kesimpulan yang tepat sekiranya tidak menggunakan kaedah kajian yang bersesuaian. Kaedah kajian yang digunakan mestilah bersesuaian dengan objektif kajian yang dijalankan. Oleh itu, penyelidik telah menggunakan lebih daripada satu jenis kaedah pengumpulan data bagi memastikan data yang diperoleh mencukupi keperluannya.

Dalam hal ini penyelidik menggunakan kaedah perpustakaan untuk memenuhi data sekunder. Hal ini penting bagi memperoleh karya-karya dan kajian-kajian lepas tentang keperluan makanan masyarakat luar bandar. Lebih daripada itu, ia juga dapat menampakkan jurang pengetahuan tentang masyarakat luar bandar. Oleh itu, kepentingan kajian ini dapatlah dikenal pasti dengan lebih jelas.

Selain kajian perpustakaan, kaedah kajian lapangan juga dilakukan untuk memperoleh data primer. Ia dilakukan melalui temu bual, kaedah pemerhatian peserta dan kaedah pemerhatian berstruktur. Temu bual bersemuka dilakukan untuk

memenuhi keperluan data dan maklumat tentang faktor-faktor penentu yang mempengaruhi penggunaan makanan masyarakat luar bandar dengan lebih mendalam. Kaedah pemerhatian peserta, pemerhatian berstruktur dan tinjauan soal selidik dilakukan untuk melengkapkan lagi data dan maklumat mengenai keadaan masyarakat luar bandar.

BAB 4

PROFIL RESPONDEN

4.1 Pendahuluan

Pada bab ini menghuraikan profil responden yang terdiri daripada umur, tahap pendidikan, mata pencarian, informan dan demografi wilayah kajian.

4.2 Responden Menurut Umur

Pengelompokan responden berdasarkan kumpulan umur cukup penting untuk mengetahui penduduk yang berumur produktif dan penduduk yang tidak produktif (lanjut usia). Mengikut konsep tenaga kerja, seseorang yang berusia 15 hingga 60 tahun dikira termasuk dalam kategori usia produktif dan mampu untuk melakukan usaha-usaha yang produktif. Pengelompokan tersebut ditunjukkan dalam Jadual 4.1.

Jadual 4.1: Taburan responden menurut umur dan Jantina

Bil	Kelompok Umur	Lelaki	Perempuan	Jumlah	%
1	25 – 34	37	2	39	19.5
2	35 – 44	47	16	63	31.5
3	45 – 54	72	5	77	38.5
4	55 – 64	15	3	18	9.0
5	>65	2	1	3	1.5
	Jumlah	173	27	200	100.00

Jadual 4.1 menunjukkan bahawa umur responden paling banyak adalah yang berumur antara 45 hingga 54 tahun yang berjumlah 77 orang (38.5%), diikuti dengan umur antara 35 hingga 44 tahun berjumlah 63 orang (31.5%). Kategori umur 25 hingga 34 tahun berjumlah 39 orang (19.5%) dan berumur 55 hingga 64 tahun berjumlah 18 orang (9.0%). Kategori umur responden yang paling sedikit adalah yang berumur melebihi 65 tahun yang berjumlah 3 orang sahaja (1.5%). Ini bererti 98.5 % responden adalah terdiri dari mereka yang produktif, berumur antara 15 – 60 tahun.

4.3 Tahap Pendidikan Responden

Pendidikan merupakan salah satu penunjuk untuk menilai tahap perkembangan sesuatu daerah atau negeri, kerana tahap pendidikan berpengaruh terhadap sikap dan cara berfikir seseorang untuk mengambil suatu keputusan atau tindakan mengelolakan usahanya. Seseorang yang berpendidikan lebih tinggi akan lebih dinamik untuk menerima sesuatu yang baharu dan lebih berani menerima inovasi baharu serta mudah untuk menyampaikan inovasi tersebut. Tahap pendidikan responden terlihat dalam Jadual 4.2.

Jadual 4.2: Taburan responden mengikut tahap pendidikan

Bil	Tahap Pendidikan	Lelaki (orang)	Perempuan (orang)	Jumlah	
				orang	%
1	Buta huruf dan angka	32	12	44	22.0
2	Tidak Tamat Sekolah Dasar	87	8	95	47.5
3	Sekolah Dasar	34	5	39	19.5
4	Sekolah Menengah Pertama	14	1	15	7.5
5	Tamat Sekolah Menengah Atas	4	1	5	2.5
6	Diploma (D1-D3)	2	-	2	1.0
	Jumlah	173	27	200	100.00

Tahap pendidikan responden sangat rendah, masing-masing tidak tamat Sekolah Dasar 95 orang (47.5%), buta huruf dan angka 44 orang (22%) tamat SD (Sekolah Dasar) berjumlah 39 orang (19.5%), tamat Sekolah Menengah Pertama berjumlah 15 orang (7.5%), tamat Sekolah Menengah Atas berjumlah 5 orang (2.5%) dan seterusnya tamat Diploma berjumlah 2 orang sahaja (1.0%).

4.4. Mata Pencarian

Mata pencarian bermaksud pekerjaan utama yang dilakukan untuk menunjang pendapatan dalam usaha memenuhi keperluan sehari-hari. Sektor pertanian merupakan sektor terbesar dalam struktur ekonomi di Kecamatan Bontoa, oleh sebab itu pembangunan ekonomi sektor pertanian merupakan hal sangat penting yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan petani dan menjayakan kesaksamaan pembangunan luar bandar. Usaha yang telah dijalankan pemerintah kearah itu adalah dengan melaksanakan program intensifikasi, ekstensifikasi, kepelbagaian dan pemulihan. Keadaan penduduk berdasarkan mata pencarian di Kecamatan

Bontoa ditunjukkan dalam Jadual 4.3. Menjadi nelayan merupakan kelompok terbesar (93.5%) responden dan hanya 6.5% bekerja sebagai petani .

Jadual 4.3: Taburan mata pencarian responden

Bil	Mata Pencarian	Jumlah Penduduk (orang)	%
1	Petani	13	6.5
2	Nelayan	187	93.5
	Jumlah	200	100.00

4.5 Maklumat Asas Informan (Temu Bual)

4.5.1 Informan Menurut Umur

Umur merupakan salah satu kriteria yang sangat menentukan dalam produktiviti manusia. Umur yang muda cenderung berani untuk mencuba suatu inovasi baharu. Sebaliknya umur yang tua cenderung lambat dalam mengambil keputusan dan mencuba sesuatu yang baharu dan dalam ilmu sosiologi dikenali dengan istilah penganut lambat (Asrini, 2000). Kelompok umur informan dalam kajian ini dapat dilihat dalam Jadual 4.4 berikut:

Jadual 4.4: Taburan Informan menurut kelompok umur

Bil	Taburan Umur	Lelaki	Perempuan	Jumlah	%
1	20 – 25	1	-	1	6.67
2	26 – 30	3	1	4	26.67
3	31 – 34	2	3	5	33.33
4	35 – 39	3	1	4	26.67
5	>40	1	-	1	6.66
	Jumlah	10	5	15	100.00

Menurut Jadual 4.4 menunjukkan bahawa umur informan temu bual paling banyak adalah yang berumur antara 3-34 tahun sebanyak 5 orang (33.33%), seterusnya umur 26-30 berjumlah 4 orang (26.67%) ini sama dengan peringkat umur 35-39 tahun juga berjumlah 4 orang (26.66%), manakala yang paling kecil iaitu peringkat umur 20-25 berjumlah 1 orang (6.67%) dan umur yang melebihi 40 tahun hanya 1 orang sahaja (6.66%).

4.5.2 Tahap Pendidikan Informan

Untuk memperolehi sumber daya manusia yang berkualiti diperlukan pendidikan yang baik, kerana pendidikan dianggap mampu menghasilkan tenaga kerja yang berkualiti tinggi. Demikian juga pendidikan menentukan pola pikir seseorang dalam mengambil suatu keputusan. Manusia yang mempunyai pendidikan pada umumnya dapat mengambil suatu keputusan dengan rasional dan penuh dengan pertimbangan, sebaliknya orang yang kurang berpendidikan biasanya dalam mengambil suatu keputusan cenderung bersifat emosional (Melayu Hasibuan, 2007). Tahap pendidikan informan dapatlah dilihat dalam Jadual 4.5.

Jadual 4.5: Taburan informan mengikut tahap pendidikan.

	Tahap Pendidikan	Lelaki	Perempuan	Jumlah	
		(orang)	(orang)	orang	%
1	Buta Aksara dan Angka	-	-	-	-
2	Tidak Tamat Sekolah Dasar	-	-	-	-
3	Sekolah Dasar	-	-	-	-
4	Sekolah Menengah Pertama	-	1	1	6.67
5	Sekolah Menengah Atas	7	4	11	73.33
6	Diploma (D1-D3)	3	-	3	20.00
	Jumlah	10	5	15	100.00

Tahap pendidikan informan paling banyak adalah tamat Sekolah Menengah Atas (SMA) berjumlah 11 orang (73.33%), seterusnya peringkat pendidikan Tamat Diploma (D1-D3) berjumlah 3 orang (20%), dan tamat Sekolah Menengah Pertama 1 orang (6.67 %).

4.5.3 Status Informan

Status informan yang ditemu bual dijelaskan dalam Jadual 4.6.

Jadual 4.6: Status informan

	Status informan	Jumlah (Orang)	%
1	Tokoh Masyarakat	5	33.33
2	Staf Pejabat	10	66.67
	Jumlah	15	100.00

Jadual 4.6 menunjukkan kebanyakan informan adalah staf pejabat iaitu seramai 10 orang (66.67%), dan tokoh masyarakat seramai 5 orang sahaja (33.33%). Staf pejabat terdiri daripada staf yang bekerja di jabatan kesihatan dan tokoh masyarakat seperti ketua kampung dan setiausaha kecamatan.

4.6 Demografi Wilayah Kabupaten Maros

Wilayah Kabupaten Maros merupakan wilayah yang mempunyai labuan hujan yang cukup baik yang menyebabkan daerah ini menjadi sangat subur, untuk mengembangkan usaha pertanian, perikanan, perkebunan, persawahan dan perhutanan. Pada umumnya di Wilayah

Kabupaten Maros masyarakatnya bermata pencarian sebagai petani-nelayan. Wilayah daerah tersebut sebahagian besarnya terdiri daripada sektor pertanian, perikanan, ladang, persawahan, dan perhutanan.

Dilihat dari kedudukan geografi, Kabupaten Maros terletak di bahagian barat Sulawesi Selatan, yang bersempadan dengan :

- (a) Kabupaten Pangkep di perbatasan sebelah Utara.
- (b) Bandar Makassar dan Kabupaten Gowa di sempadan sebelah Selatan.
- (c) Kabupaten Bone di perbatasan sebelah Timur
- (d) Selat Makassar di perbatasan sebelah Barat.

Luas wilayah Kabupaten Maros adalah sekitar 1,619.11 km persegi. Secara pentadbiran, Pemerintah telah membahagikan wilayah ini menjadi 14 Kecamatan, dan 103 desa atau kelurahan.

4.6.1 Pembahagian Pentadbiran

Kecamatan adalah pembahagian wilayah pentadbiran di Indonesia yang terletak di bawah Kabupaten atau Kota. Sebuah Kecamatan mengandungi kampung-kampung atau kelurahan-kelurahan.

Daerah Maros terdiri atas 14 Kecamatan, yang dibagi lagi atas sejumlah 80 kampung dan 23 kelurahan. Pusat pemerintahan berada di Kecamatan Turikale. Berikut ini merupakan pembahagian Kecamatan yang terdiri atas 14 Kecamatan di Kabupaten Maros.

Jadual 4.7: Pembahagian pentadbiran Kabupaten Maros.

No	Kecamatan	Luas (km ²)
1	Mandai	49.11
2	Moncongloe	46.87
3	Maros Baru	53.76
4	Marusu	73.83
5	Turikale	29.93
6	Lau	58.73
7	Bontoa	93.32
8	Bantimurung	173.70
9	Sembang	105.30
10	Tanralili	89.45
11	Tompobulu	287.66
12	Camba	145.36
13	Cenrana	180.97
14	Mallawa	235.92

Nota: Data Sekunder Jabatan Kecamatan Bontoa, 2013

Sejak pelaksanaan Autonomi Daerah pada tahun 2001, jumlah kecamatan di Kabupaten Maros tidak mengalami perubahan dan masih lagi berjumlah 14 kecamatan. Wilayah kecamatan yang luas seperti Tompobulu 287.66 km², Mallawa 235.92 km², Cenrana 180.97 km² dan Camba 145 km persegi. Lokasi kajian ini iaitu Kecamatan Bontoa hanya memiliki keluasan 93.32km² sahaja.

4.6.2 Kependudukan

Jumlah penduduk Kabupaten Maros sehingga tahun 2013 berjumlah 301,696 orang. Daripada jumlah penduduk tersebut, 148,223 orang (49.13%) adalah lelaki dan 153,473 orang (50.87 %) adalah perempuan. Jumlah penduduk Kabupaten Maros menurut gender diperincikan menurut kecamatan ditunjukkan dalam Jadual 4.8.

Jadual 4.8: Jumlah penduduk menurut gender di Kabupaten Maros diperincikan menurut Kecamatan

No	Kecamatan	Lelaki	Perempuan	Jumlah	%
1	Mandai	17,605	17,556	35,161	11.03
2	Moncongloe	8,545	8,712	17,257	5.41
3	Maros Baros	11,617	2,223	23,840	7.48
4	Marusu	12,404	12,819	25,223	7.91
5	Turikale (pusat)	19,790	21,343	41,133	12.90
6	Lau	11,865	12,343	24,208	7.59
7	Bontoa	12,920	13,630	26,550	8.33
8	Bantimurung	13,265	14,552	27,817	8.72
9	Simbang	10,539	11,462	22,001	6.90
10	Tanralili	12,961	12,140	25,101	7.87
11	Tompobulu	6,727	6,944	13,671	4.29
12	Camba	6,049	6,474	12,523	3.93
13	Cenrana	6,540	7,124	13,664	4.29
14	Mallawa	5,138	5,554	10,692	3.35
	Jumlah	155,965	162,876	318,841	100.00

Nota. Data sekunder dari Jabatan Kabupaten Maros, 2013

Jadual 4.8 menunjukkan bahawa jumlah penduduk di Kabupaten Maros yang terbesar itu terdapat di Kecamatan Turikale. Kecamatan itu mempunyai jumlah penduduk terbesar di Kabupaten Maros kerana Kecamatan Turikale sendiri berada di pusat Kabupaten Maros. Sebaliknya, jumlah penduduk yang paling sedikit terdapat di Kecamatan Camba dan Kecamatan Mallawa.

4.7 Dapatan Deskriptif

4.7.1 Keadaan Penduduk

Penduduk merupakan modal pembangunan suatu kawasan kerana ia berfungsi sebagai pelaksana pembangunan dan juga sebagai penerima manfaat daripada pembangunan itu sendiri dengan harapan mereka dapat meningkatkan taraf hidup mereka. Secara demografi, sehingga akhir tahun 2013, Kecamatan Bontoa mempunyai sejumlah 26,550 penduduk, jumlah yang tersebar di 9 daerah wilayah pentadbirannya.

Bilangan penduduk Kecamatan Bontoa dibentangkan dalam Jadual 4.9

Jadual 4.9: Bilangan penduduk menurut gender di Kecamatan Bontoa, Kabupaten Maros

	Gender	Jumlah	%
1	Lelaki	12,920	48.66
2	Perempuan	13,630	51.33
	Jumlah	26,550	100.00

Nota. Data Sekunder Jabatan Kecamatan Bontoa, 2013

Jadual 4.9 menunjukkan bahawa jumlah penduduk perempuan lebih banyak daripada penduduk lelaki. Penduduk perempuan berjumlah 13,630 orang (51.33%), manakala penduduk lelaki berjumlah 12,920 orang (48.66 %).

4.7.2 Penduduk Menurut Umur

Pengelompokan penduduk berdasarkan kumpulan umur cukup penting untuk mengetahui penduduk yang

berumur produktif dan penduduk yang tidak produktif (lanjut usia). Mengikut konsep tenaga kerja, seseorang yang berusia 15 hingga 60 tahun dikira termasuk dalam kategori usia produktif dan mampu untuk melakukan usaha-usaha yang produktif. Pengelompokan umur ditunjukkan dalam Jadual 4.10.

Jadual 4.10: Penduduk menurut umur di Kecamatan Bontoa, Kabupaten Maros

No	Kelompok Umur	Lelaki	Perempuan	Jumlah	%
1	0 – 4	1,431	1,294	2,725	10.25
2	5 – 9	1,486	1,385	2,871	10.80
3	10 – 14	1,520	1,431	2,951	11.11
4	15 – 19	1,382	1,382	2,764	10.40
5	20 – 24	1,250	1,218	2,468	9.29
6	25 – 29	993	1,115	2,108	7.93
7	30 – 34	894	1,032	1,926	7.25
8	35 – 39	848	979	1,827	6.88
9	40 – 44	799	970	1,769	6.66
10	45 – 49	649	708	1,357	5.11
11	50 – 54	483	624	1,107	4.17
12	55 – 59	416	402	818	3.08
13	60 – 64	276	386	662	2.49
14	65 +	493	704	1,197	4.50
Jumlah		12,920	13,630	26,550	100.00

Nota. Data sekunder Jabatan Kecamatan Bontoa, 2013

Jadual 4.10 menunjukkan bahawa di Kecamatan Bontoa penduduk paling banyak adalah yang berumur antara 10 hingga 14 tahun yang berjumlah 2,951 orang (11.11%), manakala penduduk yang paling sedikit adalah yang berumur antara 60 hingga 64 tahun yang berjumlah 662 orang (2.49%).

4.7.3 Tahap Pendidikan

Tahap pendidikan di daerah ini masih sangat rendah. Hal ini dapat dilihat pada jumlah penduduknya yang mempunyai pendidikan tahap Sarjana dan SMU (Sekolah Menengah Umum) yang masih sangat sedikit berbanding dengan jumlah penduduknya. Jadual 4.11 menunjukkan tahap pendidikan penduduk daerah ini.

Jadual 4.11: Tahap pendidikan penduduk di Kecamatan Bontoa, Kabupaten Maros

No	Tahap Pendidikan	Laki-laki (orang)	Perempuan (orang)	Jumlah	
				orang	%
1	Buta huruf dan angka	740	543	1,283	7.70
2	Tidak Tamat Sekolah Dasar	1,120	980	2,100	12.61
3	Sekolah Dasar	4,879	3,588	8,467	50.87
4	Sekolah Menengah Pertama	1,175	1,087	2,262	13.59
5	Sekolah Menengah Atas	739	820	1,559	9.36
6	Diploma (D1-D3)	253	354	607	3.64
7	Sarjana	127	239	366	2.19
Jumlah		9,033	7,611	16,644	100.00

Nota. Data sekunder Jabatan Kecamatan Bontoa, 2013

4.7.4 Mata Pencarian

Mata pencarian penduduk di Kecamatan Bontoa ditunjukkan dalam Jadual 4.12.

Jadual 4.12: Mata pencarian penduduk di Kecamatan Bontoa, Kabupaten Maros

No	Mata Pencarian	Jumlah Penduduk (Orang)	%
1	Petani	4,639	50.91
2	Penternakan	267	2.93
3	Nelayan	2,678	29.39
4	Buruh tani	358	3.93
4	Industri Kecil	178	1.95
5	Khidmat Pemerintahan	322	3.53
6	Khidmat Perdagangan	268	2.94
7	Khidmat Angkutan/Pengangkutan	136	1.49
8	Khidmat Keterampilan	267	2.93
Jumlah		9,113	100.00

Nota. Data sekunder Jabatan Kecamatan Bontoa, 2013

Jadual 4.12 menunjukkan bahawa mata pencarian yang utama penduduk adalah sebagai petani yang berjumlah 4,639 orang (50.91%). Seterusnya, nelayan berjumlah 2,678 orang (29.39%), manakala sebahagian kecil pekerjaan penduduk pula adalah bekerja dalam bidang perkhidmatan pengangkutan 178 orang (1.95%) dan dalam bidang industri kecil 136 orang (1.49%)

4.7.5 Cross Tabulation

Jadual 4.13: Umur dan kategori miskin responden

Umur	Garis Kemiskinan Makanan Rp 177,342	Jumlah Garis Kemiskinan Rp 263,394
16 - 25	11	17
26 - 35	27	26
36 - 45	34	40
46 - 65	23	20
> 65	0	2
Jumlah	95	105

Jadual di atas menjelaskan bahawa kategori miskin responden sebanyak berada pada level Rp 263, 394 iaitu 105 responden. Manakala selebihnya hanya 95 responden pada garis kemiskinan Rp177, 342 .

Jadual 4.14: Pekerjaan dan kategori miskin

Pekerjaan	Kategori Miskin Rp 177, 342	Jumlah garis kemiskinan Rp 263, 594
Petani	3	10
Nelayan	57	130
	60	140

Jadual di atas menjelaskan bahawa 140 responden berdasarkan pekerjaan memiliki garis kemiskinan Rp 263,594 perbulan. Manakala selebihnya hanya 60 responden yang berada dilevel Rp 177,342 perbulan.

Jadual 4.15: Umur dan jenis makanan

Umur	Jenis makanan	Jumlah isi rumah
25 - 34	a. beras	200
	b. lauk haiwan	52
	c. sayur	200
	d. buah	86
	e. susu	0
35 - 44	a.beras	200
	b. lauk haiwan	32
	c. sayur	200
	d. buah	178
	e. susu	0
45 - 54	a. beras	200
	b. lauk haiwan	67
	c. sayur	200
	d. buah	89
	e. susu	0
55 - 64	a.beras	200

	b. lauk haiwan c. sayur d. buah e. susu	78 200 99 0
> 65	a. beras b. lauk haiwan c. sayur d. buah e. susu	200 52 200 86 0
Jumlah		200

Pada jadual diatas menunjukkan bahawa dari semua kategori umur semua responeden makan beras iaitu 200 orang , sebaliknya semua responden tidak ada yang menggunakan susu.

Jadual 4.16: Pekerjaan dan jenis makanan

Pekerjaan	Jenis makanan	Jumlah isi rumah
Petani	a. beras	13
	b. lauk haiwan	13
	c. sayur	13
	d. buah	1
	e. susu	0
Nelayan	a. beras	187
	b. lauk haiwan	38
	c. sayur	13
	d. buah	99

	e. susu	0
--	---------	---

Pada jadual diatas menunjukkan bahawa berdasarkan pekerjaan semua responden mengkonsumsi beras dan sebaliknya semua responden baik petani mahupun nelayan tidak ada yang mengkonsumsi susu.

Jadual 4.17: Umur dan tingkat penggunaan tenaga

Umur	Tingkat penggunaan tenaga 28.91 – 177.76 (%AKE)	Jumlah (%)
25 - 34	39	19.5
35 - 44	63	31.5
45 - 54	77	38.5
55 -64	18	9
>65	3	1.5
Jumlah	200	100

Jadual 4.18: Pekerjaan dan tingkat penggunaan tenaga

Pekerjaan	Penggunaan tenaga (%AKE)	Jumlah isi rumah
Petani	28.91 - 177.76	13
Nelayan	28.91 - 177.76	187

BAB 5

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

5.1 Pendahuluan

Tujuan kajian ini ialah untuk mengenal pasti faktor sosial dan ekonomi terhadap penggunaan makanan isi rumah miskin luar bandar di Kecamatan Bontoa. Penggunaan makanan isi rumah miskin luar bandar berdasarkan status zat pemakanan. Bab ini juga akan menghuraikan dapatan yang diperoleh dalam kajian ini. Antaranya adalah Beras untuk orang miskin (RASKIN), kecukupan makanan dan keberkesanan penggunaan makanan, Penggunaan makanan isi rumah miskin luar bandar, penggunaan tenaga , penggunaan protein, kepelbagaian penggunaan makanan

5.2 Program Beras Untuk Orang Miskin (RASKIN)

Setiap hari isi rumah miskin membeli beras. Kalau ada beras pun di rumah mereka, biasanya ia hanya cukup untuk memenuhi keperluan makanan satu hingga dua hari berikutnya sahaja. RASKIN dalam kajian ini bermaksud Program Beras untuk Masyarakat Miskin. RASKIN diukur dengan berapa kilogram beras yang diterima oleh isi rumah miskin luar bandar setiap kali program tersebut

dilaksanakan di desa setempat, dapat dilihat pada jadual 5.1

Jadual 5.1: Taburan Isi rumah miskin luar Bandar berdasarkan penerimaan raskin setiap bulan

	Kriteria	Jumlah Beras Raskin (kg)	Purata	
			(Rt)	(%)
1	Menerima :			
	Penerima 1	15	75	37.5
	Penerima 2	20	6	3.0
	Penerima 3	25	3	1.5
	Penerima 4	30	1	0.5
2	Tidak Menerima	0	115	57.5
	Jumlah	90	200	100.0

Sumber : Data Sekunder Kecamatan Bontoa , 2013

Kuantiti beras yang diterima melalui program RASKIN adalah 90 kg/200 Rt (perumah tangga) dengan jumlah penerimaan antara 15 kg hingga 30 kg/Rt. Pada ketika penelitian yang dilakukan, 75 Rt (37.5%) menerima RASKIN sebanyak 15 kg/Rt, 6 Rt (3%) menerima 20 kg/Rt, 3 Rt (1.5%) menerima 25 kg/Rt dan selebihnya sebanyak 1 Rt (0.5%) menerima sebanyak 30 kg/Rt, manakala isi rumah yang tidak menerima RASKIN berjumlah 115 Rt (57.5%).

Perbezaan penerimaan RASKIN adalah berdasarkan maklumat daripada institusi desa setempat dengan beberapa pertimbangan yang antara lain :

- (a) untuk pemerataan dalam rangka persatuan dan kesatuan, supaya semua warga diberikan hak yang sama;
- (b) oleh kerana jumlah isi rumah miskin yang diluluskan mendapat bantuan RASKIN lebih kecil daripada jumlah isi rumah miskin yang dicadangkan oleh pihak

- desa, maka jumlah bantuan RASKIN yang diterima sedikit dari jumlah yang diperlukan;
- (c) setiap desa mempunyai dasar tersendiri tentang cara pembahagian RASKIN yang dibeli dengan harga Rp 1,600/kg.

Oleh kerana keterbatasan jumlah RASKIN dan perbezaan dasar antara desa, maka 115 Rt (57,5%) tidak menerima RASKIN setiap bulan.

Jadual 5.2: Isi rumah miskin luar Bandar berdasarkan keadaan sosial ekonomi

Keadaan Sosial Ekonomi	Purata	
	(Rt)	(%)
1 Pola penggunaan makanan tetap	187	93.5
2 Pengetahuan tentang gizi rendah	94	47.0
3 Jenis pekerjaan utama di sektor bukan pertanian	79	39.5
4 Tidak memanfaatkan tanah pekarangan untuk mendukung keperluan makanan	179	89.5

Daripada Jadual 5.2, perubahan pola penggunaan makanan dalam kajian ini bermaksud sama ada isi rumah miskin mengubah corak penggunaan makanan mereka apabila musim berganti, apabila datang musim hujan, dan apabila datang musim kemarau. Perubahan yang dimaksudkan bolehlah berupa pengurangan atau penambahan kumpulan makanan yang dimakan, atau pengurangan atau penambahan kekerapan makan dalam sehari. Majoriti isi rumah (93.5%) menyatakan bahawa pola penggunaan makanan yang dilakukan tetap dari semasa ke masa . Pola penggunaan makanan isi rumah miskin luar bandar terdiri daripada makanan ruji, sayur dan lauk tumbuh-tumbuhan dengan kekerapan makan tiga kali sehari.

Pengetahuan pemakanan dalam kajian ini bermaksud pengetahuan ibu bagi sesuatu isi rumah, tentang pemakanan dan pengurusan makanan. Kira-kira 47% ibu isi rumah mempunyai pengetahuan tentang pemakanan (gizi) yang rendah. Ini bererti ramai isi rumah tidak mengetahui apakah yang dimaksudkan dengan makanan yang berzat, jenis-jenis makanan dan penyediaan makanan yang betul.

Seramai 79 Rt (39.5%) ketua isi rumah mempunyai jenis pekerjaan utama dalam bidang bukan pertanian. Mereka perlu mencari pekerjaan lain untuk menampung kehidupan kerana pendapatan dari menjadi petani atau nelayan tidak mencukupi. Pekerjaan yang lazim dibuat seperti bertukang.

Sebanyak isi rumah 179 Rt (89.5%) dalam kajian ini tidak memanfaatkan tanah di sekitar rumah mereka untuk menanam sayur dan buah-buahan atau untuk memelihara ternakan kecil. Membiar tanah tanpa diusahakan merupakan pembaziran sumber pengeluaran. Jika diusahakan tanah itu akan dapat membantu golongan miskin mendapat hasil tanaman yang boleh dimakan atau dijual.

Akses terhadap maklumat dalam kajian ini bermaksud kemudahan mencari, mendapat dan menerima maklumat, khususnya segala maklumat yang secara langsung ataupun secara tidak langsung berkaitan dengan usaha memenuhi keperluan makanan dan peningkatan mutu penggunaan makanan. Akses isi rumah luar bandar diukur dengan jumlah jawapan “ya: dan :tidak” ada pada Jadual 5.3.

Jadual 5.3: Isi rumah miskin luar bandar berdasarkan aksesnya

Akses isi rumah		Ya	Tidak	%
1	Akses kepada maklumat	40	160	80
2	Akses kepada lembaga kewangan	9	191	95.5
3	Akses kepada peluang pekerjaan	0	200	100

Jadual 5.3 menunjukkan majoriti responden menyatakan mereka tidak mempunyai akses terhadap maklumat 160 Rt (80%). Seramai 191 Rt (95.5%) isi rumah tiada akses kepada institusi kewangan. Peluang kerja dalam kajian ini bermaksud kemudahan responden mendapatkan pekerjaan yang memberikan pendapatan yang mencukupi. Data dalam Jadual 4.15 yang dikumpulkan menunjukkan bahawa responden tidak mempunyai akses terhadap peluang pekerjaan 200 Rt (100%). Kesemua responden (100%) tidak mempunyai pekerjaan yang baik yang boleh memenuhi keperluan hidup mereka. Ini diikuti dengan 95.5% responden tiada akses kepada institusi kewangan yang boleh membantu golongan ini mendapat modal untuk memulai sesuatu usaha atau projek kecil yang dapat menghasilkan pendapatan.

5.3 Kecukupan Makanan dan Keberkesanan Penggunaan Makanan Isi Rumah Miskin Luar Bandar

Kecukupan makanan bertujuan mewujudkan ketersediaan makanan bagi seluruh isi rumah, dalam

jumlah yang cukup, berkualitas, selamat untuk dimakan dan merata serta terjangkau oleh setiap individu.

Usaha menyediakan makanan masih merupakan salah satu permasalahan asasi daripada permasalahan kemiskinan. Ini menggambarkan kuantiti dan kualiti makanan masih terhad dan tidak mencukupi. Hal ini menunjukkan bahawa makanan masyarakat masih belum dipenuhi dengan baik dan tidak memenuhi syarat pemakanan yang sempurna dan kemampuan kuasa beli pengguna yang rendah. Begitu juga ketersediaan makanan masih tidak stabil dan tidak merata dan harga yang berpatutan yang belum tercapai. Situasi yang tidak memuaskan tentang makanan juga dapat dilihat apabila kepelbagaian makanan masih kurang, proses pengeluaran makanan masih belum cekap, harga jualan yang diterima oleh petani-petani rendah dan bekalan makanan masih bergantung kepada import dari negara lain.

5.4 Penggunaan Makanan Isi Rumah Miskin Luar Bandar

Penggunaan makanan adalah susunan makanan yang merangkumi jenis dan jumlah bahan makanan purata per orang sehari yang dimakan dalam jangka masa tertentu, sebagai reaksi kepada pengaruh fisiologi, psikologi, budaya dan sosioekonomi serta kekerapan makan dalam sehari (Suhardjo, 2010). Ia dinyatakan dalam gram per kapita setiap hari. Pada umumnya, makanan di Indonesia dikumpulkan kepada lima kelompok: makanan asas pemberi rasa kenyang, sayur-sayuran pemberi rasa segar, lauk-pauk pemberi rasa

nikmat, buah-buahan sebagai “pencuci mulut” dan susu (Almatsier, 2011).

Pengelompokan makanan menurut ” Empat Sehat Lima Sempurna” ini dipandang sebagai cara yang paling mudah untuk mengenal pasti jenis makanan. Susunan makanan ini, dengan kombinasi dan jumlah yang tepat, dapat memberikan semua zat pemakanan yang diperlukan tubuh untuk mencapai derajat kesihatan yang optimum. Pengelompokan tersebut dapat menunjukkan kumpulan makanan yang digunakan dan kekerapan makan isi rumah miskin di kawasan kajian. Secara terperinci kumpulan makanan yang digunakan dan kekerapan makan isi rumah miskin di kawasan kajian ditunjukkan dalam Jadual 5.4.

Jadual 5.4: Penggunaan berdasarkan kelompok makanan, jenis makanan dan kekerapan makan isi rumah miskin luar Bandar, Kecamatan Bontoa

	Kelompok makanan	Jenis makanan	Frekuensi Penggunaan	Jumlah	
				Rt	%
1	Makanan asas	Beras	Setiap hari 3 x sehari	200	100
2	Lauk Pauk :	Lauk Haiwan	2-3 x seminggu	52	26
		Lauk Tumbuhan(temppe,tahu)	4-6 x seminggu	200	100
3	Sayur	Bermacam-macam	setiap hari 3 x sehari	193	96.5
4	Buah	Bergantung musim	1-3 x seminggu	86	43
5	Susu	Susu	Tidak Pernah	0	0

Nota. Data primer pengarang, 2013

Jadual 5.4 menunjukkan bahan makanan asas beras dan lauk tumbuhan digunakan oleh (200 Rt atau 100%), sayur digunakan oleh (193 Rt atau 96.5%), lauk haiwan digunakan oleh (52 Rt atau 26%). Buah hanya digunakan oleh (86 Rt atau 43%). Susu tidak pernah diambil oleh

responden. Dari Jadual 4.16 dapatlah disimpulkan bahawa pola penggunaan makanan majoriti responden adalah makanan asas iaitu beras dan lauk tumbuhan, sayur dan lauk haiwan, dengan kekerapan makan tiga kali sehari.

Makanan asas sumber karbohidrat utama di kawasan kajian adalah beras. Lauk pauk sumber protein lebih banyak diperoleh daripada protein bersumberkan tumbuhan, khususnya daripada kekacang seperti kacang tanah dan soya mahupun olahannya. Sumber protein haiwan dimakan dalam bentuk ikan laut, ikan air tawar dan ikan masin. Sumber protein haiwan dalam bentuk daging ayam jarang sekali dimakan, apalagi dalam bentuk daging lembu. Beberapa isi rumah miskin menyatakan bahawa daging ayam dan lembu dimakan dua-tiga kali dalam sebulan ketika mendapatkan "berkat" (kiriman makanan berkaitan dengan hajat tertentu) dari jiran tetangga yang mampu mengadakan kenduri doa selamat. Sumber protein haiwan dari telur jarang digunakan kecuali oleh isi rumah yang mempunyai anak-anak kecil dan belajar di sekolah rendah, walaupun mereka memelihara ayam kampung. Sumber vitamin daripada mineral, kebanyakannya diperoleh daripada sayur-sayuran. Buah-buahan jarang dimakan kecuali buah-buahan daripada pohon buah-buahan yang ditanam di halaman rumah sendiri seperti buah mangga dan pisang. Dua jenis buah-buahan inilah yang banyak dimakan, meskipun kekerapannya jarang sekali. Sayur-sayuran yang banyak dimakan adalah sayur seperti bayam dan pokok kelor.

Jadual 5.5 menunjukkan bahawa hanya beras dan sayur yang dimakan dalam jumlah yang memenuhi

standard makanan normatif iaitu ukuran dan jumlah makanan ideal yang disyorkan oleh Jabatan Kesihatan Indonesia. Sementara itu, buah-buahan dan makanan haiwan sangat sedikit dimakan. Lauk haiwan yang dimakan hanya sekitar 37.40% daripada penggunaan yang dianjurkan.

Jadual 5.5: Penggunaan kelompok makanan menurut pola empat sihat oleh isi rumah miskin luar Bandar

Kelompok makanan	Penggunaan (Gram/orang/Hari)		Jumlah (Rt)
	Sebenar	Normatif	
1 Beras	326.43	300	200
2 Sayur	152.00	150	193
3 Lauk:			
Haiwan	37.40	100	52
Tumbuhan	70.71	100	200
4 Buah	30.52	200	86

Daripada Jadual 5.5 diatas , bahawa pola penggunaan makanan isi rumah miskin "belum" memenuhi kriteria “Empat Sihat Lima Sempurna”. Penggunaan makanan majoriti terdiri daripada makanan asas, sayur dan lauk haiwan. Sumber vitamin yang berfungsi sebagai pengatur keseimbangan metabolisme tubuh, yang banyak terdapat dalam buah-buahan, belum menjadi sebahagian daripada menu makanan sehari-hari mereka. Begitu juga lauk tumbuhan sumber protein yang berfungsi membina rangkaian baharu dalam tubuh.

Tentang komposisi menu makanan yang lebih berat dalam makanan asas (semua responden menyatakan bahawa lebih baik kalau tidak mengambil lauk dan sayur daripada harus mengurangkan makanan asas) boleh diertikan bahawa orientasi keperluan makanan bagi isi

rumah miskin masih kepada tujuan utama, bahawa mereka perlukan kuantiti makanan yang banyak untuk mengenyangkan perut mereka. Oleh itu, mereka gunakan makanan yang mampu menghasilkan tenaga yang kuat untuk membolehkan mereka melakukan aktiviti mereka. Keperluan yang asas untuk tenaga daripada makanan dikira menyokong mata pencarian utama majoriti isi rumah miskin yang lebih banyak memerlukan tenaga, daripada pemikiran.

5.5 Penggunaan Tenaga Isi Rumah Miskin Luar Bandar

Tenaga digunakan sebagai penunjuk status pemakanan kerana penggunaan nilai kalori (tenaga) sudah cukup untuk menggambarkan kecukupan makanan isi rumah, kerana penggunaan kalori berkait rapat dengan kemampuan manusia untuk hidup secara aktif. Namun demikian, bukan hanya kuantitinya harus mencukupi, bahkan kepelbagaian makanan sumber tenaga yang digunakan juga tidak kurang pentingnya.

Tenaga diperlukan untuk melakukan aktiviti dan makanan pula merupakan sumber tenaga yang diperlukan tubuh untuk melakukan kegiatan (Ariani & Saliem 2009). Tahap penggunaan tenaga adalah penggunaan tenaga kepada Angka Kecukupan Tenaga yang dianjurkan dan dinyatakan dalam peratus Angka Kecukupan Tenaga (% AKE). Angka Kecukupan Tenaga, adalah jumlah tenaga minimum yang selayaknya dipenuhi oleh tiap individu dalam isi rumah agar dapat hidup sihat dan beraktiviti secara produktif (Arajita, 2010). Dinas

Kesihatan mengesyorkan Angka Kecukupan Tenaga adalah 2200 kkal/orang/hari (Rafly 2012). Penggunaan dan tahap penggunaan tenaga di daerah kajian ditunjukkan dalam Jadual 5.6

Jadual 5.6: Tingkat penggunaan tenaga oleh isi rumah miskin luar Bandar

Tingkat Penggunaan Tenaga	Min	Max	Purata	Sd
Tingkat Penggunaan Tenaga (%AKE)	28.91	177.76	60.35	20.31
Penggunaan tenaga (Kkal/Kap/Hari)	294.38	2,513.11	2,018.91	347.75

Nota

AKE : Angka Kecukupan Energi

sd : standar deviasi

Penggunaan tenaga isi rumah miskin luar bandar berkisar antara 294.38 kkal/orang/hari hingga 2,513.11 kkal/orang/hari atau 28.91% AKE hingga 177.76% AKE. Pada puratanya, penggunaan tenaga adalah 2,018.91 kkal/orang/hari atau tahap purata tingkat penggunaan tenaga sebanyak 60.35% AKE. Apabila dibandingkan dengan purata tahap penggunaan tenaga di peringkat nasional, tahap penggunaan tenaga di daerah kajian masih rendah. Latif & Atmarita (2011) melaporkan bahawa secara purata tahap penggunaan tenaga di daerah luar bandar tahun 2008 adalah 95.99% AKE. Angka bagi peringkat nasional (untuk wilayah luar bandar dan bandar) ialah sebanyak 84% AKE (Anderson, 2008).

Kajian oleh Harriss-White & Hoffenberg (2009), di Kabupaten Pasuruan Jawa Timur mendapati bahawa tahap penggunaan tenaga kurang daripada 60.1% AKE,

sementara purata tahap penggunaan tenaga di zon tanah berpotensi cukup iaitu sebanyak 68.1% AKE untuk isi rumah pada umumnya. Rendahnya tahap penggunaan tenaga ini adalah kerana kuantiti penggunaan makanan ini tergendala oleh tahap pendapatan. Penyebab yang lain termasuklah kerana standard Angka Kecukupan Tenaga yang dipergunakan berbeza Kajian terdahulu menggunakan AKE sebesar 2,150 kkal/orang/hari, sementara kajian ini menggunakan AKE sebesar 2,200 kkal/orang/hari.

Seterusnya Jadual 4.18 menyatakan bahawa tahap purata penggunaan tenaga di daerah kajian ini hanya sebesar 60.35% AKE atau sebesar 2,018.91 kkal/orang/hari dan tahap penggunaan tenaga ini masih di bawah standard kecukupan iaitu sebanyak 2,200 kkal/orang/hari. Oleh kerana kekurangan tenaga dalam tubuh ini, penggunaan protein menjadi tidak efektif kerana hanya sebahagian sahaja daripada zat pemakanan protein yang dimakan akan diubah menjadi tenaga, mengalahkan fungsi utamanya sebagai zat pemakanan untuk membina dan memelihara sel dan jaringan tubuh.

Jadual 5.7: Penggunaan tenaga, dan protein berdasarkan data SUSENAS (2009-2013).

Keterangan	Hasil Justifikasi Data Susenas				
	2009	2010	2011	2012	2013
Penggunaan Tenaga (kkal/orang/hari)	1,964	1,968	2,005	1,912	2,200
Penggunaan Protein (gram/orang/hari)	58.8	60.0	61.9	62.3	63.7

Jadual 5.7 menjelaskan tempoh masa 2009-2013 tentang penggunaan tenaga, dan protein . Berasaskan data SUSENAS telah mengalami peningkatan dari tahun ke tahun. Penggunaan tenaga tahun 2009 sebesar 1,964 kkal/orang/hari meningkat menjadi 1,968 kkal/orang /hari pada tahun 2010. Pada tahun 2011 sebesar 2,005 kkal/orang/hari, tahun 2012 sebesar 1,912 kkal/orang/hari dan tahun 2013 sebesar 2,200 kkal/orang/hari. Seterusnya penggunaan protein pada tahun 2009 sebesar 58.8 gram/orang /hari naik menjadi 60.0 gram/orang /hari pada tahun 2010, selanjutnya 61.9 pada tahun 2011, tahun 2012 meningkat menjadi 62.3 dan tahun 2013 berada pada paras 63.7 gram/orang /hari. Taburan tahap penggunaan tenaga isi rumah miskin hasil kajian ini ditunjukkan dalam Jadual 5.8

Jadual 5.8: Tingkat penggunaan tenaga berdasarkan klasifikasi kekurangan tenaga dan keadaan kecukupan makanan isi rumah miskin luar Bandar, Kecamatan Bontoa

Kategori	Frekwensi	
	(Rt)	(%)
Kekurangan tenaga menurut Jabatan kesihatan (2013)		
< 70% AKE (Defisit)	142	71.0
70% - 80% AKE (Kurang)	24	12.0
80%- 90% (Sederhana)	14	7.0
> 90% (Baik)	20	10.0
Jumlah	200	100.0
Keadaan kesihatan makanan menurut Sachet et al. (1991), Soekirman (1995), Suhardjo (1998)		
< 75% AKE (Tidak tahan makanan)	154	77.0
75% - 100% AKE (Cukup tahan makanan)	46	23.0
Jumlah	200	100.0

Nota. Data primer dari pengarang, 2013

Jadual 5.8 menunjukkan bahawa isi rumah dalam kategori defisit tenaga merupakan majoriti terbesar dengan (142 Rt atau 71%). Isi rumah yang tergolong dalam tahap kurang , penggunaan tenaga adalah sebanyak (24 Rt atau 12%), isi rumah yang tergolong dalam tahap sederhana tenaga sebanyak (14 Rt atau 7%), dan isi rumah tergolong dalam tahap tenaga baik (20 Rt atau 10%). Klasifikasi ini berdasarkan klasifikasi kecukupan makanan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kesihatan 2013.

Mengikut klasifikasi Soekirman (2010), terdapat (154 Rt atau 77%) berada dalam keadaan tidak tahan makanan dan hanya (46 Rt atau 23%) berada dalam tahap kategori cukup tahan makanan.

5.5.1 Penggunaan Protein Isi Rumah Miskin Luar Bandar

Protein berguna bagi tubuh sebagai zat pembangun atau pertumbuhan dan penyelenggaraan tubuh manusia. Di samping itu, protein juga merupakan sumber tenaga apabila keadaan kurang tenaga daripada karbohidrat dan lemak berlaku. Kerana adanya fungsi protein sebagai sumber tenaga, maka penentuan kecukupan protein boleh dilakukan pada saat kecukupan tenaga dipenuhi (Alamgir & Arora, 2010). Angka Kecukupan Protein untuk isi rumah sebagaimana disyorkan oleh Widyakarya Nasional Makanan dan Pemakanan tahun 2011 adalah 50 gram/orang/hari (Hardinsyah, et al. 2011).

Jadual 5.9: Penggunaan protein isi rumah miskin luar Bandar, Kecamatan Bontoa

Tingkat Penggunaan Protein	Min	Max	Purata	SD
Tingkat penggunaan protein (%AKP)	16.80	119.92	50.96	18.04
Penggunaan protein (gram/orang/Hari)	8.89	59.96	25.83	9.01

Penggunaan protein isi rumah miskin di daerah penelitian berkisar antara 8.89 gram/orang/hari sehingga maksimum 59.96 gram/orang/hari atau dengan tingkat penggunaan protein berkisar antara 16.80% AKP hingga 119.92% AKP . Julat yang cukup besar ini menunjukkan adanya ketimpangan yang tinggi dalam penggunaan protein di daerah kajian. Purata penggunaan protein adalah 25.83 gram/orang/hari atau 50.96% AKP.

Hasil penelitian ini berbeza dengan hasil kajian Mudjirahayu et al., (2009) tentang Penggunaan Protein oleh Wanita Suku Arf'ak di Perkebunan Coklat Irian Jaya, Indonesia yang menyebutkan bahawa tingkat penggunaan protein adalah 84.7% AKP. Sementara itu, penyelidikan Adi et al. (2009) tentang pola penggunaan makanan isi rumah menurut agroekologi mengatakan bahawa tahap pengambilan protein isi rumah di kawasan tanah yang kurang berpotensi adalah 78.3% AKP. Perbezaan ini perlu difahami memandangkan bahawa unit analisis dalam kajian ini adalah isi rumah miskin luar bandar, yang keutamaan penggunaan makanan masih menitik beratkan makanan berkarbohidrat bagi menghasilkan tenaga untuk melakukan aktiviti.

Kajian Latief & Atmarita (2011) menyebutkan bahawa tahap pengambilan protein wilayah luar bandar tahun 2008 adalah 105.63% AKP, sementara di peringkat nasional tahap pengambilan protein tahun 2008 dan 2009, masing-masing mencapai 109% AKP dan 97% AKP.

Data dari Jabatan Kesihatan Sulawesi Selatan pada tahun 2011, menunjukkan purata tahap pengambilan protein adalah 50.96 gram/orang/hari dan amaun ini lebih rendah daripada dapatan kajian iaitu 59.96 gram/orang/hari (Jadual 4.21). Berbanding dengan angka-angka hasil penelitian di daerah lain sebelum ini, tahap pengambilan protein di daerah kajian bolehlah disimpulkan sebagai lebih tinggi.

Walau bagaimanapun, jika digunakan Angka Kecukupan Protein yang dikeluarkan oleh Survei Ekonomi Nasional (SUSENAS) untuk tahun 2013 iaitu sebanyak 63.7 gram/orang/hari (Jadual 4.19) sebagai perbandingan maka tahap pengambilan protein di daerah kajian ini masih rendah (59.96 gram/orang/hari). Ini disebabkan kekurangan penggunaan bahan makanan sumber protein, terutamanya kumpulan makanan berasaskan haiwan dan tumbuhan. Selain itu, harga yang tidak terjangkau untuk membeli makanan yang mengandungi protein seperti ikan, daging ayam dan lembu. Pengambilan zat gizi protein akan dimanfaatkan sebagaimana semestinya, iaitu sebagai zat pembangun dan pemelihara sel dan jaringan tubuh serta sumber tenaga untuk tubuh. Apabila kecukupan tenaga tubuh belum dipenuhi maka zat pemakanan protein yang dimakan akan berperanan sebagai zat pembangun dan pemelihara sel.

5.5.2 Kepelbagaian Penggunaan Makanan Isi Rumah Miskin Luar Bandar

Kepelbagaian penggunaan makanan adalah keanekaan jenis makanan yang dimakan. Ia diukur melalui mutu penggunaan makanan, iaitu ukuran makanan yang digunakan, dilihat pada sumbangan tenaganya kepada AKE. Hal ini dikira dengan menggunakan *Pola Pangan Harapan* dan dikenali sebagai kualiti kepelbagaian penggunaan makanan.

Menurut Hardinsyah (2010) tujuan mempelbagaikan penggunaan makanan adalah untuk mencapai mutu penggunaan makanan sebesar 69.7%, dengan penggunaan beras maksimum 50% daripada jumlah penggunaan tenaga. Jumlah kumpulan makanan yang dimakan dan jenis-jenis bahan makanan yang digunakan sangat mempengaruhi mutu zat pemakanannya.

Semakin banyak kelompok makanan dan jenis makanan yang dimakan, semakin tinggi kepelbagaian penggunaan makanan kerana proses saling melengkapi keperluan pemakanan antara bahan-bahan makanan tersebut. Oleh itu, kepelbagaian jenis makanan haruslah terus diperhatikan kandungan gizinya agar ia dapat berperanan secara optimum dalam pertumbuhan dan perkembangan tubuh badan serta perkembangan intelektual.

Kuantiti kelompok makanan dan jenis bahan makanan yang digunakan isi rumah miskin luar bandar ditunjukkan dalam Jadual 5.10

Jadual 5.10: Kelompok makanan dan jenis bahan makanan yang digunakan isi rumah miskin, Kecamatan Bontoa

Bil	Kelompok makanan				Jenis bahan makanan			
	Menurut <i>Pola Pangan Harapan</i>				(BJK)			
	KM	Rt	%	Jumlah	KPM	Rt	%	Jumlah
	A	B	C	AxB	D	E	F	DxE
1	3	0	0	0	3	1	0.5	3
2	4	0	0	0	4	7	3.5	28
3	5	8	4	40	5	36	18	180
4	6	120	60	720	6	71	35.5	426
5	7	34	17	238	7	5	2.5	35
6	8	38	19	304	8	21	10.5	168
7	9	0	0	0	9	6	3	54
8	-	-	-	-	10	7	3.5	70
9	-	-	-	-	11	20	10	220
10	-	-	-	-	12	13	6.5	156
11	-	-	-	-	15	6	3	90
12	-	-	-	-	16	7	3.5	112
		200	100	1,302		200	100	1,542
Min	-	-	-	6.51	-	-	-	7.71

Keterangan :

KM : Kelompok Makanan (A)

B : Rumah Tangga (Rt)

KPM : Kepelbagaian Makanan (D)

E : Rumah Tangga (Rt)

Jadual 5.10 menunjukkan bahawa berdasarkan pengelompokan makanan menurut (*Pola Pangan Harapan*), majoriti responden yang dikaji mengambil enam kelompok makanan (120 Rt atau 60%), disusuli oleh isi rumah yang mengambil lapan kelompok makanan (38 Rt atau 19%) , tujuh kelompok makanan (34 Rt atau 17%) dan (8 Rt atau 4%) sahaja yang mengambil 5 kelompok makanan.

Sebagai kesimpulan, bolehlah dikatakan bahawa berdasarkan pengelompokan makanan menurut *Pola Pangan Harapan*, isi rumah miskin mengambil puratanya 6.51 kelompok makanan. Adapun sayur dan buah

dikelompokkan menjadi satu, sedangkan masing-masing mengandung zat pemakanan yang berbeza. Oleh kerana itu, adalah lebih jelas untuk mengetahui tentang banyaknya jenis makanan yang digunakan oleh isi rumah melalui penunjuk kategori kepelbagaian penggunaan jenis bahan makanan (BJK), iaitu jumlah jenis bahan makanan yang digunakan seluruh anggota isi rumah selama 24 jam.

Menurut Silva et al., (2007) kepelbagaian penggunaan jenis bahan makanan dalam kategori yang baik mengandungi sekurang-kurangnya 11 BJK, kategori cukup mengandungi 8-10 BJK, kategori sedang mengandungi 5-7 BJK, dan kategori rendah mengandungi 3-4 BJK. Adapun susunan kategori penilaian BJK iaitu :

- 3-4 BJK = *Rendah*
- 5-7 BJK = *Sedrhana*
- 8-10 BJK = *Cukup*
- 11-16 BJK = *Baik*

Berdasarkan kategori BJK diatas, berpandukan Jadual 5.10, terdapat (8 Rt atau 4%) mengambil makanan dengan BJK kategori rendah, (112 Rt atau 56%) mengambil makanan dengan BJK kategori sederhana dan (3 Rt atau 17%) menggunakan makanan dengan BJK kategori cukup. Hanya (46 Rt atau 23%) isi rumah miskin yang mengambil makanan dengan BJK kategori baik.

Secara umum, kesimpulannya ialah isi rumah miskin mengambil 5-6 jenis bahan makanan, yang menunjukkan bahawa kepelbagaian penggunaan makanan isi rumah miskin luar bandar tergolong kategori sedang.

Kesimpulan ini selaras dengan hasil kajian Erwidodo et al. (2009) yang menyebutkan bahawa

kepelbagaian penggunaan makanan yang sedang ini menunjukkan bahawa kuantiti dan kualiti penggunaan makanan masih perlu ditingkatkan. Jumlah kumpulan makanan pada susunan menu makanan (kualiti makanan) sebaiknya ditambah dan nisbah masing-masing kelompok makanan (kuantiti makanan) sebaiknya lebih diperhatikan agar setiap zat pemakanan yang terkandung di dalamnya dapat berfungsi sebagaimana semestinya.

Jadual 5.11 dibawah menunjukkan skor mutu penggunaan makanan (SMPM). Terdapat (3 Rt atau 1.5%) isi rumah miskin luar bandar yang tahan tenaga, tahan protein dan mampu mencapai tahap penggunaan makanan yang sesuai dengan PPH. Hanya terdapat (9 Rt atau 4.5%) yang tahan tenaga, tahan protein tetapi belum mampu mencapai tahap penggunaan makanan yang sesuai dengan PPH. Isi rumah seperti ini disyorkan supaya mengatur kembali komposisi menu makan mereka sehari-hari.

Jadual 5.11: Jumlah isi rumah miskin luar bandar berdasarkan Skor Mutu Penggunaan Makanan (SMPM), Kecamatan Bontoa

	Ciri-ciri isi rumah	Jumlah	
		RT	%
1	Tahan tenaga, tahan protein, SMPM terpenuhi	3	1.5
2	Tahan tenaga, tahan protein, SMPM tak terpenuhi	9	4.5
3	Tahan tenaga, tidak tahan protein, SMPM tak terpenuhi	35	17.5
4	Tidak tenaga, tahan protein, SMPM tak terpenuhi	7	3.5
5	Tidak tenaga, tidak tahan protein, SMPM tak terpenuhi	146	73.0
Jumlah		200	100.0

Terdapat (35 atau 17.5%) yang tahan tenaga, tetapi tidak tahan protein dan belum mampu mencapai tahap penggunaan makanan yang sesuai dengan PPH. Rumah tangga miskin ini juga harus mengubah penggunaan

mereka dengan menambah kumpulan makanan lauk pauk di dalam menu mereka.

Keadaan ini berlaku kerana pada umumnya di daerah luar bandar, terutamanya dalam kalangan isi rumah miskin, keperluan penggunaan makanan mereka masih berorientasikan “asal perut kenyang.” Keadaan ini hanya diperoleh apabila makanan sumber karbohidrat mereka dipenuhi, tanpa memerhatikan keperluan tubuh badan terhadap zat pemakanan yang lain. Ini adalah pola budaya warisan masyarakat tani tradisional yang tidak mudah ditinggalkan, pembinaan yang diakui atau tidak masih bertahan hingga saat ini, terutamanya dalam kalangan masyarakat miskin.

Untuk kumpulan ini, yang perlu diperhatikan dalam rangka mencapai kecukupan makanan adalah mengubah pola penggunaan makanan dengan menumpukan kepada kepelbagaian penggunaan makanan mereka, khususnya meningkatkan penggunaan makanan yang lebih banyak mengandungi protein. Hal ini kerana protein dalam tubuh berfungsi sebagai zat pembangun rangkaian baharu. Sekiranya penggunaan kumpulan bahan sumber protein ini tidak dipenuhi, ia akan sangat menghalang perkembangan kemampuan intelektual seseorang. Zat pemakanan yang buruk boleh membunuh potensi dan masa depan bangsa kerana ia boleh mempengaruhi kualiti sumber daya manusia.

Dalam kajian ini terdapat 7 Rt (3.5%) yang cukup protein tetapi tidak cukup tenaga. Kumpulan isi rumah ini harus lebih meningkatkan pengambilan tenaga agar pengambilan protein dapat melaksanakan peranan dan

fungsinya sebagai pembina jaringan tubuh. Kecukupan tenaga haruslah dipenuhi terlebih dahulu. Setelah itu, barulah kecukupan protein boleh diambil kira. Hal ini dapat dipastikan kerana, manusia memerlukan tenaga dalam setiap saat pertumbuhannya dalam keadaan bagaimana sekalipun.

Kekurangan tenaga akan menyebabkan dua perkara: pertama, kesan fizikal yang bersangkutan dengan pengurangan aktiviti sehingga kelihatan seperti orang yang malas, dan kedua, di dalam tubuh manusia, protein akan diproses menjadi tenaga sehingga fungsi pembangunan rangkaian baharu dikorbankan dan ini akan memberi kesan yang lebih besar kepada daya tahan dan kemampuan intelektualnya. Kumpulan terbesar dalam kajian adalah isi rumah miskin yang tidak cukup tenaga, tidak cukup protein dan kepelbagaian makanan mereka belum mencapai tahap PPH 146Rt (73%). Dengan penggunaan makanan yang seperti ini sangat kecil kemungkinannya kumpulan ini boleh melepaskan diri daripada lingkaran ganas kemiskinan, kerana mereka belum dapat memenuhi keperluan zat pemakanan mereka. Individu dengan penggunaan makanan yang seperti ini tidak akan mampu melakukan aktiviti fizikal secara optimum dan seterusnya tahap daya pengeluarannya juga rendah.

Dari berbagai-bagai huraian yang telah diberikan, pola penggunaan makanan yang meliputi tahap penggunaan tenaga, tahap pengambilan protein dan tahap kepelbagaian penggunaan makanan isi rumah miskin di daerah kajian, dapatlah disimpulkan bahawa kualiti zat makanan isi rumah miskin masih tergolong sebagai rendah

(defisit tenaga dan tidak cukup makanan). Makanan mempunyai hubungan yang erat dengan kesehatan manusia. Para pembuat dasar pembangunan di dunia sudah lama mengakui dan menyadari bahwa erti makanan lebih luas daripada sekadar untuk memelihara dan meningkatkan kesehatan sahaja. Kecukupan gizi dalam penggunaan makanan merupakan salah satu faktor penting dalam pembangunan kualiti sumber manusia, dan ini merupakan faktor kunci dalam kejayaan pembangunan suatu bangsa. Pemakanan sangat berpengaruh terhadap kecerdasan dan produktiviti kerja manusia (Almatsier, 2011).

Keberkaitan antara kemiskinan, pemakanan makanan yang rendah, tahap pola penggunaan makanan, kecukupan makanan isi rumah, dan kualiti sumber manusia yang pada satu segi masing-masing dapat menjadi sebab dan pada sisi yang lain dapat menjadi akibat.

5.6 Keputusan Korelasi

5.6.1 Angka Kecukupan Tenaga (AKE)

Tujuan penggunaan makanan ialah untuk mengambil pelbagai jenis makanan dengan skor kualiti penggunaan makanan bernilai 69.7% dengan kadar penggunaan beras 50% daripada AKE seperti yang disarankan oleh Hardinsyah (2010) juga mengatakan bahawa jenis makanan yang dimakan harus meliputi seluruh kumpulan makanan, sesuai dengan fungsinya

dalam tubuh, yang dalam norma *Pola Pangan Harapan* (*PPH*) yang terkumpul dalam 9 kelompok makanan.

Prinsip asas perancangan keperluan makanan dengan *PPH* adalah tersedianya makanan yang pelbagai, yang sesuai dengan kecukupan gizi penduduk setempat. Selain itu, *PPH* disajikan dalam kumpulan makanan untuk memberikan kebebasan menentukan pilihan jenis makanan yang diinginkan antara kelompoknya, dengan memperhatikan aspek pola penggunaan atau keutamaan jenis makanan penduduk dan aspek potensi wilayah setempat.

Taburan penggunaan makanan isi rumah miskin luar bandar berdasarkan pengelompokan makanan yang rendah ini ditunjukkan dalam Jadual 5.12.

Jadual 5.12: Penggunaan makanan isi rumah miskin luar bandar Kecamatan Bontoa berdasarkan pengelompokan makanan terhadap AKE dan PPH

Kelompok makanan	Perkadaran penggunaan tenaga (%)		
	Terhadap jumlah tenaga sebenar	Terhadap AKE	PPH
Beras	48.56	29.86	50
Umbi-umbian (Padi-padian & umbi-ubian)	5.21 (53.76)	3.20 (33.06)	6 (56)
Makanan haiwan	1.33	0.82	12
Lemak minyak	12.74	7.83	10
Buah/biji berminyak	-	-	3
Kekacang	4.44	2.73	5
Gula	8.33	5.12	5
Sayur & buah	19.11	11.76	6
Makanan lain	0.30	0.18	3
Jumlah	100.00	61.50	100

Jadual 5.12 menunjukkan bahawa perkadaran kelompok tenaga dalam peratus kelompok makanan terhadap jumlah tenaga sebenar dan terhadap angka

kecukupan tenaga (AKE) untuk setiap kelompok makanan masing-masing iaitu beras 48.56 dan 29.86, sayur dan buah 19.11 dan 11.76, lemak minyak 12.74 dan 7.83, gula 8.33 dan 5.12, umbi-umbian 5.21 dan 3.20, kekacang 4.44 dan 2.73, makanan haiwan 1.33 dan 0.82, dan makanan yang lain 0.30 dan 0.18.

Kelompok makanan haiwan dimakan adalah kelompok makanan dalam bentuk ikan segar ataupun yang telah diproses seperti ikan masin. Daripada penjelasan-penjelasan ini dapatlah disimpulkan bahawa dengan tahap pengambilan makanan beras AKE 29.86% dan skor kualiti penggunaan makanan terhadap AKE 61.50% seperti dalam (Jadual 5.12), pola penggunaan makanan isi rumah miskin masih belum berkesan. Hal ini disebabkan oleh semua kumpulan makanan yang dimakan oleh isi rumah miskin itu sendiri iaitu enam kelompok makanan dan empat jenis makanan.

5.6.2 Penggunaan Makanan

Untuk memenuhi keperluan makanan mereka, isi rumah miskin luar bandar menggunakan bahan makanan berdasarkan kelompok makanan.

Khusus untuk responden dalam kajian ini, pola penggunaan bahan makanan mereka ditunjukkan dalam Jadual 5.13.

Jadual 5.13: Isi rumah miskin luar bandar berdasarkan penggunaan tiap-tiap kelompok makanan, Kecamatan Bontoa


No	Kelompok makanan	Jumlah isi rumah yang menggunakan	
		Rt	%
1	Padi-padian	200	100.0
2	Umbi-umbian	38	19.0
3	Haiwan	199	99.5
4	Lemak minyak	200	100.0
5	Buah/biji berminyak	0	0.0
6	Kecacang	72	36.0
7	Gula	200	100.0
8	Buah-buahan & sayur	200	100.0
9	Makanan lainnya	192	96.0

Jadual 5.13 menunjukkan bahawa majoriti isi rumah miskin mengambil kelompok makanan seperti padi-padian, gula, buah- buahan & sayuran juga lemak minyak sebanyak (200 Rt atau 100%), makanan haiwan (199 Rt atau 99.5%), makanan lainnya (192 Rt atau 96.0%), kacang (72 Rt atau 36.0%) dan umbi-umbian (38 Rt atau 19%) Jadual tersebut juga menunjukkan bahawa empat kumpulan makanan yang awal merupakan sumber tenaga yang cukup tinggi, sementara kumpulan makanan terkini, khususnya sayur-sayuran, dimakan hampir semua responden kerana banyak antaranya tidak perlu dibeli di pasar dan boleh diperolehi di sekitar rumah.

Pendekatan komposisi kelompok makanan melalui *Pola Pangan Harapan (PPH)* boleh memberikan pedoman tentang komposisi pelbagai makanan yang mampu menyediakan tenaga dan zat pemakanan yang diperlukan oleh rata-rata penduduk dengan jumlah yang cukup dan seimbang. Selain itu, makanan ini juga memberikan mutu makanan yang baik. *PPH* berguna sebagai instrumen yang sederhana untuk menilai ketersediaan penggunaan

makanan dari segi jumlah dan komposisi makanan menurut jenis makanan secara agregat. *PPH* boleh digunakan untuk merancang ketersediaan makanan serta merumuskan dasar makanan dan perancangan pertanian di sesuatu wilayah.

Dengan menggunakan *PPH* dalam perancangan pertanian dan makanan dapatlah diketahui sebanyak mana makanan yang harus disediakan untuk penggunaan penduduk agar kecukupan gizi dapat dipenuhi dengan kualiti yang lebih baik. Nisbah penggunaan tenaga tiap-tiap kumpulan makanan ditunjukkan dalam Rajah 5.1



Rajah 5.1: Perkadaran penggunaan berdasarkan penggunaan setiap kelompok Makanan, 2013.

Hal ini mengakibatkan pada keseluruhannya nisbah penggunaan tenaga daripada setiap kelompok makanan itu belum memenuhi *PPH* yang dianjurkan.

Nisbah penggunaan tenaga dalam setiap kelompok makanan itu ditunjukkan dalam

Daripada Jadual 5.14 jelas bahawa kumpulan makanan minyak lemak, sayur dan gula dimakan jauh melebihi jumlah yang dianjurkan oleh normatif *PPH*. Hal ini adalah kerana isi rumah suka menggoreng lauk, suka meminum teh dan mereka tidak membeli sayur-sayuran untuk dimakan. Dalam hal kekacang, mereka sudah memenuhi normatif *PPH*, manakala dalam lima kumpulan makanan yang lain, mereka memakan jauh lebih rendah daripada nisbah penggunaan normatif yang disarankan.

Keputusan ujian statistik *t* yang dijalankan menunjukkan bahawa nisbah penggunaan sebenar setiap kelompok makanan tersebut masih belum memenuhi komposisi penggunaan normatif. Keputusan ujian statistik *t* yang dimaksudkan ditunjukkan dalam Jadual 5.14

Jadual 5.14: Hasil uji statistik *t* perbezaan kadaran penggunaan tenaga sebenar setiap kelompok makanan dengan kadaran penggunaan tenaga normatif, Kecamatan Bontoa

No	Kelompok makanan	t_{hitung}	t_{jadual}	Keterangan
1	Padi-padian	34.119		Berbeza nyata
2	Umbi-umbian	-3.49		Berbeza nyata
3	Buah/biji berminyak	-		-
4	Lemak dan minyak	24.47		Berbeza nyata
5	Gula	24.17	2.36	Berbeza nyata
6	Pangan haiwan	5.958		Berbeza nyata
7	Kacang-kacangan	6.473		Berbeza nyata
8	Sayur & buah	16.063		Berbeza nyata
9	Makanan lain	2.229		Berbeza nyata

Secara statistik, kadar penggunaan tenaga setiap kelompok makanan isi rumah miskin luar bandar berbeza

dengan kadar penggunaan tenaga anjuran *PPH* tahun 2013.

5.6.3 Dapatan Regresi

Pada umumnya, secara teori penggunaan makanan dipengaruhi oleh faktor ekonomi, sosial, budaya, ketersediaan makanan dan pengeluaran makanan. Faktor ekonomi dan penduduk merupakan faktor penting yang mempengaruhi penggunaan makanan. Antara pengukur keadaan ekonomi isi rumah adalah pendapatan atau perbelanjaan isi rumah.

Kesemuanya ada 14 pemboleh ubah yang dijangka akan mempengaruhi penggunaan makanan. Pemboleh-pemboleh ubah ini boleh dikumpulkan kepada dua kelompok, khususnya pemboleh ubah dalaman dan pemboleh ubah luaran. Pemboleh ubah dalaman ialah pemboleh ubah yang berada dalam isi rumah yang saling berinteraksi antara satu dengan yang lain dan boleh diuruskan oleh isi rumah sendiri. Pemboleh ubah ini meliputi pendidikan ketua isi rumah, pendidikan ibu isi rumah, pendapatan per kapita isi rumah, jumlah anggota isi rumah yang bekerja dan pengetahuan gizi tentang pemakanan, Jenis pekerjaan utama, jumlah ahli isi rumah, ahli isi rumah yang bekerja, perubahan pola penggunaan kerana musim, dan pemanfaatan tanah di sekitar rumah untuk menyokong penggunaan makanan. 7 Pemboleh ubah luaran pula ialah pemboleh-pemboleh ubah yang berada di luar lingkungan isi rumah yang tidak boleh dikawal oleh isi rumah sendiri. Pemboleh-pemboleh ubah ini meliputi harga beras, program RASKIN, akses

terhadap bada kewangan, akses kepada maklumat, dan akses kepada peluang pekerjaan. Hasil analisis regresi berganda terhadap faktor-faktor yang dijangka mempengaruhi penggunaan makanan isi rumah miskin luar bandar ditunjukkan dalam Jadual 5.15

Jadual 5.15: Keputusan regresi menganggar faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan makanan isi rumah miskin luar Bandar

Model	Pekali tak terpiawai			t	Sig.
	B	SE	Beta		
(Pemalar)	5.051	19.966		.253	.801
Pendidikan Ketua isi rumah	.599*	.585	-.076	-.990	.324
Pendidikan Ibu isi rumah	1.073*	.638	.136	1.683	.094
Pendapatan Per kapita isi rumah	1.007E-5**	.000	.284	3.599	.000
Jumlah Anggota isi rumah	-.201	1.462	-.015	-.138	.891
Anggota isi rumah yang Bekerja	2.078	2.849	.082	.729	.467
Harga Beras	.004**	.004	.267	3.191	.005
Penerimaan beras Raskin	-1.833	6.060	-.033	-.302	.763
Jenis pekerjaan utama	-1.120	6.588	-.020	-.170	.865
Pengetahuan Gizi	-1.303*	4.143	-.124	1.314	.054
Perubahan pola penggunaan makanan	3.589	8.253	.033	.435	.664
Pemanfaatan tanah pekarangan	3.588	6.887	.040	.521	.603
Akses lembaga kewangan	9.850	12.092	.065	.815	.416
Akses terhadap maklumat	-10.260*	5.607	-.148	1.830	.069
Akses Kesempatan Kerja	11.834*	6.313	.142	1.874	.062

Nota. Pemboleh ubah bersandar: Pola penggunaan makanan

* = Nyata pada tahap keertian 90% ($\alpha = 0.10$)

** = Sangat nyata pada tahap keertian 99% ($\alpha = 0.01$)

Nilai Durbin Watson (DW) = 1.690

Semua pemboleh ubah bebas yang dimasukkan ke dalam model tersebut berpengaruh terhadap pemboleh ubah bersandar iaitu pola penggunaan makanan. Nilai pekali penentu (R^2) 0.816 menunjukkan bahawa kesemua 14 pemboleh ubah bebas mampu menjelaskan jumlah perubahan pemboleh ubah bersandar sebanyak 81.6%, manakala perubahan selebihnya dijelaskan oleh faktor-faktor lain di luar model yang telah dibina tersebut.

Pendapatan per kapita dan harga beras mempunyai pengaruh yang sangat nyata pada aras keyakinan 99%. Hal ini ditunjukkan oleh nilai kebarangkalian yang kurang daripada 0.01 (1%). Tanda positif pada semua pekali regresi makanan menunjukkan pengaruh searah, yang bermakna peningkatan pemboleh ubah bebas akan menyebabkan peningkatan pemboleh ubah bersandar. Nilai Durbin Watson 1,690 menunjukkan bahawa tidak ada autokorelasi yang berlaku antara sesama pemboleh ubah dalam model tersebut (Santoso, 1999).

Pengaruh ketua isi rumah dan pendidikan ibu isi rumah ke atas pola penggunaan makanan adalah positif dan nyata dari segi statistik. Semakin lama seorang ibu isi rumah memperoleh pendidikan formal, semakin tinggi tingkat pendidikan formalnya, maka semakin tinggi pola penggunaan makanan isi rumah.


Pada masyarakat tradisional, peranan ibu isi rumah dalam pekerjaan domestik masih sangat kuat. Antaranya termasuk menyiapkan makanan bagi seluruh anggota isi rumah. Apabila pendidikan ibu isi rumah meningkat, ini akan mempengaruhi secara positif kepada kemampuannya menguruskan rumah tangga termasuk antaranya kemampuan menyiapkan menu makanan bagi seluruh anggota isi rumah, dengan menyediakan makanan yang berkualiti lebih baik (Lee & Brown, 2009).

Seterusnya ketua isi rumah dengan pendidikan yang baik mendapatkan pendapatan yang lebih tinggi. Kajian di beberapa buah negara sedang membangun menunjukkan bahawa tahap pendidikan formal ketua isi rumah mempunyai hubungan yang signifikan dengan jumlah dan

jenis makanan yang digunakan pada peringkat isi rumah (Kant et al., 2012). Pendidikan ketua isi rumah menjadi faktor penting dalam penentuan susunan makanan dalam rumah tangga. Dengan pendidikan yang lebih tinggi, ketua isi rumah yang berpendapatan tinggi mempunyai kecenderungan besar untuk menguruskan secara berkesan sumber yang dimiliki. Selanjutnya pengetahuan gizi, akses terhadap maklumat dan akses terhadap kesempatan kerja juga mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap penggunaan makanan isi rumah miskin.

Graf Plot Normal Regresi

Normal P-P Plot of Regression Standardized Residual



Rajah 5.2: Plot Regresi Normal

Dari hasil grafik normaliti data adalah bertaburan normal mengikuti garis diagonal seperti dalam rajah 5.2.

Jadual 5.17 menunjukkan bahawa hasil ujian ke atas model yang digunakan mempunyai nilai F hitung yang lebih besar daripada F jadual pada aras keyakinan 99%. Hal ini menunjukkan bahawa spesifikasi pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas yang dimasukkan ke dalam model dianggap sesuai.

Kajian di beberapa buah negara sedang membangun menunjukkan bahawa tahap pendidikan formal ibu isi rumah mempunyai hubungan yang signifikan dengan jumlah dan jenis makanan yang digunakan pada peringkat isi rumah (Kant et al., 2012). Pendidikan ibu menjadi faktor penting dalam penentuan susunan makanan dalam rumah tangga. Dengan pendidikan yang lebih tinggi, ibu isi rumah yang berpendapatan rendah mempunyai kecenderungan besar untuk menguruskan secara berkesan sumber yang dimiliki.

Pendidikan ibu isi rumah yang lebih baik akan menghasilkan pemilihan kombinasi makanan yang berbeza-beza dan murah. Kemampuan menyiapkan menu makanan dengan kualiti yang lebih baik dan kombinasi makanan yang berbeza-beza dan murah mendapat sokongan kajian ini. Kajian ini mendapati bahawa ada pengaruh positif sangat nyata antara pendidikan ibu isi rumah dengan tahap penggunaan protein sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 5.16.

Jadual 5.16: Keputusan regresi pengaruh pendidikan ibu isi rumah terhadap tahap penggunaan protein isi rumah miskin luar Bandar

Model	Pekali tak terpiawai		Pekali terpiawai	T	Sig.
	B	SE	Beta		
(Pemalar)	22.780	1.018		22.377	.000
Pendidikan Ibu Rt	.208	.174	.085	17.195	.000
Ciri-ciri persamaan regresi	:				
Pemboleh ubah bersandar	: Tahap penggunaan protein				
R^2	: 0.737				
F_{hitung}	: 142.28				
D.W.	: 2.208				

Hasil kajian ini tidak berbeza daripada hasil kajian Santoso & Ariani (1999) dalam kajian mereka, “Faktor-faktor yang mempengaruhi isi rumah dalam penentuan jenis makanan haiwan,” mereka menyebutkan bahawa apabila pendidikan ibu meningkat, isi rumah akan meningkatkan peluang penggunaan yang lebih tinggi untuk makanan haiwan.

Makanan haiwan merupakan sumber protein yang tinggi. Apabila pengambilan makanan haiwan meningkat, tahap penggunaan protein akan meningkat pada giliran seterusnya, justeru mutu penggunaan makanan akan meningkat.

Jadual 5.17: Keputusan regresi menganggar pengaruh tahap penggunaan protein terhadap pola penggunaan makanan isi rumah miskin luar bandar

Model	Pekali tak terpiawai		Pekali terpiawai	t	Sig.
	B	SE	Beta		
(Pemalar)	41.599	5.586		7.446	.000
Tahap penggunaan Protein	.776	.221	.242	3.511	.001
Ciri-ciri persamaan regresi	:				
Pemboleh ubah bersandar	: Pola Penggunaan makanan				
R^2	: 0.659				
F_{hitung}	: 12.330				
D.W.	: 2.221				

Berkaitan dengan jumlah kalori yang dimakan, semakin tinggi pendapatan maka semakin tinggi jumlah kalori makanan yang berasal dari haiwan, buah-buahan dan sayur-sayuran. Dapatan ini berbeza dengan dapatan oleh Caliendo et. al . (2012) yang menunjukkan pendapatan yang tinggi tidak mempengaruhi pengambilan makanan yang berasas haiwan, buah-buahan dan sayuran . Dapatan beliau mungkin kerana sampel kajian yang dikaji diambil daripada sebuah klinik yang penggunaan makanannya sudah ditentukan.

Tahap pendapatan per kapita mempengaruhi kepelbagaian penggunaan makanan dengan positif dan signifikan dari segi statistik. Hal ini bermakna bahawa dengan semakin meningkatnya pendapatan per kapita, kepelbagaian penggunaan makanan isi rumah miskin luar bandar akan meningkat bersama-sama dengan tahap pendapatan yang lebih tinggi; isi rumah miskin lebih mampu membeli makanan, bukan sahaja untuk memenuhi perasaan lapar mereka (makanan penting untuk sumber karbohidrat penghasil tenaga) tetapi juga untuk memenuhi fungsi kenikmatan (adanya lauk pauk sebagai sumber protein untuk fungsi pembina) dan fungsi kesegaran (adanya sayur dan buah sebagai sumber vitamin dan mineral sebagai fungsi pengatur metabolisme) dari makanan yang dimakan (Almatsier, 2011).

Pelbagai usaha untuk pembaikan gizi biasanya berorientasikan tahap pendapatan. Seiring dengan semakin meningkatnya pendapatan, kecukupan makanan akan dapat dipenuhi. Dengan demikian pendapatan merupakan faktor utama dalam penentuan kualiti dan kuantiti bahan

makanan. Besar kecilnya pendapatan isi rumah berkait rapat dengan jenis pekerjaan ayah dan ibu serta tahap pendidikan mereka.

Pendapatan merupakan faktor yang popular dalam model perilaku pengguna, termasuk juga model permintaan makanan. Semakin tinggi pendapatan, maka semakin tinggi pula bahagian yang sedia untuk memenuhi keperluan makanan. Semakin tinggi pendapatan yang tersedia untuk penggunaan makanan pada tingkat harga tertentu, maka semakin tinggi pula kuasa beli makanan yang pada giliran seterusnya akan mempengaruhi kepelbagaian penggunaan makanan supaya menjadi lebih baik (Lee & Brown, 2009).

Pengeluaran menjadi proksi kepada pendapatan. Ia merupakan faktor utama yang mempengaruhi keputusan penggunaan makanan sesebuah isi rumah. Apabila pendapatan seseorang meningkat, kesempatan yang tersedia untuknya dan keluarganya akan meningkat. Hal ini termasuklah peluang untuk membeli pelbagai jenis makanan.

Kajian yang menganalisis hubungan antara pendapatan dengan kepelbagaian penggunaan makanan telah dijalankan oleh Permanawati (2009). Mereka mendapati bahawa pendapatan per kapita sebulan mempunyai pengaruh yang positif dan signifikan dari segi statistik ke atas kepelbagaian penggunaan makanan pada aras keyakinan 95%. Dengan pendapatan yang lebih tinggi, kepelbagaian penggunaan makanan akan meningkat. Demikian juga tahap penggunaan tenaga dan protein, terutamanya makanan berasaskan haiwan. Kajian

Ariani & Saliem (2009) menghasilkan kesimpulan yang sama, bahawa semakin tinggi pendapatan, semakin besar kepelbagaian penggunaan makanan.

Isi rumah miskin mempunyai pola penggunaan makanan yang lebih sederhana, terutamanya terdiri daripada sumber kalori yang murah. Sementara itu isi rumah yang mempunyai pendapatan yang lebih tinggi mempunyai pola penggunaan makanan yang mengandungi lebih banyak sumber protein dan vitamin.

Jadual 5.18 menunjukkan bahawa apabila pendapatan meningkat, penggunaan makanan pokok sumber karbohidrat akan berkurangan. Sebaliknya, penggunaan makanan lain akan meningkat, termasuklah makanan sumber protein haiwan. Hal ini seperti disarankan oleh konsep hirarki psikologi oleh Maslow. Kesimpulan ini dikuatkan lagi dengan hasil regresi anggaran pengaruh perbelanjaan untuk penggunaan makanan ke atas tahap penggunaan protein. Hal ini jelas dalam Jadual 5.18.

Jadual 5.18: Keputusan regresi menganggar pengaruh pengeluaran untuk penggunaan makanan terhadap tahap penggunaan protein isi rumah miskin luar bandar

Model	Pekali tak terpiawai		Pekali terpiawai	t	Sig.
	B	SE	Beta		
(Pemalar)	16.238	1.02		15.917	.000
Perbelanjaan beras	1.555E-5	.000	.521	8.582	.000
Ciri-ciri persamaan regresi	:				
Pemboleh ubah bersandar	: Tahap penggunaan protein				
R^2	: 0.521				
F_{hitung}	: 73.645				
D.W.	: 2.271				

Hasil kajian ini selaras pula dengan kajian Ravallion (2013) yang menggunakan kumpulan data SUSENAS 2013. Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa semakin tinggi pendapatan, maka semakin tinggi pula kecenderungan untuk mengambil makanan yang lebih terpelbagai.

Apabila jenis makanan yang dimakan menjadi semakin terpelbagai, ia akan meningkatkan mutu zat makanan. Oleh itu, terjadilah proses saling melengkapi keperluan zat pemakanan tubuh antara satu jenis makanan dengan jenis makanan yang lain (Sediaoetama, 2010). Hasil regresi anggaran pengaruh jenis makanan yang digunakan dan perbelanjaan untuk makanan terhadap kepelbagaian penggunaan makanan ditunjukkan dalam Jadual 5.19.

Jadual 5.19: Keputusan regresi menganggar pengaruh banyaknya jenis makanan yang diguna dan pengeluaran untuk makanan terhadap pemelbagaian penggunaan makanan isi rumah miskin luar bandar

Model	Pekali tak terpiawai		Pekali Terpiawai	t	Sig.
	B	SE	Beta		
(Pemalar)	18.772	12.499		1.502	.000
Perbelanjaan beras	2.542E-5	.000	.271	3.373	.001
Jumlah bahan makanan	5.227	2.039	.206	2.563	.001
Ciri-ciri persamaan regresi	:				
Pemboleh ubah bersandar	:	Pola penggunaan makanan			
R ²	:	0.627			
F _{hitung}	:	9.975			
D.W.	:	1.536			

Jadual 5.19 menunjukkan bahawa banyaknya jenis makanan yang dimakan dan saiz perbelanjaan untuk makanan berpengaruh positif sangat signifikan secara statistik terhadap kepelbagaian penggunaan makanan dengan pekali penentuannya bernilai 0.627. Nilai ini bermakna bahawa 62.70% kepelbagaian penggunaan

makanan adalah kerana pengaruh banyaknya jenis makanan yang digunakan dan besarnya perbelanjaan untuk makanan. Hal ini bermakna bahawa dengan menganggap pemboleh ubah lain malar, maka satu peratus peningkatan jumlah anggota isi rumah akan meningkatkan penggunaan makanan sebesar 0.132%.

